

Bil. 36

**Isnin
16 November 2020**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT	(Halaman 17)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2021	(Halaman 17)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2021	(Halaman 17)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Datuk Azhar bin Azizan @ Harun
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PPBM
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
2. Yang Berhormat Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PPBM
3. “ Menteri Kanan Pertahanan, Dato’ Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
4. “ Menteri Kewangan, YM Tengku Dato’ Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz [Senator]
5. “ Menteri Kanan Kerja Raya, Dato’ Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petra Jaya] – PBB
6. “ Menteri Kanan Pendidikan, Dr. Radzi bin Jidin – Senator
7. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
8. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
9. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Dato’ Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu] - PAS
10. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri - Senator
11. “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak), Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu] – PBS
12. “ Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
13. “ Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian] – PAS
14. “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
15. “ Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
16. “ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titawangsa] – PPBM
17. “ Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
18. “ Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Dato’ Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
19. “ Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – PPBM
20. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO

21. “ Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – PPBM
22. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – PPBM
23. “ Menteri Luar Negeri, Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
24. “ Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit] – PBB
25. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PPBM
26. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PPBM
27. “ Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
28. “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato’ Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong] – PBB
29. “ Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Dato’ Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus] – PAS
30. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato’ Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong] – PBB
31. “ Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
32. “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Lim Ban Hong – Senator
2. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Kewangan II, Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
5. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato’ Eddin Syazlee bin Shith [Kuala Pilah] – PPBM
6. “ Timbalan Menteri Pendidikan I, Dato’ Dr. Mah Hang Soon, - Senator
7. “ Timbalan Menteri Pendidikan II, Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
8. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] – PBRIS
9. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas), Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
10. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – PPBM
11. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] – PAS
12. “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Sabah dan Sarawak) Dato Hajah Hanifah Hajar Taib [Mukah] – PBB

13. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tuan Haji Hasbi bin Habibollah [Limbang] – PBB
14. “ Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air, Dato’ Dr Ahmad Masrizal Muhammad – Senator
15. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] - PAS
16. “ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PPBM
17. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato’ Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff, D.J.M.K. [Rantau Panjang] – PAS
18. “ Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PPBM
19. “ Timbalan Menteri Tenaga dan Sumber Asli, Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PPBM
20. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
21. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PPBM
22. “ Timbalan Menteri Kesihatan I, Dato’ Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai] – PPBM
23. “ Timbalan Menteri Kesihatan II, Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit] – PRS
24. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
25. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato’ Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] – PAS
26. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I, Dato’ Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
27. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar II, Dato’ Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas] – PBB
28. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PPBM
29. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – PPBM
30. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO
31. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
32. “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu] - PAS
33. “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah] – PPBM
34. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato’ Sri Dr. Wee Jeck Seng, S.S.A.P., D.M.S.M., [Tanjong Piai] – MCA
35. “ Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan komoditi II, Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR
36. “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato’ Sri Ti Lian Ker – Senator
37. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal – Senator

AHLI-AHLI (PN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang] – PAS
3. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] – PAS
4. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
5. “ Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] – PAS
6. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
7. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
8. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
9. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] – PAS
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – PPBM
12. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
13. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] – PAS
14. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
15. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
17. “ Dato’ Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
18. “ Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis] - UMNO
19. “ Dato’ Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
20. “ Dato’ Haji Mohd Fasihah bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] – PPBM
21. “ Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
22. “ Dato’ Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
23. “ Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
24. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] – PAS
25. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] – PAS
26. “ Tan Sri Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
27. “ Tuan Ramli bin Dato’ Mohd Nor [Cameron Highlands] – UMNO
28. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai] – PAS
29. “ Dato’ Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
30. “ Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] – UMNO
31. “ Dato’ Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang] – PPBM

32. “ Dato’ Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
33. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
34. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
35. “ Tuan Shaharizukirnain bin Abd Kadir [Setiu] – PAS
36. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun] – PAS
37. “ Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] – PPBM
38. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – PPBM

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar] – WARISAN
3. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
6. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
7. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
8. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] – PKR
9. “ Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
16. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
17. “ Datuk Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
18. “ Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
19. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
20. “ Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
21. “ Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
22. “ Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
23. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
24. “ Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
25. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] – PKR
26. “ Datuk Ignatius Dorell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Puan Isnaraissah Munirah binti Majillis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
28. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR

30. “ Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] – PKR
31. “ Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
32. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
33. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
34. “ Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
35. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
36. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
37. “ Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
38. “ [Kosong] [Batu Sapi]
39. “ Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
40. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
41. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
42. “ Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
43. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
44. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
45. “ Dato’ Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
46. “ Tuan Ma’mun bin Sulaiman [Kalabakan] – WARISAN
47. “ Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
48. “ Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
49. “ Datuk Mohamaddin bin Ketapi [Lahad Datu] – WARISAN
50. “ Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
51. “ Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH
52. “ Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
53. “ Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna] - WARISAN
54. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
55. “ Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
56. “ Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
57. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
58. “ Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP
59. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
60. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
61. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
62. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
63. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
64. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
65. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
66. “ Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
67. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
68. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
69. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
70. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan] - WARISAN

71. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
72. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
73. “ Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
74. “ Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim-Bandar Baharu] – PKR
75. “ Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
76. “ Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
77. “ Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
78. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
79. “ Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
80. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
81. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
82. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
83. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
84. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
85. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
86. “ Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
87. “ Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
88. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
89. “ Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] – DAP
90. “ Dato’ Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] - PKR
91. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran] - UPKO
92. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
93. “ Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
94. “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
95. “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
96. “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
97. “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
98. “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
99. “ Dato’ Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam D.J.M.K. [Kuala Langat] – PKR
100. “ Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP
101. “ Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato’ Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]
2. “ Tuan Jugah a/k Muyang @ Tambat [Lubok Antu]
3. “ Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi]
4. “ Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]
5. “ Dato’ Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]
6. “ Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading]
7. “ Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
3. “ Datuk Robert Lawson Chuat [Betong]
4. “ Dato Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
5. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
6. “ Tuan Haji Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PSB)

1. Yang Berhormat Dato' Masir Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
2. “ Tuan Baru Bian [Selangau]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri (Dr.) Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Wilson Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey Kitingan [Keningau]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Kamis bin Samin

Setiausaha Dewan Rakyat

Nizam Mydin bin Bacha Mydin

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nur Hazwanie binti Mohd Rozali

Nurul Atikah binti Basrudin

Ahmad Syahril bin Haji Sikari @ Sik'ari

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

Izzul Syazwan bin Abdul Halim

Maryam binti Azinuddin

Mohd Aizuddin bin Pahrol Laili

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Isnin, 16 November 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah mekanisme yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi membendung masalah penyebaran berita palsu terutamanya berkaitan pandemik COVID-19 yang telah menimbulkan panik dan menggugat ketenteraman awam serta adakah pihak kementerian bercadang untuk mengembalikan semula Akta Antiberita Tidak Benar yang dimansuhkan sebelum ini.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr Mah Hang Soon]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, izinkan saya menjawab soalan ini bagi mewakili Yang Berhormat Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Hal ini kerana Yang Berhormat Menteri telah dimaklumkan pada malam tadi bahawa beliau tidak dibenarkan untuk memasuki Parlimen kerana telah menjalani *swab test* awal beberapa hari dari jadual yang telah ditetapkan oleh Parlimen. Keputusan ujian beliau adalah negatif, manakala Yang Berhormat Timbalan Menteri pula menjalani temu janji berjadual bersama doktor.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia sentiasa menghebahkan usaha-usaha kerajaan bagi membendung masalah penyebaran berita palsu, terutamanya berkaitan pandemik COVID-19 yang telah menimbulkan panik dan menggugat ketenteraman awam.

Kementerian melalui agensi-agensinya seperti RTM, JaPen, SKMM dan juga BERNAMA berterusan melalui platform masing-masing memberikan info-info yang tepat dan tulen berkenaan dasar-dasar kerajaan. Antara tindakan-tindakan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut. Program *Info on Wheels* (IOW) iaitu program turun padang dengan membuat hebahan dan penerangan terus ke peringkat akar umbi mengenai langkah-langkah pencegahan wabak agar masyarakat lebih faham dan mendapat maklumat yang tepat.

Program ini melibatkan semua pemimpin masyarakat dari seluruh negara. Media sosial rasmi kementerian. Isu penyebaran palsu turut disangkal dengan perkongsian maklumat yang sahih mengenai kenyataan media dan liputan berita atau video daripada RTM dan BERNAMA. Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2020, sebanyak 987 hantaran atau *postings* menggunakan maklumat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Penyiaran Malaysia dan BERNAMA untuk dihebahkan di semua sosial media rasmi JaPen.

Paparan elektronik atau *billboard*. JaPen juga telah melaksanakan kempen melalui publisiti bercetak dan elektronik serta mendapatkan kerjasama rakan strategik melalui slot paparan elektronik atau skrin digital bermula pada awal Februari 2020 dan diteruskan sehingga kini dengan kempen, "Pembudayaan Norma Baharu: Putuskan Rantainya COVID-19".

Penerbitan risalah. Risalah mengenai COVID-19 juga telah diedarkan secara berterusan melibatkan aktiviti komunikasi bersemuka di semua negeri dan daerah dalam

usaha menangkis isu penyebaran berita palsu yang berleluasa. Sebanyak lebih daripada 1 juta risalah dalam pelbagai bahasa, termasuk bahasa Iban dan Kadazan telah disediakan berkaitan COVID-19 dicetak dan diedarkan di seluruh negara. RTM juga telah menerbitkan rancangan 'Pastikan Sahih' yang bersiaran setiap Isnin hingga Jumaat pada jam 6.30 petang di saluran berita RTM, myFreeview 123 bagi memberikan maklumat yang benar dan memperbetulkan maklumat yang tular.

Kementerian juga telah menubuhkan Pasukan Respons Pantas (PRP) pada 24 Mac 2020 bersama Majlis Keselamatan Negara, Suruhanjaya Komunikasi dan JaPen.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Minta rumuskan, masa telah tamat.

Dato' Dr Mah Hang Soon: Berhubung dengan Akta Antiberita Tidak Benar, dengan berkuat kuasanya Akta 852, Akta Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2020 [Akta 285] yang baharu diwartakan pada 30 Januari 2020, sebarang berita palsu, laporan palsu dan penyalahgunaan media sosial ditangani melalui undang-undang yang sedia ada seperti Kanun Keseksaan [Akta 574], Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301] dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Sehubungan itu, kerajaan akan terus mengenal pasti pendekatan yang paling ampuh atau mampan untuk mengekang penyebaran berita palsu bagi memastikan rakyat mendapat berita dan laporan yang sah dan terkini.

■1010

Pada masa yang sama juga, kementerian menyarankan seluruh rakyat untuk bertindak memerangi penyebaran berita palsu yang boleh menyebabkan keadaan gusar dan mengancam ketenteraman awam. Nasihat dihebahkan melalui pelbagai pesanan khidmat awam dengan mesej, "*Tidak pasti jangan kongsi*". Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat]: Sila Yang Berhormat Arau jika ada soalan tambahan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berita palsu telah menumbangkan sebuah kerajaan, Kerajaan BN dan berita benar telah menaikkan sebuah kerajaan, Kerajaan Perikatan Nasional. Jadi apakah kita tahu bahawa di antara agensi yang mampu untuk mengekang berita palsu ini ialah JASA. Jadi apakah kerajaan bercadang untuk menguatkan JASA dan juga agensi lain yang berkaitan?

Keduanya, adakah kerajaan setuju bahawa ketiadaan undang-undang yang bersifat tegas berkaitan berita palsu telah meletakkan Malaysia di kedudukan tercorot berbanding negara-negara lain yang mempunyai undang-undang khusus bagi menangani masalah penyebaran berita palsu. Contohnya, Kerajaan Singapura telah memperkenalkan Rang Undang-undang Perlindungan Daripada Kepalsuan dan Manipulasi Dalam Talian (POFMA). Oleh kerana soalan ini agak memerlukan jawapan yang panjang, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab secara bertulis. Terima kasih.

Dato' Dr Mah Hang Soon: Terima kasih, akan kita salurkan secara bertulis.

2. Puan Hannah Yeoh [Segambut] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan adakah Jabatan Bomba dan Penyelamat dilengkapi dengan peralatan yang mencukupi bagi menangani kes kebakaran melibatkan bangunan kediaman bertingkat, mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi dan terletak berdekatan antara satu sama lain seperti di kawasan Mont Kiara dan Taman Sri Sinar.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah.* Terima kasih, Yang Berhormat Segambut kerana menanyakan soalan ini dan memberi peluang kepada saya untuk membuat penjelasan.

So, jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat Segambut, Balai Bomba Sri Hartamas adalah dalam Kategori A, *that means the first level of* Balai Bomba yang *the most equipped*, yang banyak dibuat kawal selia. Jadi di Balai Bomba Sri Hartamas ini jauhnya daripada Mont Kiara adalah 1.5 kilometer dan kepada Sri Sinar adalah 6.5 kilometer. Jadi kalau ikut masa mengikut KPI, masa yang telah ditetapkan oleh Bomba

adalah 10 minit ke bawah. Jadi untuk ke Mont Kiara adalah empat minit dan juga untuk ke Taman Sri Sinar adalah *nine minutes*.

Jadi untuk kelengkapan dalam Balai Bomba ini, kita ada kelengkapan sebanyak dua *aerial ladder platform*, satu *water tanker* dan satu *emergency medical rescue* dan dua *fire rescue tender*. So, *in case* lah, ini gambarannya. [Sambil menunjukkan beberapa *keping gambar*] *In case you might not be familiar with the terminology*. Inilah ada balai-balai – peralatan yang telah ada.

Selain daripada itu juga, dia ada jentera-jentera dan peralatan yang kecil-kecil seperti *circular disc power-saw*, *chainsaw*, *portable pump*, ... [Tidak jelas]..*rescue and so forth*, itu peralatan yang kecil-kecil untuk dibawa oleh pegawai bomba dalam menangani isu-isu kebakaran ataupun penyelamatan.

Jadi untuk sistem-sistem jenis kawalan untuk mengelakkan kebakaran, dia ada mengikut kategori, kategori perumahan, *mall*, hotel dan sebagainya. Jadi untuk perumahan dan juga untuk *mall* kita ada sistem-sistem pemadam api untuk rumah dan sistem hos gelung untuk rumah. Kita ada sistem penggera kebakaran elektrik manual, kita juga ada pusat kawalan kebakaran dan sistem pengesan api juga ada di bangunan-bangunan ini.

Jadi pegawai bomba di Sri Hartamas setakat ini telah menjalankan pemeriksaan di bangunan-bangunan persekitaran di Balai Bomba Sri Hartamas sebanyak 70 kali pada tahun ini dan disasarkan sebanyak 103 kali yang harus mereka laksanakan. Jadi ada lagi 33 lawatan *inspection* yang harus mereka laksanakan. So, jadi untuk itu Balai Bomba Sri Hartamas ini dia melapor di Balai Bomba Kuala Lumpur di Hang Tuah. Jadi apa-apa komunikasi itu akan dikaitkan ataupun di *link*-kan, disambungkan dengan Balai Bomba Kuala Lumpur yang menjadi *main* untuk balai-balai bomba di seluruh Kuala Lumpur. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh [Segambut]: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri atas jawapan tadi. Soalan tambahan saya adalah apakah perancangan Jabatan Bomba dalam menghadapi kebarangkalian adanya kebakaran yang serius semasa tempoh gangguan bekalan air kerana yang saya dapat jawapan adalah dia memang ada *standby* satu *tanker* air tetapi kalau kebakaran yang serius di kawasan padat seperti ini yang juga merangkumi banyak rumah kampung yang ada *sublet* kepada warga asing dan kebakaran memang selalu berlaku di kawasan ini. Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin: Untuk kebakaran dalam tempoh COVID-19 ini terutamanya bila kita harus mematuhi SOP dan sebagainya tetapi dari segi perkhidmatan kebombaannya itu tidak menjadi halangan kerana mereka selalu mendapat laluan trafik untuk ke tempat itu. Jadi dari segi persediaan air untuk memadamkan api, selain daripada *tanker* yang ada di Balai Bomba Sri Hartamas, di Balai Bomba Sri Hartamas juga dibantu oleh Balai Bomba TTDI Jaya dan juga Balai Bomba Jinjang.

So, ini di antara *supporting* balai bomba di kawasan Sri Hartamas. Bomba juga ada kelonggaran untuk menggunakan pili-pili air yang ada di kawasan situ, untuk dibuka pili-pili air untuk digunakan mengambil air untuk membantu memadamkan kebakaran dan pelbagai lagi cara lagi untuk memastikan bahawa kita ada cukup bekalan air untuk memadam api. So, itu adalah di antara perkara-perkara yang memang standard yang selalu dilaksanakan oleh bomba ketika ada kebakaran. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:

*Rakyat dijaga jangan siakan,
Bulan November penuh acara,
Soalan tiga tolong jawabkan,
Hasil sumber galian negara.*

3. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan usaha-usaha baharu dan prospek kini dan masa depan sektor galian dan perlombongan di negara ini yang boleh menambah hasil negara termasuk contohnya nadir bumi yang tiada bahan radioaktif dan hasil hutan yang lebih lestari.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hebat pantun itu. Kementerian Tenaga dan Sumber Asli merupakan peneraju kepada pengurusan mampan sumber asli negara dan dengan

itu berperanan menggerakkan usaha untuk membangunkan industri mineral sebagai salah satu sumber ekonomi baharu negara.

Pada masa ini, terdapat tiga kategori mineral utama yang terdapat dalam negara dan di lombong secara komersial iaitu mineral berlogam, mineral bukan logam dan mineral tenaga. Anggaran keseluruhan nilai rizab sumber mineral negara adalah RM4.11 trilion yang dinilai berdasarkan harga semasa.

Dalam usaha memastikan industri mineral memberikan sumbangan yang besar kepada ekonomi negara dan daya saing global sentiasa teguh selaras dengan matlamat Dasar Mineral Negara 2 (DMN2) kerajaan melalui agensi-agensinya akan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) menggalakkan lebih banyak aktiviti eksplorasi sumber mineral dijalankan untuk kajian dan pembangunan ke atas mineral strategik seperti elemen nadir bumi bukan radioaktif;
- (ii) membangunkan produk nilai tambah dalam setiap rantaian nilai termasuk penggunaan teknologi baharu bagi mengurangkan impak negatif industri ini terhadap alam sekitar; dan
- (iii) memantapkan pengurusan sumber mineral melalui pengukuhan undang-undang dan menjadikan sumber mineral sebagai sumber kekayaan baharu negara.

Kementerian ini sedang membangunkan Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 (TIM 2021-2030) untuk meningkatkan daya saing industri mineral supaya mampu menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara. Gerak kerja yang dirangka dalam tempoh 10 tahun akan memastikan perubahan transformasi mineral ke arah impak lebih tinggi terhadap pembangunan ekonomi dan pendapatan negara di samping meningkatkan taraf hidup rakyat.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, sumber nadir bumi contohnya merupakan salah satu mineral strategik yang memiliki permintaan tinggi di kalangan pemain-pemain industri bagi tujuan penggunaan dalam sektor automotif, pembinaan, pengilangan teknologi dan lain-lain. Jika dilihat dalam situasi semasa, permintaan sumber REE dijangka meningkat dari tahun ke tahun berikutan Revolusi Industri 4.0.

Di samping itu, taburan sumber REE yang hanya wujud di setengah negara menjadi penentu kepada kawalan bekalan dan permintaan atau *supply and demand* di peringkat global dan ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan harga REE dunia. Berdasarkan kajian tinjauan yang telah dijalankan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Malaysia memiliki potensi sumber REE untuk dibangunkan yang mencecah sehingga USD182 bilion iaitu bersamaan dengan RM747.2 bilion.

■1020

Walau bagaimanapun, kajian yang akan dilaksanakan adalah tertumpu kepada REE bukan radioaktif. Selain REE, bauksit juga merupakan mineral yang masih punya potensi untuk dibangunkan. Mengikut rekod GMG, kira-kira sejumlah 181.5 juta tan metrik sumber bauksit yang bernilai kira-kira sebanyak RM20.3 bilion masih berpotensi untuk dibangunkan. Pada masa ini perlombongan bauksit hanya aktif di Johor dan Pahang. Kerajaan juga telah membangunkan SOP aktiviti perlombongan dan pengeksportan bauksit yang telah diguna pakai di negeri Pahang dan Terengganu.

Berdasarkan sumber hasil hutan, ia diusahakan berdasarkan prinsip pengurusan hutan secara berkekalan termasuk meletakkan catuan tebang lima tahun. Ini bagi memastikan sektor ini terus dapat menyumbang pada pertumbuhan ekonomi tetapi pada masa sama kawasan hutan masih terus dikekalkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Soalan tambahan pertama. Sila Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Sejumlah RM4.11 trilion Tuan Yang di-Pertua. Itu disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Bukankah itu satu angka yang cukup besar pada ketika negara tahun ini, tahun 2020 kekurangan hasil sebanyak RM42 bilion. Tahun depan negara terpaksa berhutang sebanyak RM85 bilion. Sedangkan kita ada sejumlah RM4.11 trilion hasil bumi.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, daripada RM4.11 trilion itu, apakah halangan-halangan untuk kita menghasilkannya? Contoh macam nadir bumi tanpa radioaktif, bauksit tanpa pencemaran alam, hutan yang berkekalan. Apakah kementerian punya perancangan untuk membangunkan industri mineral negara ini sebagai industri utama, bukan industri sampingan di negara kita? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri, satu minit.

Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Melihat kepada potensi besar kepada hasil bumi negara, ia benar. Sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Pontian, sejumlah RM4.11 trilion adalah nilai yang sangat besar. Kajian sedang dilakukan dan kita berkeyakinan bahawa kajian yang lebih spesifik, lebih teliti akan tentu membolehkan kita mengesan lebih besar nilai daripada ini. Untuk itu, beberapa perkara yang penting terutama mineral yang bukan radioaktif dan memenuhi standard dan juga dasar-dasar negara akan hanya diberi tumpuan. Bagi memastikan sektor industri mineral dapat dibangunkan secara holistik dan memberi pulangan pada masa panjang, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli sebagaimana saya sebut tadi, sedang merangka cadangan Pelan Transformasi Industri Mineral Negara yang akan dilancarkan yang akan dilancarkan oleh Yang Amat Perdana Menteri tidak berapa lama lagi.

Ini merupakan satu inisiatif bagi merancakkan semula industri mineral dengan perancangan yang dicadangkan dalam tempoh selama 10 tahun. Pelan Transformasi ini akan dipacu dengan matlamat dan sasaran lebih jelas serta dibangunkan melalui pengukuhan teras utama yang merangkumi aspek tadbir urus berkesan, holistik, pembangunan industri, pembangunan data maklumat serta kemajuan teknologi dan inovasi.

Bagi pihak kementerian, kita akan memastikan sasaran ditetapkan sepanjang tahun 2020 hingga 2030 itu berjaya dicapai mengikut garis masa yang dirancang. Ini merupakan salah satu inisiatif dalam memastikan proses pembangunan industri mineral dapat dilaksanakan secara sistematik agar usaha untuk membangunkan industri mineral boleh diteruskan pada fasa-fasa untuk pembangunan dan kita tidak tertumpu kepada penjualan berbentuk *raw* tapi lebih kepada *downstream industry* bagi membolehkan kita mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan rantaian ekonomi lain.

Kesemua teras ini melambangkan hasrat kementerian dalam memastikan pembangunan industri mineral menjadi salah satu penyumbang besar kepada ekonomi negara sebagaimana disebut oleh Yang Berhormat Pontian tadi. Hal ini termasuklah sebagaimana saya sebut, pembangunan industri mineral tidak tertumpu kepada aktiviti perlombongan hulu semata-mata tapi lebih tertumpu kepada hiliran dengan mewujudkan industri-industri yang berkaitan. Malahan, ia akan berkembang luas sehingga ke aktiviti pemprosesan, penghasilan produk berasaskan nilai-nilai mineral.

Sepanjang pelaksanaan Pelan Transformasi Industri Mineral, kementerian akan memaklumkan pelaksanaan perjalanan Pelan Transformasi ini melalui laporan kemajuan tahunan dan *insya-Allah* ia akan beri impak besar kepada negara. Bagi pihak kementerian kita akan berusaha untuk merealisasikan pelan ini agar sektor industri mineral menjadi salah satu penyumbang utama kepada ekonomi negara di samping mengamalkan kaedah-kaedah perlombongan terbaik, selamat dan menyejahterakan rakyat serta negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Dr. Maszlee bin Malik, Yang Berhormat Simpang Renggam.

4. Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan status semasa rasionalisasi pejabat-pejabat Education Malaysia (EM) di luar negara.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]: *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam atas soalan yang berkaitan dengan pejabat-pejabat *Education Malaysia* di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sejarah *Education Malaysia* bermula dengan kewujudan sembilan buah pejabat *Malaysian Student Department* (MSD) pada tahun 1994 dengan tujuan asal penubuhan untuk menguruskan hal ehwal pelajar Malaysia yang berada di luar negara. Pada tahun 2003, empat buah pejabat promosi pendidikan Malaysia di luar negara, *Malaysia Education Promotion Council* (MEPC) telah ditubuhkan dengan empat tujuan utama iaitu menggalakkan pelaburan swasta, memperkukuhkan daya saing negara, menjana punca pertumbuhan baharu dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan dan swasta. Pada 9 Julai 2010, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju untuk menjenamakan semula pejabat MEPC dan pejabat MSD kepada *Education Malaysia*. Kini, 12 pejabat *Education Malaysia* berperanan untuk mempromosikan jenama pendidikan Malaysia sebagai hab pendidikan dunia bagi menggalakkan kemasukan pelajar antarabangsa ke Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan telah menggariskan strategi untuk menyusun semula institusi sektor awam bagi mengurangkan pertindihan, peranan serta tanggungjawab antara agensi ke arah mewujudkan sektor awam yang dinamik. Justeru, Jabatan Perkhidmatan Awam, melalui surat bertarikh 16 Mei 2019 telah menyatakan hasrat untuk melaksanakan rasionalisasi pejabat perwakilan dan wakil agensi kerajaan Malaysia di luar negara yang turut melibatkan pejabat *Education Malaysia* (EM). Cadangan rasionalisasi ini dilaksanakan berikutan berlaku pengurangan peruntukan bagi pejabat EM luar negara. Sehubungan itu, terdapat sejumlah lima buah pejabat EM luar negara telah dicadangkan untuk ditutup iaitu pejabat EM Chicago, Los Angeles, New Zealand, Ho Chi Minh City dan Perth.

Pejabat-pejabat berkenaan didapati tidak lagi menyumbang kepada pertambahan pelajar antarabangsa ke Malaysia, pertambahan geran penyelidikan atau sebarang peningkatan hasil kepada negara. Bagi memperhalus cadangan rasionalisasi yang dikemukakan oleh pihak JPA, beberapa siri perbincangan dan sesi *engagement* dengan *stakeholders* kementerian yang turut disertai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Luar Negeri telah diadakan. Hasilnya, satu cadangan rasionalisasi pejabat *Education Malaysia* telah dikemukakan kepada JPA dan telah dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Penubuhan, Pemindahan dan Penutupan Pejabat Wakil Agensi Kerajaan Malaysia di Luar Negara pada 16 Januari 2020.

Jawatankuasa tersebut seterusnya mencadangkan supaya rasionalisasi pejabat *Education Malaysia* dilaksanakan secara inklusif dengan rasionalisasi pejabat wakil agensi kerajaan di luar negara. Buat masa ini, pelaksanaan rasionalisasi pejabat wakil agensi kerajaan Malaysia di luar negara sedang dikaji dan diperhalusi secara menyeluruh di peringkat agensi pusat. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila soalan tambahan yang pertama. Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apakah pelan jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mengantarabangsakan pendidikan tinggi Malaysia pasca akademik secara umum dan terutamanya bagi universiti awam daripada kluster universiti berfokus? Saya pasti Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh kongsi kepada Dewan apakah universiti awam yang termasuk dalam kategori universiti berfokus. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selama satu minit.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Soalan ini terkeluar sikitlah daripada EMGS.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya keluar tajuk.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]: Namun demikian, kementerian mengambil perhatian tentang perkara itu. Terutama sekali, sekarang ini apabila kerajaan memberi fokus utama untuk menjadikan pendidikan tinggi melalui IPTS terutamanya sebagai satu industri yang menyumbang ke arah pendapatan negara. Justeru itu, beberapa usaha promosi dilaksanakan bersama-sama dengan IPTS dan juga dengan Universiti Awam untuk mendapatkan pelajar-pelajar di luar negara, di samping untuk mempertingkatkan mutu dan kualiti penyampaian, pembelajaran juga, pembelajaran di universiti-universiti tempatan.

■1030

Seperti mana juga yang telah diusahakan oleh Yang Berhormat Mantan Menteri, Yang Berhormat Simpan Renggam dahulu juga. Okey, terima kasih.

5. Datuk Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort] minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan apakah kaedah/mekanisme yang diguna pakai oleh kementerian dalam mengenal pasti sekolah-sekolah daif yang memerlukan peningkatannya seperti bangunan dan kemudahan lain.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian kepada usaha menyediakan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah yang dapat berfungsi dengan baik untuk semua sekolah di seluruh negara. Ini adalah penting untuk memastikan prasarana yang kondusif serta pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam keadaan yang selamat di sekolah.

KPM juga sentiasa memantau keadaan fasiliti bangunan dan kemudahan sekolah melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah. Seterusnya, KPM mempunyai maklumat dan data perincian yang telah diverifikasi berdasarkan komponen fizikal atau fasiliti bangunan di sekolah yang tidak sempurna, tidak berfungsi atau tidak selamat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menunjukkan satu mekanisme atau kaedah khusus dalam mengenal pasti keadaan bangunan di sekolah. Mulai tahun 2019, KPM melaksanakan analisis skor gred impak sebagai penambahbaikan bagi menentukan tahap keadaan komponen fizikal atau fasiliti bangunan di sekolah. Skor ini mempunyai sebanyak tujuh tahap skala.

Skala satu hingga skala empat merujuk kepada keadaan bangunan yang masih berfungsi dan selamat digunakan. Manakala skala lima adalah bangunan yang dilaporkan oleh pihak sekolah sebagai tidak selamat. Skala enam pula merujuk kepada bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan daripada pihak teknikal PPD atau JPN. Sementara skala tujuh merujuk kepada bangunan yang tidak selamat dengan pengesahan dari Jabatan Kerja Raya (JKR). Melalui penilaian ini, KPM dapat menentukan keutamaan untuk melaksanakan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan sekolah yang tidak selamat digunakan.

Tumpuan utama KPM adalah kepada bangunan yang berada pada skala tujuh ataupun skala enam. Bangunan daif ini akan dibaik pulih, dinaik taraf atau dibina bangunan gantian. Tatacara yang dilakukan bagi mengenal pasti keadaan fizikal bangunan sekolah adalah seperti berikut:

- (i) maklumat mengenai keadaan fizikal bangunan sekolah disediakan oleh pihak sekolah dan disahkan oleh pengetua atau guru besar sekolah;
- (ii) pemeriksaan lanjut dilakukan oleh Penolong Jurutera di PPD atau JPN bagi menentukan tahap pada skala bagi setiap bangunan sekolah di daerah masing-masing; dan
- (iii) pengesahan keadaan fizikal oleh agensi teknikal iaitu JKR terhadap bangunan daif yang berada pada skala enam dan skala tujuh serta membuat cadangan tindakan selanjutnya ke atas bangunan tersebut.

Pada masa yang sama, KPM juga melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan bagi bangunan sekolah yang masih boleh diperbaiki berdasarkan keperluan tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan. Terima kasih.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya di sini bahawa pada tahun 2020, kita tahu bahawa sekolah yang daif ini adalah tidak kondusif untuk pembelajaran para pelajar kita. Maka pada tahun 2020 di seluruh negeri Sabah, berapakah bilangan sekolah-sekolah berskala enam dan tujuh itu yang telah

dinaiktarafkan dan dibaik pulih dan berapakah peruntukan yang terlibat? Adakah ini juga melibatkan menaiktarafkan talian internet ke sekolah-sekolah?

Saya juga ingin tahu adakah kementerian mempunyai *timeline* dengan izin tempoh masa yang tertentu untuk menyelesaikan pelaksanaan bangunan-bangunan sekolah yang daif dan memerlukan penaiktarafan ini memandangkan sekarang kita berada dalam keadaan pandemik COVID-19 ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Beaufort, setakat ini terdapat sebanyak 466 buah sekolah yang mempunyai bangunan yang daif di Sabah. Manaka untuk Beaufort, sebanyak 15 projek untuk sekolah dengan bangunan yang daif telah dikenal pasti akan dinaik taraf dan kalau perlu, dibina semula dengan kos berjumlah RM61 juta.

Mengenai *timeline* untuk penambahbaikan tersebut, kita akan cuba sedaya upaya untuk melaksanakan dalam masa mengikut jadual. Mengenai talian internet, kerajaan buat masa ini tengah berusaha untuk membekalkan melalui Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk bukan sahaja kepada sekolah, bahkan untuk semua rakyat di negara ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta maaf Yang Berhormat Semporna. *[Bangun]* Tidak-peraturan mesyuarat kita tetapkan satu soalan tambahan sahaja. Terima kasih. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mula dengan sebuah pantun:

*Kerajaan tukar peraturan sini sana,
Rakyat sedang pening dan sengsara,
Tolong henti susahkan rakyat, dan
Soalan saya nombor enam,*

Tolong betulkan angka dari 'RM1.264 bilion' kepada 'RM1.264 trilion'. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

6. Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai] minta Menteri Kewangan menyatakan hutang dan liabiliti kerajaan yang berjumlah RM1.264 trilion pada akhir tahun ini yang dikatakan oleh Timbalan Menteri Kewangan I. Apakah langkah kerajaan dalam memastikan jumlah hutang dan liabiliti tersebut tidak menjadi beban kepada generasi akan datang?

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang terhormat Padang serai, "*Kaalai Vanakam Deepavali Nal Vathukkal Nala Arokiam perugaa*", *thank you*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Padang Serai sahabat saya, seperti mana yang saya telah jelaskan di Dewan yang mulia ini hutang Kerajaan Persekutuan sehingga akhir September 2020 adalah sebanyak RM874.3 bilion atau sebanyak 60.7 peratus daripada KDNK.

Berdasarkan pengiraan had statutori, nisbah hutang Kerajaan Persekutuan yang merangkumi instrumen Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) mencatat sebanyak 56.6 peratus daripada KDNK. Walau bagaimanapun, kerajaan juga menanggung dan terdedah kepada tanggungan komitmen kerajaan seperti berikut:

- (i) komitmen jaminan sebanyak RM177 bilion bagi melaksanakan projek infrastruktur utama negara seperti pengangkutan awam, LRT, MRT dan Pan Borneo Sarawak;
- (ii) hutang syarikat 1MDB berjumlah RM32 bilion sehingga September 2020 dengan mengambil kira kadar pertukaran Ringgit Malaysia berbanding US Dolar; dan
- (iii) anggaran liabiliti kewangan sebanyak RM173.3 bilion merangkumi projek-projek PPP, PFI dan PBLT sebagai contoh Projek Pembangunan Putrajaya, pembinaan kuarters

polis, penyelenggaraan fasiliti-fasiliti kerajaan, hospital dan jalan.

Sekiranya mengambil kira defisit fiskal semasa termasuk pembiayaan Pakej Rangsangan dan Pemulihan Ekonomi, kedudukan hutang dan pendedahan liabiliti kerajaan dianggarkan mencatat sebanyak RM1.257 trilion atau sebanyak 87.3 peratus daripada KDNK pada akhir September 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat Padang Serai, kerajaan sememangnya sentiasa mengambil maklum dan prihatin terhadap kedudukan hutang negara dan bertekad untuk memastikan ianya dalam keadaan yang sentiasa terkawal dan tidak membebankan negara dalam jangka masa panjang. Selain itu, untuk makluman Yang Berhormat, had statutori nisbah bayaran khidmat hutang atau *debt service charges* kepada hasil ditetapkan mencatat sekitar sebanyak RM15 peratus daripada GDP iaitu sebanyak RM35 bilion.

Sukacita dimaklumkan bahawa sebahagian besar daripada hutang kerajaan ini adalah merupakan hutang domestik iaitu sebanyak 96.7 peratus iaitu melalui terbitan MGS, MGII dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) yang pemegang utamanya adalah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan beberapa institusi-institusi tempatan. Manakala pinjaman luar pesisir adalah di tahap rendah iaitu sebanyak RM29.3 bilion masih di tahap had statutori yang ditetapkan iaitu RM35 bilion.

■1040

Dalam menangani suasana yang *unprecedented* ini, tumpuan khusus kerajaan pada ketika ini adalah untuk memulih dan menjana ekonomi khususnya menyokong aktiviti perniagaan dan memastikan kesejahteraan rakyat adalah terpelihara. Konsolidasi fiskal dan pengawalan hutang akan diusahakan melalui peningkatan hasil, pengukuhan pentadbiran pungutan dan pematuhan cukai serta peningkatan kecekapan perbelanjaan. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan hutang negara telah pun mencecah angka 60.7 peratus KDNK dan pihak kementerian telah pun memberi penjelasan.

Namun jika Yang Berhormat Port Dickson masih memegang jawatan Menteri Kewangan hingga hari ini, kita mungkin mencapai sifar hutang dan kemungkinan besar menjadi negara yang terkaya di Asia Tenggara. *It is not too late* dengan izin, kalau Yang Berhormat Port Dickson menjadi Perdana Menteri yang kesembilan, masalah kewangan tersebut boleh ditangani.

Seterusnya soalan saya, rakyat di luar sana...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tahniah Yang Berhormat Padang Serai.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: ...ingin mengetahui berapa generasi yang perlu menanggung hutang tersebut? Tolong perelaskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita melihat sejarah hutang negara ini ia sebenarnya bermula pada tahun 1997 apabila negara kita berhadapan dengan krisis kewangan global, krisis kewangan Asia Tenggara yang mana pada ketika itu ekonomi kita telah diserang, institusi kewangan kita diserang sehingga menyebabkan kejatuhan mata wang.

Ini menyebabkan kita terpaksa berbelanja untuk memastikan ekonomi kita dapat dijana semula dan bermula daripada 1998, kita mengalami defisit – 1998 (1.8 peratus), 2013 (3.8 peratus). Kalau kita ingat pada tahun 2009 kita mengalami satu krisis ekonomi. Kita telah membelanjakan defisit sebanyak -6.7 peratus. Jadi sebenarnya ini adalah merupakan perkara lama. Yang penting sekali pinjaman itu adalah dibuat berdasarkan untuk membiayai pembangunan negara dan tidak digunakan bagi perkara-perkara yang lain.

Apa yang kita lihat hari ini, apa yang kita belanjakan telah pun dapat memacu negara kita sebagai sebuah negara yang maju dan kalau kita bandingkan, negara-negara

lain juga mengadakan hutang. Kalau kita lihat misalnya di negara-negara serantau seperti Indonesia, Filipina misalnya. Pada ketika 2005, 65.8 peratus dan begitu juga Thailand, 48.3 peratus. Singapura 94.0 peratus pada 2005. Pada ketika ini Singapura misalnya pada tahun 2020 nisbah hutang mereka ialah 155.3 peratus.

Itu sahaja, terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon): Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertanyaan jawab lisan seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Fasih, Sabak Bernam.

7. Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan adakah kementerian bercadang untuk memperkenalkan Lampu Jalan Berkuasa Solar untuk lampu jalan di luar bandar yang didapati lebih menjimatkan termasuk di kawasan Parlimen Sabak Bernam.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, memang Sistem Lampu Jalan Berkuasa Solar ini memang menjimatkan. Justeru itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedang melakukan projek rintis dua kampung; satu kampung di Sungai Tiang, Kampung Sungai Kejar di Hulu Perak, dan satu lagi di Sarawak, Kampung Long Semadoh dan Kampung Long Sukang bagi memastikan konsep baharu LED solar ini dapat kita yakinkan malah kita boleh perluaskan ke seluruh negara bagi menjimatkan kos. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi. Kementerian Pembangunan Luar Bandar, tahniah telah melangkah ke satu tahap lagi dengan Program Lampu Jalan Berkuasa Solar.

Soalan tambahan saya, adakah kerajaan berhasrat menjadikan pemasangan lampu jalan berkuasa solar ini sebagai prioriti kementerian dan adakah terdapat perancangan daripada KPLB dengan kolaborasi bersama Kementerian Tenaga bagi tujuan memasang lampu solar di kawasan luar bandar. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad: Memang betul Tuan Yang di-Pertua, Kolaborasi ini sudah bermula sejak tahun 2002 lagi di mana asas kepada projek Lampu Jalan Kampung ini dibina di atas lampu tiang elektrik TNB. Maka kita terpaksa menggunakan TNB sebagai rakan kongsi. Akan tetapi bila kita ada LED, tiangnya tidak perlu bergantung pada tiang TNB dan punca (*source*) kepada menyalanya lampu ini daripada solar. Jadi ia tidak ada kaitan.

Ekoran daripada itu satu dasar baharu perlu dibuat dan dasar ini bermula sewaktu saya diberi amanah untuk jaga hal-hal kampung ini. Jadi sabar sedikit kerana proses ini mesti melalui proses yang telus. *Procurement*-nya mesti *transparent*, tendernya mesti terbuka supaya orang kampung dapat lampu pada kadar yang paling murah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon): Terima kasih. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Chan Foong Hin, Kota Kinabalu.

8. Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan sama ada pihak kementerian telah membuat apa-apa pesanan untuk mengimport vaksin daripada firma negara China seperti Cansino, Sinovac dan Sinopharm, atau firma UK seperti AstraZeneca. Adakah Kementerian mempunyai cadangan untuk menetapkan susunan keutamaan untuk vaksinasi COVID-19 seperti yang dilakukan di Indonesia.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab bersekali soalan ini dengan soalan bertarikh 19 November daripada Yang Berhormat Kota Samarahan, Yang Berhormat Lumut dan Yang Berhormat Bandar Kuching serta dengan merujuk jawapan kepada soalan lisan nombor enam yang telah saya kemukakan pada 4 November yang lepas yang menyentuh isu yang sama.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa bertegas untuk tidak berkompromi dalam soal keselamatan serta keberkesanan sesuatu vaksin. Namun

kerajaan juga menyedari keadaan semasa memerlukan penyelesaian jangka masa panjang dan ini termasuklah menyekat penularan COVID-19 yang seterusnya mampu memulihkan semula ekonomi rakyat dan negara dengan kadar segera.

Justeru, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju tentang keperluan Malaysia bagi mendapatkan akses kepada vaksin COVID-19 sebaik mungkin. Bagi tujuan ini, Jawatankuasa Khas Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) telah ditubuhkan pada 14 Oktober yang lalu, memainkan peranan sebagai jawatankuasa induk bagi merancang, melaksana dan memantau keseluruhan strategi pembekalan vaksin COVID-19.

Menerusi jawatankuasa ini, terdapat dua buah jawatankuasa kecil iaitu Jawatankuasa Kecil Polisi Vaksinasi Kebangsaan dan Pemilihan Calon Vaksin Yang Sesuai serta Jawatankuasa Kecil Kewangan dan Perolehan yang diberi tanggungjawab untuk proses pemilihan dan perolehan kepada vaksin COVID-19 yang akan diluluskan serta menyediakan mekanisme vaksinasi kepada seluruh negara.

Menurut WHO, sehingga 13 November yang lalu terdapat 11 calon vaksin yang berada di ujian klinikal fasa 3. Sehingga kini kerajaan telah berkomunikasi dengan 10 pengeluar vaksin tersebut. Lapan pengeluar telah dihubung secara terus dan dua lagi melalui fasiliti COVAX. Terdapat beberapa rundingan yang berada di fasa akhir dan pengumuman rasmi akan dibuat apabila ia telah dimeterai tidak lama lagi.

■1050

Rundingan tersebut meliputi aspek kerjasama dalam pelbagai peringkat termasuk pembangunan vaksin, R&D, pertukaran saintis, pembangunan *fill and finish*, pemindahan teknologi, logistik *cold chain* termasuk pembelian vaksin, *finish product* sebagai jaminan akses bekalan vaksin untuk negara. Maklumat terperinci tidak dapat diumumkan kerana masih berada di bawah terma *non-disclosure agreement*.

Menerusi penyertaan di dalam fasiliti COVAX, Malaysia mendapat akses bekalan vaksin COVID-19 sebanyak 10 peratus daripada populasi negara dan kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan 60 peratus untuk mencukupkan sasaran imunisasi kebangsaan bagi tujuan imuniti kelompok ataupun *herd immunity* sehingga 70 peratus jumlah populasi negara.

Kerajaan sentiasa mengikuti rapat status pembangunan vaksin COVID-19 di seluruh dunia. Kerajaan sedang berusaha untuk mendapatkan akses vaksin seawal suku tahun pertama atau suku tahun kedua tahun hadapan bergantung kepada kelulusan daripada bahagian *National Pharmaceutical Regulatory Agency* (NPRA). NPRA akan memastikan sesuatu vaksin melepasi syarat-syarat ketat yang ditetapkan yang merangkumi soal keselamatan dan keberkesanan menerusi data-data ujian klinikal yang telah dijalankan. Hanya selepas melalui proses ketat tersebut, barulah sesuatu vaksin akan diluluskan dan keputusan untuk tempahan akan dibuat.

Bagi menjawab soalan berkaitan senarai keutamaan imunisasi pula, secara dasarnya Jawatankuasa JKJAV telah bersetuju membahagikan kepada tiga fasa keutamaan iaitu;

- (i) kumpulan barisan hadapan melibatkan kakitangan KKM dan agensi bukan KKM seperti polis, angkatan tentera, imigresen, penjara dan lain-lain;
- (ii) kumpulan berisiko tinggi seperti individu yang mempunyai *comorbidity* dan warga emas; dan,
- (iii) kumpulan populasi dewasa yang lain.

Perincian lanjut kumpulan-kumpulan ini sedang dibuat dan dijangka akan diumumkan seawal suku pertama tahun hadapan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kota Kinabalu. Soalan tambahan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Yang Berhormat Menteri pernah mengatakan anggaran sebanyak RM3 bilion akan dibelanjakan untuk membeli vaksin ini. Akan tetapi kita tidak dapat cari butiran ini dari Belanjawan 2021. Sila berikan pencerahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar: Terima kasih. Perkara itu akan dijelaskan dalam penggulungan jawapan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan nanti. Sebanyak RM3 bilion itu adalah anggaran, anggaran berdasarkan kepada spektrum harga yang telah pun ditawarkan kepada negara-negara. Jadi, kita tidak dapat hendak memberi satu anggaran yang tepat pada masa ini. Namun demikian, saya telah minta anggaran sebanyak RM3 bilion itu disediakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menjawab bahawa keperluan peruntukan sebanyak RM3 bilion itu akan dimasukkan dalam Kumpulan Wang COVID-19, satu perbelanjaan khas.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya, saya ingin menjemput Yang Berhormat Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor, Cameron Highlands.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:

*Pucuk paku kulat cawan,
Durian nama Raja Musang,
Apa jadi dengan jalan,
Tertanya-tanya Orang Asli Gua Musang.*

9. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah perancangan daripada pihak kementerian untuk menaik taraf jalan raya di kawasan pedalaman Orang Asli dari Pos Kuala Betis sehingga ke jajaran Pos Gob Gua Musang, Kelantan.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands.

Bermula tahun 2017, JAKOA telah melaksanakan program pembangunan bersepadu di jajaran Gua Musang yang merangkumi 68 buah kampung Orang Asli. Salah satu komponen yang terdapat dalam program ini adalah pembinaan jalan perhubungan. JKR telah dilantik sebagai agensi pelaksana projek berkenaan dan kini di peringkat menyiapkan reka bentuk jajaran dari RPS Kuala Betis, Pos Balar, Pos Bihai, Belatim, Kuala Betis sepanjang 122.34 kilometer.

Pada peringkat awal perancangan program tersebut merupakan pembinaan jalan adalah dari Kuala Betis ke Pos Gob. Walau bagaimanapun jajaran jalan terpaksa diubah kerana cadangan pembinaan Empangan Nenggiri oleh TNB yang akan menyebabkan kawasan tersebut tenggelam. Meskipun perancangan kami hampir siap, kami sedang meneliti pelan bagi membina jajaran baharu dari Pos Tohoi ke Pos Gob setelah mengambil kira kawasan pembinaan empangan tersebut.

Pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui JAKOA akan meneliti pelan dan melakukan tinjauan bagi mengenal pasti tapak jalan baharu yang lebih sesuai. Perkara ini sedaya upaya kami cuba selesaikan sebaik mungkin dalam masa terdekat ini. Perancangan ini pun telah masuk dalam pelaksanaan bagi tahun ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila soalan tambahan Yang Berhormat Cameron Highlands.

Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]: Memandangkan keadaan pembinaan empangan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi masih dalam perancangan, apakah pelan jangka masa pendek bagi JAKOA bagi menaiktarafkan jalan perhubungan antara Pos Tohoi dan Pos Gob ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Cameron Highlands. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Cameron Highlands ini merupakan seorang yang memang sentiasa berjuang untuk masyarakat Orang Asli. Saya telah mengikuti beliau dari semasa ke semasa bersama dengan beliau meninjau tempat-tempat tersebut. Soalan yang diutarakan oleh beliau, setakat ini kami sedang dalam usaha untuk melaksanakan *regrading* jalan tersebut dan akan meletakkan *crusher run* bagi meningkatkan kualiti jalan yang sedia ada ini. Kita faham, bahawa jalan ini memang agak panjang iaitu 122 kilometer lebih iaitu hampir dari Kuala Lipis hingga ke Kuala Lumpur sebenarnya panjang jalan yang hendak dibina ini.

Jadi kami akan pastikan bahawa dalam musim hujan ini kita cuba sebaik mungkin untuk *regrading* jalan tersebut, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

10. Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan apakah rancangan kerajaan untuk memastikan semua sekolah di Malaysia bersiap sedia untuk pendidikan digital dan apakah statusnya sehingga sekarang. Sejauh mana pendidikan dalam talian telah pun dilaksanakan semasa wabak COVID-19 dan keberkesannya.

Timbalan Menteri Pendidikan I [Dato' Dr. Mah Hang Soon]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat empat pertanyaan lagi yang berhubung kait dengan pendidikan digital atau pendidikan dalam talian semasa penularan wabak COVID-19. Oleh itu izinkan saya menjawab pertanyaan pada hari ini serentak dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Tambun pada 19 November 2020, Yang Berhormat Muar pada 25 November 2020, Yang Berhormat Marang pada 1 Disember 2020 dan Yang Berhormat Bintulu pada 7 Disember 2020. Ini saya minta Tuan Yang di-Pertua untuk berikan sedikit lebih masa untuk saya menjawab soalan-soalan berikut.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Kementerian Pendidikan Malaysia komited untuk terus memperkasa sektor pendidikan negara agar dapat mengangkat martabat Malaysia dalam dunia pendidikan di peringkat global. Bagi mencapai matlamat ini, KPM sentiasa berusaha untuk menambah baik dan memenuhi keperluan semasa dan pendidikan termasuk pelaksanaan pendidikan digital.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sedang di peringkat akhir merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital negara. Antara tumpuan utama termasuklah meningkatkan akses internet di sekolah di seluruh negara dan juga keperluan pemilikan peranti oleh murid. Perkara ini adalah antara butiran yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020.

Bagi meningkatkan capaian akses internet di sekolah, pembangunan infrastruktur dan penaiktarafan rangkaian telekomunikasi akan dilaksanakan di bawah inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA), ini akan melibatkan 430 buah sekolah di seluruh negara. Di samping itu, KPM akan melaksanakan program rintis pemilikan peranti oleh murid yang melibatkan 150,000 orang murid di 500 buah sekolah. Program ini akan membolehkan murid mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan lebih berkesan. Selain itu, KPM juga telah mengambil kira keperluan meningkatkan kompetensi guru. Usaha ini dilaksanakan menerusi sesi webinar dan perkongsian video amalan terbaik guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini KPM telah menyediakan pelantar pembelajaran *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) yang menyediakan pelbagai sumber pendidikan. Sumber ini termasuklah buku teks digital, modul, panduan dan sumber-sumber lain seperti video pendidikan dan bahan pembelajaran dalam bentuk dimifikasi yang menyokong pelaksanaan PdP. Sehingga kini, sejumlah 485 buah buku teks digital telah dimuat naik ke pelantar DELIMa. Selain itu, terdapat sebanyak 1,591 video pendidikan dalam Portal EduwebTV dan 6,585 video pendidikan yang dikongsi oleh guru-guru dalam portal cikgooTUBE yang dipautkan ke dalam pelantar DELIMa untuk kegunaan murid dan guru.

■1100

KPM juga telah menyediakan capaian jalur lebar internet dengan kelajuan 30mbps hingga 100mbps kepada 10,066 buah sekolah. Selain itu, KPM sedang dalam usaha menyediakan capaian internet melalui teknologi *very small aperture terminal* (VSAT) berkelajuan 30mbps kepada 141 buah sekolah KPM yang masih tiada capaian internet kerana tiada infrastruktur internet jalur lebar di kawasan sekolah berkenaan. Pemasangan VSAT ini dijangka siap pada bulan Mac 2021.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai aspek pelaksanaan pendidikan dalam talian semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat penularan wabak COVID-19, sesi PdP tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka kerana operasi sekolah ditutup. Oleh demikian, KPM telah menyediakan akses pembelajaran kepada murid melalui kaedah *home-based learning* mengikut kesesuaian guru dan murid.

Bagi murid yang mengikuti PdP di rumah dan mempunyai peranti serta akses internet, KPM menyediakan kemudahan pembelajaran dalam talian melalui pelantar DELiMa. Manakala, bagi mereka— atau membantu kumpulan murid yang tidak mempunyai akses kepada talian internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian PDP turut dilaksanakan melalui siaran TV Pendidikan di saluran TV Okey, RTM dan juga TV Astro.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan kajian keberkesanan pelaksanaan *home-based learning* pada 20 Oktober sehingga 28 Oktober 2020 melibatkan pentadbir sekolah, guru, murid dan ibu bapa. Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan PdP di rumah, termasuk pembelajaran secara dalam talian. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan aplikasi serta peranti yang meluas dan konsisten semasa PdP di rumah telah meningkatkan kemahiran dan kecekapan murid dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

Namun, dapatan kajian ini tidak menggambarkan peningkatan kemahiran dan kecekapan murid secara menyeluruh. Ini kerana kajian hanya melibatkan murid yang mempunyai peranti di rumah sahaja. KPM menyedari bahawa terdapat sebilangan murid yang masih tidak memiliki peranti yang bersesuaian untuk mengikuti pembelajaran secara dalam talian.

Oleh itu, pelaksanaan Program Rintis Pemilikan Peranti akan membolehkan murid mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan lebih berkesan. Dalam mendepani cabaran pada masa ini, KPM memohon kerjasama semua pihak, termasuk murid, guru dan ibu bapa untuk sama-sama menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan, khususnya KPM. Setiap langkah yang diatur KPM adalah bagi memastikan generasi masa depan negara mendapat pendidikan yang terbaik walaupun dalam keadaan yang sangat mencabar. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kami semua tahu bahawa dalam masa kita ada wabak seperti COVID dan sebagainya, memang perlu untuk kita pastikan bahawa kita ada satu sistem rangkaian jalur lebar yang baik dan juga kukuh supaya kita boleh pastikan bahawa semua pelajar mendapat pendidikan.

Saya dengar jawapan yang diberikan tadi, soalan saya menjerus kepada perkara perintis. Kerajaan kata, kita terima bahawa terdapat ramai murid, khususnya di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai akses kepada internet. Oleh itu, ini menjadi masalah untuk mereka ada pendidikan melalui sistem-sistem *online*. Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menggalakkan murid-murid di kawasan luar bandar untuk menggunakan alat-alat atau perintis-perintis buat tujuan kita memastikan bahawa skema-skema yang ada untuk kita ini menerajui pendidikan melalui talian ataupun *online* boleh berjaya?

What are the steps taken by the government to encourage the use of internet facilities in the rural areas, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Puchong, sila. Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu minit.

Dato' Dr. Mah Hang Soon: Terima kasih Yang Berhormat Puchong yang sangat prihatin dalam hal ini. Sebenarnya, bukan sahaja— seperti mana yang saya

terangkan tadi, usaha kerajaan untuk memperluaskan lagi capaian internet di seluruh negara melalui contohnya, sebagai mana yang saya sebutkan tadi, inisiatif jalinan sistem negara yang dulunya melalui MSEP yang sangat dikenali oleh Yang Berhormat Puchong.

Selain daripada itu, kita telah melalui usaha-usaha yang lain dengan memastikan bahawa semua guru, ibu bapa juga mendapat maklumat tentang langkah-langkah yang kita ambil untuk melatih mereka cara mengguna pakai peranti dan sebagainya. Jadi, setakat ini daripada dapatan kajian kita, ia menunjukkan trend yang sangat positif setakat ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, satu jam telah diperuntukkan untuk pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan tamat]

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua? Tuan Yang di-Pertua, Jelutong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebelum kita meneruskan dengan agenda yang seterusnya, saya ingin membangkitkan satu isu berkenaan dengan peraturan mesyuarat. Saya mohon Tuan Yang di-Pertua memberikan saya ruang dan peluang untuk menjelaskan kenapa saya membangkitkan isu peraturan itu.

Peraturan pertama yang saya ingin merujuk ialah Peraturan 36(9) yang berbunyi seperti berikut, "*Dalam apa-apa perbahasan tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli-ahli Parlimen atau siapa-siapa pegawai kerajaan selain daripada kelakuan pada menjalankan urusannya sebagai Ahli Parlimen atau pegawai kerajaan*". Saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana sabar mendengar kepada perkara yang akan dibangkitkan, bukan seperti Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua pada hari itu yang mengusir saya keluar.

Kedua, saya ingin merujuk kepada Peraturan 36(12), "*Mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan adalah disifatkan menghina Majlis dan ahli itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan bagi kesalahan*". Pada 11 November 2020 iaitu minggu lalu, pada hari Rabu ketika saya hadir mendengar perbahasan tentang belanjawan. Yang Berhormat Bintulu telah membuat perbahasan beliau dan di antara lain, beliau telah mengkritik dan menghentam Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, boleh ringkaskan sebab ia telah memakan masa untuk peraturan mesyuarat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, saya akan ringkaskan. Saya akan ringkaskan. Di antara perkara-perkara yang dinyatakan adalah pertamanya, bahawa Tan Sri Noor Hisham adalah tidak ikhlas. Merujuk kepada beliau ada mengatakan bahawa kenyataan akhbar boleh dibuat oleh seorang *office boy*, mengatakan bahawa beliau ingin menjadi Setiausaha Agung WHO dan mencari publisiti dan mengatakan beliau takut mati. Ketika itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, saya perlu— kerana ini mengganggu peraturan...

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sebentar Tuan Yang di-Pertua. Saya akan ringkaskan. Saya akan ringkaskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, sila. Sila ringkaskan kerana Yang Berhormat Bintulu telah pun memohon maaf.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya akan sampai kepada perkara itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ketika saya bangun dan membantah kepada perbahasan beliau, memohon beliau supaya menarik balik kenyataan tersebut, memohon maaf, beliau tidak berbuat demikian. Akibatnya, beliau telah mengulangi kenyataan itu beberapa kali. Walaupun saya telah membantah, saya diusir keluar oleh Timbalan Yang di-Pertua. Kemudiannya pada 12 November, Yang Berhormat Kepong juga telah diusir keluar. Maka, saya—berkenaan dengan permohonan maaf beliau, beliau mengatakan bahawa beliau memohon maaf di luar kerana beliau tidak mahu mengganggu prosiding Dewan, kelancaran prosiding Dewan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: ...dan untuk keharmonian masyarakat di Malaysia. Pertamanya, saya berpendapat bahawa permohonan maaf itu adalah tidak ikhlas kerana permohonan maaf itu perlu dibuat dalam Dewan yang mulia ini kerana kenyataan-kenyataan beliau yang menghentam dan mengkritik, *the most important civil servant*, kakitangan utama kerajaan kita pada masa sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong sekejap, macam ni.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya, saya akan habiskan. Saya akan habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, saya kata ringkaskan cepat sebab saya ada jawapan kepada apa yang disoalkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Perlu dibuat di dalam Dewan yang mulia ini, pertamanya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Keduanya, kalau beliau telah memohon maaf, maka keputusan oleh Timbalan Yang di-Pertua adalah keputusan yang kurang bijak.

■1110

Menghalau saya keluar dan juga menghalau Yang Berhormat Kepong keluar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik, Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: So saya, memandang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Yang Berhormat Jelutong, bila sudah sebut keputusan Speaker, *the presiding Speaker*, dia telah buat keputusan. Saya hendak menggunakan Peraturan Mesyuarat 43. Sekiranya Yang Berhormat Jelutong, apa yang disebutkan tadi, sila buat usul bertulis kepada pejabat dan kita akan uruskan perkara tersebut.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya telah pun menghantar satu usul pada hari Khamis dan usul itu telah diterima iaitu memohon supaya Yang Berhormat Bintulu memohon maaf di Dewan yang mulia ini. Dengan itu saya juga memohon supaya keputusan yang dibuat terhadap saya dan juga Yang Berhormat Kepong itu ditarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik. Saya akan—usul diterima tetapi keputusan belum diumumkan lagi, belum dibuat. Saya harap Pejabat Speaker akan buat keputusan tersebut. Boleh? Baik, terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Saya ingin teruskan dengan urusan pada hari ini. Sila.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sebentar, saya belum habis lagi. Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya sudah putus, saya telah buat *ruling* tadi untuk menunggu jawapan, telah terima tetapi tunggu jawapan keputusan daripada Pejabat Speaker. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan II.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2020****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Kewangan 2012 dan Akta Kewangan 2018; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2021**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2021 ini dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

"Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari enam puluh sembilan bilion ringgit (RM69,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2021, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 26 Tahun 2020, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut." **[12 November 2020]**

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Libaran untuk menyambung perbahasan dalam tempoh masa 15 minit. Kemudian, diikuti oleh Yang Berhormat Semporna, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Silakan Yang Berhormat Libaran.

11.12 pg.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada Libaran untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Selamat pagi dan salam sejahtera kepada rakan-rakan yang berada di Dewan yang mulia ini. Terutama sekali saya ingin menzahirkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin yang saya kasihi kerana prihatin, serta mengucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Kerajaan Perikatan Nasional atas pembentangan Bajet 2021 pada hari Jumaat yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak lupa juga Malaysia dijangka mengalami pandemik atau pertembungan antara dua wabak iaitu influenza dan COVID-19 pada hujung tahun ini. Mengambil kira pertukaran musim kepada musim hujan, keadaan pandemik berkembar itu tentunya akan mencetus kebimbangan bahawa sistem perubatan dan kesihatan akan menampung beban berlebihan. Justeru, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya bersiap sedia menghadapi pandemik berkembar ini dan memastikan sistem perubatan dan kesihatan kita dapat memerangi cabaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Menteri Kanan Pendidikan telah mengumumkan semua peperiksaan terutama sekali SPM, SVM, STPM, STAM akan ditunda kepada suku pertama tahun 2021. Jadi dengan hal yang demikian, sedikit sebanyak membawa kesan kepada IPTA dan IPTS. Namun, apa yang saya ingin tekankan Tuan Yang di-Pertua di sini ialah penundaan pengambilan pelajar-pelajar baharu di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS).

Sesungguhnya, IPTS turut menerima impak langsung kesan COVID-19, kita difahamkan sehingga menyebabkan pengambilan pelajar luar negara terhenti. Tambahan pula dengan penundaan pengambilan pelajar baharu iaitu pasti memberikan kesan kewangan kepada IPTS. Jadi bayangkan kesan domino yang akan berlaku sekiranya IPTS tidak mempunyai kewangan mampan dan tidak mampu juga meneruskan operasinya. Apa bakal terjadi kepada pelajar yang sedia ada sekarang? Mereka telah mengambil pinjaman PTPTN. Kita telah difahamkan...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Mohon mencelah.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Akan tetapi gagal meneruskan pengajian kerana universiti atau kolej mereka terpaksa juga ditutup. Justeru, haraplah kerajaan dapat mempertimbangkan bantuan IPTS yang terjejas memandangkan industri pendidikan tinggi menyumbang kepada lebih kurang RM35 bilion hingga RM40 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Mohon mencelah. Muar.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Bolehkah saya – Saya punya ucapan terlalu panjang dan saya khawatir kalau ada rakan-rakan yang mencelah kepada saya, nanti tidak habis saya punya ucapan yang perlu kepada penghujungnya.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Sekejap sahaja, berkenaan IPTS.

Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]: Jadi saya tidak beri peluanglah pada masa ini ya.

Selain itu, saya juga ingin bangkitkan isu mengenai lebih 30,000 Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) menamatkan operasi sejak Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan pada bulan Mac yang lalu. Saya ingin menyeru kerajaan serta agensi-agensi yang berkaitan supaya memberikan tumpuan khas kepada sektor PKS ini yang sangat perlu memandangkan sektor ini juga menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 38.9 peratus pada tahun 2019. Sekiranya terdapat ralat dalam proses penyampaian bantuan ini, mohonlah kerajaan memperbetulkan dan meringkaskan juga proses tersebut supaya PKS menerima bantuan pada kadar yang cepat.

Perkara seterusnya adalah berkaitan dengan vaksin COVID-19. Rundingan dengan COVAX mengenai proses perolehan vaksin ini di peringkat akhir dan harga maksimum setiap satu vaksin yang ditawarkan kepada Malaysia USD21 ataupun RM87.60. Persoalan saya ialah sejauh mana persiapan dua syarikat GLC iaitu Duopharma Berhad dan Pharmaniaga Berhad dalam persediaan pembotolan vaksin *fill and finish* ini dan bagaimana langkah pembotolan tempatan yang membolehkan negara kita menjadi negara pengeluar vaksin dapat membantu rakyat kita di negara Malaysia ini?

Tuan Yang di-Pertua, keprihatinan kerajaan dalam memastikan semua peringkat rakyat memperoleh manfaat daripada bantuan Belanjawan 2021 termasuk golongan kategori isi rumah berpendapatan sederhana (B40) namun, prihatin rakyat seolah-olah meminggirkan pula individu bujang yang berpendapatan M40. Kerajaan perlu mengambil penekanan yang khusus dan menilai kembali bantuan kepada golongan ini agar tidak dipinggirkan daripada data ekonomi negara.

■1120

Berilah pertimbangan, cadangan dan bantuan kepada golongan M40 ini. Mungkin barangkali kerajaan boleh memberi wang tunai RM1,000 secara *one-off*, pelepasan cukai serta penurunan cukai yang lebih.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sebanyak RM9.4 bilion yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 bagi pembangunan strategi digital nasional merentasi sektor industri dan rakyat bagi merapatkan jurang digital secara holistik di bawah Pelan Jalanan Digital (JENDELA), sejumlah RM500 juta diperuntukkan pula bagi tujuan memastikan kesilanghubungan sejumlah 430 buah sekolah ini di seluruh negara meliputi semua negeri bagi pembangunan generasi yang akan datang. Jadi, memandangkan pandemik ini telah memberi kesan kepada pembelajaran murid-murid, justeru kerajaan perlu mempercepatkan lagi transformasi sistem pendidikan negara ke arah pelajaran dan pembelajaran yang dipandu teknologi digital serta menerima pakai pendekatan yang lebih fleksibel dan interaktif.

Tuan Yang di-Pertua, selama 27 tahun, Sabah dalam gagasan Malaysia. Tidak pernah terkeluar daripada negeri termiskin berbanding dengan Johor, berbanding dengan Selangor, dan berbanding dengan Pulau Pinang. Kalau kita imbau kembali pada masa yang lalu, pernah satu ketika dahulu Sabah dikenali sebagai negeri yang terkaya pada awal tahun 70-an. Walau bagaimanapun, Sabah telah dikurniakan dengan sumber asli yang kaya namun Sabah sekarang agak dukacita merupakan sebagai negeri yang termiskin di negara kita Malaysia ini.

Justeru, perbezaan antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak perlu disemak semula bagi mengatasi pembangunan tidak seimbang yang berlaku. Kerajaan perlu mengurangkan jurang perbezaan ekonomi antara Semenanjung, dengan Sabah dan Sarawak menerusi pelaksanaan projek-projek lebih-lebih lagi kerajaan perlu kesilanghubungan Sabah dan Sarawak daripada segi infrastruktur jalan raya memandangkan Indonesia telah mengumumkan pemindahan ibu kota Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan. Dengan persiapan infrastruktur dan langkah, sudah tentu Sabah dan Sarawak akan menerima impak yang besar kerana berjiran dgn ibu kita Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk mengemukakan isu-isu pembangunan kawasan bahagian Parlimen Libaran untuk perhatian Dewan yang mulia ini yang diambil tindakan juga oleh pihak kerajaan. Isu-isu yang dihadapi adalah berkaitan dengan bekalan air dan elektrik serta naik taraf jalan infrastruktur. Daripada segi bekalan air bersih terdapat beberapa buah lokasi yang mana rakyat tidak dapat bekalan air bersih umpamanya daripada tanah besar ke Kampung Pulau Nunuyan. Pemasangan air paip Kampung Sungai Monyet, Kampung Sinompuru, Kampung Ulu Dusun, Kampung Tanjung Pisau dan dari Kampung Sungai Beruang ke Kampung Kuala Gum Gum. Daripada segi bekalan elektrik pula, kawasan Libaran ini yang memerlukan bekalan elektrik iaitu Kampung Pulau Libaran, Kampung Pulau Pamaguan serta Kampung Desa Wawasan, Batu 19.

Tuan Yang di-Pertua, daripada segi taraf jalan, memohon jasa baik kerajaan supaya naik taraf beberapa buah jalan iaitu jalan Kampung Simawang, jalan Sungai Banak, Kampung Ulu Dusun, jalan Kampung Sungai Sibuga, Jalan Peringkat 1 Rancangan Sungai Manila, jalan di Kampung Sungai Kayu, Sungai Sibuga serta jalan dari Kampung Dandulit, Kampung Sungai Beruang dan Kampung Kuala Gum Gum juga.

Daripada segi infrastruktur, saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah status permohonan untuk membina asrama baharu di SMK Libaran yang kita pohon. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan telah pun membuat lawatan dan tinjauan ke tapak tersebut untuk memberi bantuan. Kedua, demi keunggulan ummah, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya membina sebuah lagi masjid baharu di Kampung Durian Tengah di kawasan saya akibat masjid lama telah pun musnah terbakar. Tidak lupa juga bantuan dihulurkan kepada dewan serba guna Gereja St. Paul, Ulu Dusun akibat dilanda musibah angin ribut kencang baru-baru ini.

Ketiga, demi kesejahteraan dan kesihatan rakyat, saya ingin merayu kepada kerajaan supaya menaik taraf bangunan Hospital Duchess of Kent, Sandakan akibat telah usang. Bangunan ini dibina pada tahun 1951 semasa pemerintahan British Borneo Utara. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada bulan September tahun ini saya telah mengiringi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan ke hospital tersebut. Pengarah hospital telah pun memberi taklimat yang terperinci kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk diambil tindakan. *So, alhamdulillah.*

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya saya ingin melafazkan doa semoga selamat terus maju jaya kepada negara kita Malaysia yang tercinta ini. Walaupun kerajaan baharu menghadapi cabaran politik, pandemik dan ekonomi tetapi *alhamdulillah* dalam masa yang sama juga dapat diatasi demi kesejahteraan rakyat keseluruhannya.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua saya menepati masa yang saya tahu bahawa masa saya akan hampir habis tetapi dengan ucapan saya pada pagi ini, mengakhiri Libaran menyokong Belanjawan 2021 dengan sepenuhnya dan menyokong kepimpinan Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri. Sekian, *wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Libaran kerana tepat pada masa. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Semporna.

11.28 pg.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tahu sedikit masa dibagi berapa ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Hari ini semua orang saya dimaklumkan selama 15 minit.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Kerana jauh, kalau boleh, kalau tidak boleh tidak apa. Akan tetapi, kalau boleh tambahlah sedikit.

Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong selama 30 minit untuk...

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua, dalam kesempatan ini saya hendak mengucapkan selamat menyambut hari Deepavali kepada seluruh rakyat di negara ini dan dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan terima kasih atas ruang dan peluang untuk membolehkan saya membahaskan belanjawan pada hari ini.

Pada hari ini, dunia berhadapan dengan satu fenomena yang tidak pernah dialami sebelum ini iaitu bilamana pandemik koronavirus COVID-19 berlaku sehingga ke saat ini seramai 54 juta orang telah didapati positif COVID-19. Ia menyebabkan kematian hampir seramai 1.3 juta orang manusia di seluruh dunia. Malaysia juga tidak terkecuali yang mana sudah seramai 300 orang rakyat kita meninggal dunia. Bersama-sama kita sedekahkan Al-Fatihah kepada yang beragama Islam dan takziah kepada yang bukan beragama Islam. *[Membaca Al-Fatihah]*

Ingin saya menyatakan di sini bahawa dalam konteks negara kita Malaysia, kita berhadapan dengan tiga cabaran yang amat rumit.

■1130

Tiga cabaran serangkai ini adalah ekonomi, kesihatan dan juga politik. Kesan Corona virus terhadap ekonomi dunia ini amat meluas. KDNK global pada tahun 2020 diramalkan mengecut pada paras -3.5 peratus ke -5.5 peratus berbanding dengan 4.3 peratus yang direkodkan pada tahun 2019. Sama ada kita sedar atau tidak, angka ini amat jauh lebih buruk dibandingkan dengan krisis kewangan global pada tahun 2008.

Bank Dunia telah menganggarkan bahawa kesan daripada wabak COVID-19 ini secara tidak langsung telah menyebabkan sejumlah 88 juta sehingga 115 juta orang tergolong dalam kumpulan miskin tegar sehingga penghujung tahun 2020 dan pada tahun hadapan, penduduk dunia miskin tegar dijangka meningkat kepada 150 juta orang. Ini adalah satu angka yang besar dan sebagai sebuah negara membangun, sudah pasti angka ini tidak begitu baik dan membimbangkan. Menurut laporan *International Labour Organization* ataupun dikenali sebagai Organisasi Buruh Antarabangsa menyatakan

bahawa pandemik COVID-19 ini juga telah mengakibatkan seramai 350 juta pekerja di seluruh dunia hilang sumber pendapatan.

Di Malaysia dilaporkan lebih daripada hampir 900 ribu orang sudah pun kehilangan sumber pendapatan dan tidak lagi bekerja. Malaysia juga tidak terlepas daripada krisis ini. Walaupun kerajaan telah mengumumkan beberapa pakej PRIHATIN, SME Plus, Penjana dan Kita Prihatin yang jumlahnya agak besar iaitu sebanyak 305 bilion pada tahun ini, namun suntikan fiskal langsung masih lagi rendah iaitu 55 bilion. Angka ini adalah rendah berbanding dengan negara-negara lain di rantau ini.

Pakej rangsangan yang diumumkan oleh kerajaan adalah lebih rendah daripada negara jiran seperti Singapura 12 peratus dan Thailand 8 peratus. Kita lihat angka ini sudah begitu besar masuk dalam ekonomi negara. Namun, masih lagi ramai yang berpendapatan rendah terjejas teruk dan keadaan ini masih lagi belum pulih kesan daripada krisis kemerosotan ekonomi COVID-19.

Tahun ini kerajaan dijangka berbelanja 314 bilion. Tahun hadapan bajet dianggarkan sebanyak 322 bilion, cukup besar jumlahnya. Antara faktor penyumbang kepada situasi ini adalah *misplaced priority* atau sistem penyampaian *delivery system* yang masih lagi lemah dan kurang berkesan. Ketirisan masih lagi berlaku. Berjuta-juta rakyat Malaysia terkena impak pengurangan ataupun kehilangan sumber pendapatan dan pekerjaan. Dengan anak-anak mereka yang berhadapan kekurangan zat makanan dan pendidikan yang juga terganggu.

Kesihatan mental bakal menjadi isu kritikal di kalangan keluarga di Malaysia. Sekiranya perkara ini tidak ditangani segera, jurang perbezaan antara akan menjadi semakin luas dan seterusnya menimbulkan risiko serius terhadap kestabilan ekonomi dan sosial dalam masa terdekat.

Maka dengan itu, pelan pemulihan semula ekonomi dalam jangka masa dua tahun ke hadapan berserta langkah-langkah proaktif dalam mengatasi masalah kesihatan, perlu dilakukan khususnya berhubung COVID-19 untuk mengurangkan kadar dan mengurus kesan kesihatan dan ekonomi harus komprehensif. Untuk kesihatan, ia bukan hanya memerlukan kewangan yang mencukupi. Kelengkapan, peralatan bahkan jumlah tenaga manusia dalam sektor kesihatan ini perlu dipertingkatkan, khususnya di kawasan-kawasan luar bandar yang amat tertekan.

Pada saat ini, kerajaan hanya boleh melaksanakan menghantar beberapa anggota kesihatan dari Semenanjung ke seluruh pelosok daerah-daerah di negeri Sabah dan di kawasan-kawasan yang terkesan, sehingga ada di antara anggota perkhidmatan dijangkiti COVID-19. Mereka agak keletihan, *exhausted* dengan izin oleh sebab tidak mempunyai cukup masa untuk berehat dan keterbatasan jumlah anggota perkhidmatan dalam sektor kesihatan.

Terkadang mereka ini terpaksa mengasingkan diri daripada keluarga yang terdekat daripada terkena jangkitan. Oleh sebab tertekan dengan kerja yang amat berat, mereka juga terpaksa berjauhan dan tidak mendampingi anak-anak dan keluarga tersayang.

Walaupun penyakit COVID-19 ini boleh mengakibatkan kematian, tetapi ia bukanlah satu pandemik yang semestinya akan membunuh manusia bila terjangkit. Meskipun kita masih belum mempunyai vaksin yang tersedia di saat ini, tetapi kadar pemulihan di negara kita adalah berada dalam lingkungan 400 ke 500. Ada yang sampai 1,000 pesakit yang sembuh dalam sehari.

Maknanya kalau setiap insan manusia dapat mengambil langkah-langkah dengan mematuhi kepada setiap SOP seperti memakai topeng muka, melakukan penjarakan sosial, tidak berada di tempat-tempat yang sesak, maka ia boleh mengurangkan penyakit COVID-19 ini daripada terus merebak. Apa yang- seperti kita lakukan di negeri Sabah ialah bilamana COVID-19 terkesan, pada waktu itu kita telah mengambil tindakan tegas menutup pintu masuk kepada pelancong daripada China khususnya dari Wilayah Wuhan. Kita mempunyai pelancong yang begitu ramai.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Mohon laluan.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Sehingga lebih daripada 3 juta daripada negara China waktu itu.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Semporna, boleh sedikit?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Dan kita bukan hanya mendapat pelancong yang begitu ramai. Akan tetapi kita mampu menangani masalah ini dengan baik kerana kita mempunyai sistem *war room* yang kita lahirkan di peringkat kerajaan negeri pada ketika itu. Sudah sampai waktu dan ketikanya pihak kerajaan—

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Minta mencelah sedikit Yang Berhormat Semporna boleh? Depan, depan. Kimanis.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Masa agak singkat. Oleh sebab saya hendak siap supaya....

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Sedikit sahaja Kimanis, boleh?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Selepas ini kalau masa ada, saya bagi maklum. Sudah sampai waktu dan ketikanya pihak kerajaan juga perlu menyediakan kemudahan yang mencukupi untuk menampung sektor kesihatan dengan membekalkan, contohnya perumahan-perumahan kepada anggota perkhidmatan kesihatan dengan tidak membebankan mereka terpaksa menyewa penginapan dan agak jauh untuk mereka bergerak dari tempat tinggal ke hospital-hospital ataupun klinik-klinik tempat mereka bekerja.

Kalau ini boleh dilakukan terhadap anggota tentera, polis yang bukan hanya mempunyai kemudahan perumahan, malah mereka juga dibekalkan dengan peralatan yang lengkap. Jika perkara yang sama dapat disediakan untuk anggota kesihatan, saya yakin untuk jangka masa yang panjang, banyak masalah dapat diselesaikan dan membantu meningkatkan keupayaan sektor perkhidmatan ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Langkah untuk membangunkan ekonomi negara ini tidak akan dapat tercapai sekiranya krisis kesihatan tidak diatasi dengan baik.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Semporna, saya mahu cakap sedikit boleh?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Mengurus pandemik COVID-19. Memberi keutamaan bukan hanya dengan melengkapkan bantuan daripada segi kewangan. Peralatan, tenaga manusia yang...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Sebelum Yang Berhormat Semporna pergi ke jauh, saya mahu cakap isu COVID-19 sekejap di Sabah. Boleh Yang Berhormat?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Di samping itu, bila kita ada vaksin nanti, maka vaksin ini harus diberikan kepada semua.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Boleh sekejap?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Selepas daripada ini. Kalau ada masa, saya akan bagi.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Topik COVID-19, topik COVID-19, topik COVID-19.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tidak apa. Di samping itu, bila sudah ada vaksin nanti, maka vaksin ini harus diberikan kepada semua rakyat di negara ini. Keutamaan perlu diberikan kepada mereka yang terdedah, yang lemah seperti orang-orang tua, kanak-kanak yang mudah terjangkit dan mungkin tidak mudah bagi mereka untuk diubati. Dalam konteks mengatasi krisis kesihatan, adalah dicadangkan pihak kerajaan mengambil tindakan segera dalam masa yang singkat seperti di kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai kemudahan tidak lengkap dan terbatas.

Contohnya tidak mempunyai jumlah ambulans yang ada dan memiliki ambulans juga memerlukan kewangan yang banyak dan waktu yang lama untuk diperolehi. Maka adalah dicadangkan untuk menghidupkan ekonomi di peringkat luar bandar yang terlibat dengan pengendalian pengangkutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat Semporna, Tuan Yang di-Pertua dah setuju bagi tambahan masa 10 minit bagi Yang Berhormat Semporna. Saya baru dapat maklumat. Silakan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Boleh bagi Kimanis mencelah?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tidak apa. Nanti saya bagi. Selesaikan ini. Jangan bimbang sangat. Dalam konteks mengatasi krisis kesihatan, adalah dicadangkan agar pihak kerajaan mengambil tindakan segera dalam masa yang singkat seperti di kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai kemudahan tidak lengkap dan terbatas.

Contohnya, tidak mempunyai jumlah ambulan yang ada. Ini seperti yang saya nyatakan. Terkadang itu ada pengendali bas-bas mini di peringkat luar bandar. Tidak akan kita tidak boleh gunakan pengendali bas-bas mini ini untuk membawa pesakit-pesakit yang datangnya dari luar bandar untuk datang ke klinik. Ini merupakan di antara langkah kita menghidup dan menyuburkan ekonomi supaya pemilik dan juga pengendali bas-bas mini ini dapat dibantu dengan secara baik. Maka, adalah dicadangkan untuk menghidupkan ekonomi ini akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil satu contoh di Long Pasia iaitu satu kawasan yang agak jauh serta mengambil masa sehingga lebih kurang lima jam untuk sampai ke hospital yang berhampiran. Tidak mungkin sejumlah penduduk di situ kalau terjangkit sudah pasti satu ambulan tidak mencukupi. Maka, adalah dicadangkan agar kita mengambil langkah untuk menyewa bas-bas mini dengan menyediakan kemudahan asas seperti bekalan oksigen.

Ataupun kalau perlu hendak katil kerana selain daripada menjadi sistem pengangkutan sementara, ia juga sedikit sebanyak dapat membantu menjana pendapatan pengusaha-pengusaha dan pemilik bas-bas mini. Kalau kita hendak tunggu ambulan datang daripada Jepun dan *Germany*, ia akan mengambil masa yang berbulan-bulan, agak panjang dan kosnya agak tinggi. Ini tidak akan memungkinkan kita dapat menyuburkan kehidupan masyarakat kita yang terabit dalam dunia perniagaan pengangkutan di peringkat negara kita, khususnya di peringkat luar bandar.

■1140

Adalah juga dicadangkan agar pihak pengendali restoran dan hotel-hotel yang berhampiran, oleh sebab mereka mungkin tidak ada pelanggan yang menginap di hotel-hotel berkenaan akibat pandemik COVID-19. Mungkin pihak kerajaan boleh meminta pengendali makanan sama ada restoran ataupun hotel-hotel yang menyediakan dan menghantar makanan ke pusat-pusat kuarantin yang ada dengan panduan dan nasihat daripada Kementerian Kesihatan berkenaan dengan kesesuaian *nutrition* ataupun untuk pesakit-pesakit ini dapat mereka memulihkan dengan secara cepat.

Selain daripada dapat membantu peniaga bertahan, dalam masa yang sama pengangguran juga akan dapat dikurangkan kalau sekiranya kita dapat membantu pihak pengendali bukan hanya hotel, bahkan juga *resorts* yang ada di peringkat luar bandar. Itu juga bukan hanya dapat membantu menyuburkan ekonomi luar bandar, ia akan mengurangkan pengangguran yang ada di kawasan luar bandar.

Di samping kerajaan juga berusaha untuk mengendalikan peluang pekerjaan kepada rakyat di negara ini, kita juga harus melihat kerangka untuk mengekalkan. Bukan hanya kita hendak lahirkan pekerjaan, kerajaan juga harus melihat bagaimana hendak mengekalkan (*sustain*) dengan izin *the current employment* yang ada. Kita tidak mahu nanti oleh sebab tindak-tanduk yang kita lakukan, maka ia mengakibatkan masyarakat kita terkeluar daripada kepompong peluang pekerjaan yang ada.

Contohnya, ada cadangan di beberapa buah pulau untuk nak lahirkan satu *quarantine center* oleh Kementerian Kesihatan. Mengapa hendak buat satu *quarantine center* di pulau sedangkan kita tahu ada *resort* yang tidak ada pelancong dari luar. Takkan kita tidak boleh gunakan? Tidak mengambil masa untuk membina *quarantine center*, tidak memerlukan perbelanjaan yang besar tetapi ia boleh menghidupkan masyarakat di peringkat luar bandar. Usaha untuk hendak menyuburkan ekonomi kembali adalah penting bagi kita untuk mengetahui bahawa sebahagian besar daripada penyumbang hasil datangnya daripada cukai yang ada.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saban tahun pihak kerajaan mengutip hampir RM140 hingga RM150 bilion dan berbentuk cukai korporat, cukai perkhidmatan dan lain-lain. Ini

merupakan sumbangan yang besar datangnya daripada golongan bukan bumiputera di negara ini. Dalam masa yang sama, mereka pada saat ini berhadapan dengan perbelanjaan berjuta ringgit dalam keadaan berhadapan dengan kerugian yang banyak semata-mata untuk menampung pekerja-pekerja yang rata-ratanya bumiputera yang bertugas di dalam organisasi mereka.

Saya hendak bagi satu contoh, di peringkat negeri Sabah ada beberapa buah syarikat yang berkecimpung dalam dunia perniagaan. Mereka terpaksa berbelanja sampai RM4 juta, RM5 juta sebulan dalam keadaan kerugian hendak menampung perbelanjaan untuk mengekalkan supaya mereka ini dapat mempunyai peluang pekerjaan. Malangnya, kita tidak fokus, tidak mendalami, *we don't dive deeper to make sure* bagaimana kita hendak rungkai masalah yang dihadapi bukan hanya masalah kesihatan, masalah ekonomi negara kita dan tidak ada bantuan yang tersusun dan komprehensif untuk cuba hendak membantu masyarakat yang kita sedar mereka ini juga mempunyai pekerja-pekerja yang agak ramai.

Dalam masa yang sama, mereka pada saat ini seperti yang saya sebutkan, berbelanja sampai RM3 juta, RM4 juta sebulan untuk memastikan pekerja-pekerja mereka akan dapat gaji, akan dapat kerja, boleh gaji dibawa ke rumah, selepas itu bagi makan anak-anak mereka yang memerlukan bantuan daripada pihak majikan mereka. Pihak kerajaan harus mengambil perhatian berat terhadap perkara ini untuk melihat lebih mendalam serta teliti cara dan kaedah bagaimana membantu syarikat-syarikat supaya dapat meringankan bebanan mereka.

Peranan pihak swasta harus diselaraskan dan dipertingkatkan dalam keadaan krisis ekonomi. Bukan hanya peranan kerajaan yang perlu kita kelihatan menonjol tetapi peranan pihak swasta juga perlu kita lihat bagaimana bantuan yang perlu kita hendak tingkatkan. Bukan hanya bantuan kepada pekerja-pekerja, RM500, RM400 ribu, bagaimana pula bantuan kepada majikan-majikan ini? *This is very important for us to ensure that it is very affordable* untuk mereka melangsungkan urusan perniagaan mereka di masa yang akan datang.

Kita sedia maklum bahawa sektor PKS yang menyumbang hampir 66 peratus pekerjaan di negara kita ini terus terjejas dengan Belanjawan 2021 kerana bukan sahaja tidak akan memberi impak besar kepada PKS, sebaliknya akan menyebabkan para usahawan menanggung bebanan besar. Malah ada peniaga yang begitu marah dan pasrah kerana tidak mendapat bantuan sehingga laporan polis dibuat. Pertubuhan gemilang, agensi pelancongan dan pengusaha bas contohnya berkata bahawa belanjawan yang dibentangkan tidak memberi sebarang manfaat kepada hampir tujuh ribu orang pemilik bas persiaran seluruh negara yang hilang punca pendapatan sejak Februari akibat pandemik COVID-19.

Di Johor, terbaris teksi-teksi yang dimiliki oleh pengendali tempatan bumiputera yang ada. Mereka hanya menunggu pihak bank akan mengambil balik kereta-kereta, van-van yang mereka dapat peroleih menerusi pinjaman daripada pihak bank ini. Ini merupakan di antara bebanan di peringkat akar umbi yang perlu diselami bukan hanya kita membuat pendekatan dari segi makro, bahkan juga dari segi mikronya untuk kita *touch the hearts of all Malaysians irrespective of race and religion. [Tepuk]*

Pekerja juga risau akan keberkesanan belanjawan dalam membantu mereka. Contohnya, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia mencadangkan lanjutan moratorium diberikan kepada golongan B40, M40 tersebut untuk tempoh enam bulan lagi. Ini penting bagi kita kerana kita melihat bahawa sistem perbankan kita, *liquidity* yang ada, *it's not – we don't allow people* dengan izin *to borrow money*, ini pun nak lanjutkan moratorium. Duit ini bukan mereka hendak dapat geran, duit ini mereka pinjam. Bukan hanya mereka sanggup meminjam, bahkan juga *interest* mereka sanggup bayar. Bukan hendakkan supaya *interest* dikecualikan tetapi moratorium pinjaman yang mereka hendakkan supaya dalam keadaan yang dihadapi oleh peniaga-peniaga di peringkat akar umbi.

Mereka bukanlah seperti kerajaan, kerajaan boleh isu *sukuk*, *they can print*, Bank Negara boleh keluarkan pelbagai kaedah untuk meningkatkan supaya pinjaman kepada kerajaan dapat kita tingkatkan. Pengusaha-pengusaha hanya mampu untuk meminjam duit daripada bank ataupun kalau mereka *registered listed company* yang ada daripada Bursa Saham yang ada, mereka boleh tingkatkan kewangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, malah Persatuan Perubatan Malaysia yang mana ahlinya adalah *frontliners* hampa dengan Belanjawan 2021 kerana mengetepikan permintaan mereka. Mereka menjangkakan lebih daripada 200 buah klinik akan ditutup pada akhir

tahun 2020. Mereka juga kesal kerana belanjawan ini yang tidak mengiktiraf isu jawatan tetap dan kontrak untuk pekerja kesihatan yang baharu walaupun mereka bertungkus-lumus membantu rakyat.

Seperti yang kita lihat dalam belanjawan ini, diwujudkan sebuah badan untuk membolehkan supaya hendak bagi peluang pekerjaan kepada rakyat. Akan tetapi yang ini, hendak pastikan bebanan mereka, takkan kita hendak banyakkkan pekerja seperti dalam JASA. Saya pernah bertugas di Kementerian Penerangan lima tahun. Peranan JASA ini boleh dimainkan oleh pihak KEMAS yang ada, takkanlah kita belanja sampai berpuluh juta, RM80 juta.

Kalaulah kewangan itu digunakan untuk melahirkan *nurses*, pekerja-pekerja Kementerian Kesihatan, anak-anak kita yang menganggur, *graduans diploma holder* di peringkat luar bandar, takkan ini tidak boleh membantu untuk menjana pendapatan di peringkat negara kita. Ini tidak, kita belanja sampai RM80 juta untuk JASA, hendak menerangkan dasar kerajaan. Takkan TV, RTM, KEMAS dan agensi yang lain tidak boleh menerangkan perkara-perkara tentang dasar kerajaan yang ada? [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, maka apa yang perlu kita ubah dalam belanjawan ini, prinsipnya kita tidak memberi bantuan secukupnya kepada rakyat dan jika syarikat mula tergulung tikar, ekonomi akan merosot tahun hadapan. Ini akan menjadi masalah besar. Keyakinan pelabur dalam dan luar juga akan merosot.

Pertama, bantuan tunai bulanan harus diberikan kepada golongan B40 dan M40. Namun untuk memastikan mereka dilindungi skim perlindungan untuk masa hadapan, semua ahli keluarga berumur 18 tahun ke atas. Penerima mesti berdaftar dengan LHDN, PERKESO dan KWSP.

Kedua, golongan M40 harus diberi perhatian juga. Moratorium pinjaman yang hanya untuk B40 harus juga merangkumi golongan M40 tetapi syarat kepada jumlah pinjaman perumahan yang tidak melebihi RM500 juta.

■1150

Ini dapat memastikan mereka tidak hilang tempat berteduh. Ketiga, bantuan kepada peniaga PKS harus ditambah baik. Program Subsidi Upah seharusnya ditingkatkan untuk menghindari pekerja dari diberhentikan kerja dan moratorium pinjaman perlu dilanjutkan sehingga tahun 2021.

Keempat, bantuan geran kepada 24 juta orang yang bekerja sendiri boleh diberikan. Namun mereka mesti mendaftarkan perniagaan mereka dengan KWSP, PERKESO dan LHDN.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Semporna, boleh?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Pada masa ini, kira-kira hanya tiga peratus daripada 2.3 juta orang pekerja sendiri di negara kita berdaftar dengan PERKESO.

Kelima, pekerja kontrak di Kementerian Kesihatan haruslah disambung atau diserapkan. Mereka ini wira negara, mereka harus diberi bantuan sebaiknya.

Keenam, perbelanjaan yang tidak diperlukan boleh ditangguhkan seperti *high-speed rail*, perbelanjaan yang tidak memberi keutamaan, *it's not a priority project* dalam keadaan ekonomi yang dihadapi oleh negara dan rantau dan dunia ini seperti kenaikan peruntukan di sesetengah kementerian haruslah dikurangkan dan...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Semporna sedikit boleh?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...Disalurkan kepada sektor kesihatan dan tambah bantuan kepada rakyat.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Masa mahu habis sudah. Boleh?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Saya juga telah bangkitkan bagaimana meletakkan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang kompetitif. Kita harus mengumpul, mengguna pakai kelebihan yang ada di negeri Sabah dan Sarawak kerana Sabah merupakan bukan hanya negeri atau wilayah yang mempunyai sumber, ia mempunyai lokasi yang cukup baik untuk membolehkan supaya

kita dapat memanfaatkan, *making Malaysia to be a very competitive nation* di peringkat dunia.

Mana mungkin sejak kita mencapai kemerdekaan, kita tahu bahawa Sabah sebuah negeri, sebuah wilayah yang besar. Sarawak begitu juga jumlahnya agak besar. Akan tetapi malangnya semenjak kita mencapai kemerdekaan, kita hanya mendapat peruntukan lebih kurang RM5 bilion atau RM3 bilion. Belanjawan tahun lalu semasa Pakatan Harapan dibelanjakan RM5 bilion tetapi yang sampai ke peringkat akar umbi hanya dalam lingkungan RM3.6 bilion sahaja.

Kita tahu dalam setiap belanjawan yang dibentangkan di peringkat negara kita, belanja sehingga mencecah RM200 bilion. Hari ini...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Semporna, boleh sedikit Yang Berhormat Semporna? Sedikit.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: ...RM300 bilion. Kita hanya dapat RM5 bilion sahaja dan hasil daripada negeri Sabah cukup besar.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Tinggal 50 saat. Boleh Yang Berhormat Semporna. Yang Berhormat Semporna boleh bagi peluang sedikit?

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Dari petroleum dan dari gas 41 peratus daripada KDNK. Kita rasa ini perkara yang cukup penting.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Yang Berhormat Semporna, janji tadi mahu bagi ruang sama saya. Boleh? Sedikit.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Sila, sila.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Okey terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Semporna. Saya mengikuti perbahasan Yang Berhormat daripada awal tadi. Saya mahu sentuh soal COVID-19 tetapi topik itu sudah berlalu. Tidak apa, kita *reverse* balik.

Pada awal Oktober, Yang Berhormat Semporna... *[Disampuk]*. Ya, ya tidak apa. Pada awal Oktober, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata dalam sidang media beliau bahawa punca COVID-19 di Sabah itu yang paling teruk katanya punca daripada kempen PRN Sabah. Pertama. Keduanya, daripada PTI atau pendatang tanpa izin.

Saya cukup bersimpati kepada Yang Berhormat Semporna dan seluruh rakyat negeri Sabah sebenarnya kerana ramai yang telah terkorban, yang meninggal dunia. Bahkan ada saudara mara Yang Berhormat Semporna sendiri pun telah kembali ke rahmatullah, saya juga bersimpati. Jadi, adakah Yang Berhormat adakah rasa penyesalan Yang Berhormat? Sebagai ketua menteri waktu itu kerana meminta dan menasihati TYT untuk membubarkan Dewan Undangan Negeri? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Yang Berhormat Kimanis, saya hendak nyatakan di sini bahawa sistem yang ada di perundangan negara kita sudah sedia ada yang kita ingin nyatakan. Kalaulah sekiranya tidak ada gangguan daripada kerajaan yang ada pada hari ini, *[Tepuk]* negeri Sabah merupakan negeri yang amat terkawal, paling banyak *green area* di Sabah. Saya bagi contoh di Pulau Gaya tetapi malangnya oleh...

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Akan tetapi janganlah minta bubar waktu COVID-19 Yang Berhormat. Waktu COVID-19 juga minta bubar.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Nasihat kerajaan itu Yang Berhormat Batu Sapi jangan bertanding.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Oleh sebab keputusan sudah bubar, hendakkan kuasa mereka hendak mengambilnya. Kalau sekiranya seperti yang saya nyatakan, saya pun agak hairan rakan lama saya Yang Berhormat Pekan dendam kesumat dia— saya tidak tahu mungkinlah kerana saya bangkit tentang 1MDB membangkitkan bahawa saya sanggup mati oleh sebab COVID-19. Saya bukan sanggup mati oleh sebab COVID-19. Saya nyatakan hendak menyerahkan kuasa kepada pihak yang bergantung dengan *cash is king* oleh kerana *purchasing power* mereka untuk membeli ADUN-ADUN hendak serah kuasa, baik saya mati dalam gelanggang politik. Bukan mati oleh kerana COVID-19.

Mati dalam gelanggang politik kerana kita serahkan dengan rakyat. Kalau rakyat menentukan siapa berkuasa, keadaan ini kita kena terima. Kini kita sedar yang berkuasa sepatutnya bukan PAS, bukan UMNO, yang sepatutnya Warisan.

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Masa begini tidak sesuai Yang Berhormat kerana membubarkan Dewan tengah-tengah COVID-19 tengah meningkat.

Datuk Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]: Kenapa kacau semasa musim COVID-19?

Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]: Ya, akibatnya rakyat Sabah menderita akibat Yang Berhormat Semporna membubarkan Dewan Undangan Negeri.

Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Haji Apdal [Semporna]: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan masa yang singkat ini, saya menyatakan di sini bahawa yang penting bagi kita bukan hanya kerajaan sendiri, pihak swasta perlu dilibatkan kerana mereka ini merupakan golongan yang besar, majikan yang besar. Kita ini hendak membina sebuah negara, bukan membina bangsa, bukan membina satu agama. Kita membina berbagai-bagai bangsa untuk maju ke depan. *[Tepuk]* Kita kena melihat belanjawan harus diguna pakai sebagai membina negara, *nation building, not building a race, not building a religion. This is the way forward for the country* yang ada. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tanjong Karang.

11.55 pg.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga kerajaan yang telah membentangkan belanjawan yang tertinggi dalam sejarah negara kita. Kita lihat banyak inisiatif bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan seperti Bantuan Prihatin Negara, Geran Khas Prihatin, moratorium pinjaman serta banyak lagi bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tiga isu pagi ini. Pertama KWSP, moratorium dan juga siber. Namun demikian, kita lihat keadaan genting kini yang kita lihat COVID-19, bagaimana kita hendak membantu rakyat pada hari ini. Di kala negara kita berhadapan dengan serangan gelombang ketiga penularan wabak COVID-19, kedudukan ekonomi rakyat semakin tertekan dengan pelbagai impak termasuklah kehilangan pekerjaan, perniagaan bergerak perlahan, komitmen bulanan individu dan juga keluarga yang perlu diberikan pertolongan.

Rakyat perlu diberikan pilihan. Saya tekankan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pekan cadangan. Rakyat perlu diberikan pilihan untuk mengeluarkan caruman akaun satu KWSP. Kita tahu caruman ini adalah titik peluh mereka sebagai simpanan hari tua selepas bersara. Namun, dengan keadaan genting kini ia adalah sumber terbaik bagi mereka menghadapi cabaran semasa. Keadaan ini dilihat dapat mengurangkan beban ekonomi pekerja terhadap pinjaman sedia ada, bil-bil utiliti yang tertunggak mahupun untuk kegunaan perbelanjaan kehidupan harian di samping menggunakan dana yang dikeluarkan ini sebagai modal perniagaan baharu untuk menyara hidup mereka.

Pada ketika ini juga, kita dapat melihat bahawa terdapat banyak permintaan terhadap pihak kerajaan untuk membenarkan keluaran secara *one-off* sehingga RM10,000 bagi kegunaan mendesak. Ini kalau kita lihat dalam media sosial, saya juga berbincang dengan pimpinan-pimpinan generasi muda termasuk Ketua Puteri Malaysia. Mereka semua memberikan pandangan bahawa cadangan kerajaan untuk memberikan keluaran duit RM500 sebulan selama enam bulan tidak ada maknanya... *[Disampuk]* Selama 12 bulan.

Dia bagi RM500 selama 12 bulan. Ini melibatkan pula hanya 600,000 ahli. Jadi, saya kira ini bukan pendapat saya seorang, media sosial rakyat memang satu cadangan yang kurang berkesan untuk kita hendak mengatasi masalah dan membela nasib rakyat yang sedang tertekan pada hari ini.

Bagi saya serangan wabak COVID-19 ini bukan hanya memberi impak hanya kepada golongan B40 mahupun M40 dan mereka juga banyak hilang pekerjaan termasuklah juga golongan T20 sekali. Ini seperti mana yang sahabat saya Yang Berhormat Semporna kata jangan tengok B40, M40 kerana syarikat besar. Saya ada satu syarikat, dia pun sudah tendak bankrap. Bayangkanlah syarikat besar ini bankrap dia tidak boleh menyara lagi perniagaannya, beratus pekerja terpaksa diberhentikan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Oleh sebab itu pengangguran akan meningkat dengan mendadak hampir berapa ratus ribu kita dengar hari ini. Jadi, kita mesti mencari jalan bagaimana kita hendak membantu golongan ini. Kalau kita lihat daripada laporan yang dinyatakan oleh KWSP, kita lihat bahawa KWSP mengumumkan jumlah keuntungan bagi tiga bulan suku kedua tahun 2020 ialah sebanyak RM15.12 bilion.

■1200

KWSP mengumumkan jumlah keuntungan bagi tiga bulan suku kedua 2020 sebanyak RM15.12 bilion. KWSP juga mengumumkan jumlah aset yang dilabur mereka ialah sebanyak RM929.64 bilion pada 30 Jun 2020, di mana 49.2 peratus pelaburan adalah dalam bentuk bon. Bayangkan kalau kita lihat, kalau kita benarkan mereka ini keluar sekali gus, sudah tentulah mereka dapat menggunakan wang ini untuk memulakan kehidupan yang baharu.

Kalau dia keluar sekali gus 45 peratus, RM45.7 bilion. Saya kira masih lagi KWSP sepatutnya mampu untuk memberikan peluang ini untuk penyimpannya mengeluarkan wang simpanan mereka. Sekiranya duit tabungan kita selama berpuluh tahun tidak dapat digunakan di saat kita terdesak begini, maka tabungan yang kita lakukan selama ini ialah sia-sia.

Apa gunanya caruman simpanan hasil titik peluh sendiri tidak berguna pada saat-saat kritikal sebegini? Pencaruman KWSP bukannya meminta supaya dikeluarkan semua simpanan mereka di dalam KWSP tetapi mereka mahu mengeluarkan di mana kemampuan yang mereka perlukan. Oleh itu, rakyat perlukan sumbangan kewangan bagi menjelaskan utiliti bulanan mereka, keperluan harian mereka ini.

Jadi, kesimpulannya yang saya hendak nyatakan ialah mengapakah kita menghalang daripada penyimpan KWSP ini mengeluarkan hak mereka sendiri? Isu yang kedua ialah isu moratorium. Kita tahu bahawa lanjutan moratorium secara automatik sangat penting. Memandangkan ia bukan sahaja membantu pendapatan rendah B40 tetapi juga meringankan beban golongan pendapatan sederhana ataupun M40.

Bermula 1 April 2020, kita lihat moratorium ataupun penangguhan bayaran balik selama enam bulan secara automatik telah diberikan kepada peminjam-peminjam individu dan perusahaan kecil dan sederhana ini. Kita harap moratorium ini disambung lagi, kalau boleh bagi lagi enam bulan.

Ini kerana kita kena lihat, bagi saya moratorium ini kena ada dua. Satu, moratorium yang kita lihat yang berkaitan dengan pinjaman kewangan. Kedua ialah moratorium yang membuat sewaan premis-premis perniagaan. Pertama, mengenai pinjaman. Kita tahu bahawa bank memberikan moratorium sehingga enam bulan tetapi bagaimana keadaan syarikat pinjaman *credit finance* ini? Lanya tidak menyeluruh, bank bagi, *credit finance* tidak bagi.

Ini yang kita lihat pengusaha-pengusaha bas, teksi hari ini, mereka tidak ada berniaga tetapi mereka terpaksa bayar *installment* bas ini. Jadi, bagaimana kita hendak menyelaraskan ini? Bukan sahaja agensi-agensi, bukan sahaja *credit finance* dan juga bank tetapi kita lihat juga agensi-agensi kerajaan tidak selaras. Kita tengok kadang-kadang Amanah Ikhtiar lain cara moratoriumnya, TEKUN pun sama.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang?

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya, bagi saya habis dahulu. Jadi, ini yang kita kena lihat. Mungkin kerajaan kata tidak ada kuasa, tidak ada kuasa kita hendak campur tangan urusan bank dan juga syarikat-syarikat *finance* ini. Akan tetapi kita kena ingat, termasuklah pinjaman syarikat-syarikat wang berlesen ini. Memanglah ia

ada akta sendiri, kerajaan tidak ada kuasa hendak campur tangan. Hendak arah pun mungkin mereka tidak mahu ikut.

Akan tetapi kita kena ingat, kuasa yang memberi lesen ialah kuasa kerajaan. Apa salahnya panggil *credit finance* ini, beritahu mereka, minta kerjasama dengan mereka. Termasuklah peminjam wang berlesen, Menteri KPKT boleh panggil mereka. Panggil mereka, kalau mereka tidak mahu kerjasama dengan kita, kena ingat, kelulusan ini siapa yang bagi? Lesen kelulusan ini kita yang bagi, kerajaan yang bagi. Kalau waktu kerajaan susah, minta tolong dengan mereka, mereka tidak hiraukan kita, satu kuasa mesti kita gunakan. Beritahu orang, bila kita ada *power*, kita mesti *powerful*, ada *wealth*, *we are full*lah. Malas hendak sebut, nanti orang suruh tarik pula. Faham-faham sudahlah.

Jadi, ini yang kita hendak kena lihat daripada segi penyelarasan untuk kita hendak berikan pinjaman ini. Kemudian daripada segi sewaan pun sama, kita juga lihat banyak bangunan, premis perniagaan kerajaan yang kita lihat ada yang bagi moratorium, ada yang tidak bagi. Ada yang bagi *free*, ada yang bagi separuh.

MAHB saya bagi sebagai contoh, dekat *airport*. Tutup perniagaan tetapi sewa kena bayar. Satu syarikat kena bayar saya difahamkan lebih dekat satu juta sebulan sewa kena bayar. Di mana penyelarasannya? Rumah PPR, dulu saya dengar, ini Menteri ada dalam ini. Semalam orang PPR beritahu saya sudah mula kena bayar pula sewa ini. Di mana penyelarasannya? Sepatutnya kena panggil, semua kerajaan duduk sekali, agensi-agensi kerajaan, GLC kena diselaraskan, jangan mengikut suka hati mengikut mana-mana pengurusan.

Ini kerana kita hendak membela nasib rakyat yang sedang tertekan. Jadi, kerana itu kita kena lihat bahawa moratorium ini daripada segi pinjaman, kena panggil. Saya kata lagi, Menteri KPKT, panggil pemegang-pemegang lesen ini, pinjaman wang berlesen ini, duduk berbincang bersama-sama. Bagaimana untuk kita hendak meringankan beban rakyat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Sedikit sahaja, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Amanah Ikhtiar sepatutnya...

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Mohon mencelah.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Saya ingat masa. Bagi saya habiskan, *last*.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: TEKUN, Amanah Ikhtiar, sewa premis niaga, Majlis Daerah dan PUNB di bawah Yang Berhormat Tanjong Karang sebagai pengerusi.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ya. Saya PUNB, saya kena *declare*, saya pengerusi. Saya sudah umum, saya bagi *free*. Kita bukan bagi moratorium, pinjaman pun kita dah sambung, tak perlu bayar dan juga premis-premis perniagaan. Ada seramai 288 peminjam kita telah berikan moratorium.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Kena bagi Yang Berhormat Tanjong Karang jadi Menteri.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Ini sebab saya fikirkan kepentingan kepada rakyat.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Tanjong Karang, hendak bantu. Berkenaan dengan pemandu bas, ada persatuan membuat laporan polis, tidak mendapat bantuan. Ini adalah satu berita yang saya baca dalam *Free Malaysia*. Ketua Persatuan Gabungan Pengusaha Bas Persiaran Zon Utara, Ahmad Roslan Abdul Latif berkata, mereka terpaksa membuat laporan polis kerana tidak mendapat sebarang bantuan. Jadi, saya juga menyokong perbincangan Yang Berhormat Tanjong Karang supaya pengusaha-pengusaha bas diberi perhatian. Apa juga bantuan kewangan yang boleh diberikan, disalurkan dengan seberapa cepat yang mungkin.

Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]: Jadi, itu saya kata bas. Bukan sahaja bas sekolah, bas *chartered*, bas persiaran, bas ekspres, mana mereka ini? Tidak ada pembelaan. Jadi, saya sokong. Biarlah syarikat-syarikat ini atur bas, siapa hendak lelong, lelonglah bas ini, siapa hendak beli. Ini kerana mereka tidak diberikan pembelaan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hanya mencadangkan memberikan, tidak ada penyelarasan, maka kita lihat dasar ini tidaklah berapa teguh.

Juga kita lihat kalau kita tidak selaraskan, ini yang kadang-kadang bila hendak buat pinjaman, saya pengerusi PUNB, bila kita semak hendak pinjam, ada CCRIS, ada CTOS dan ramai juga yang akan diisytiharkan bankrap kalau tidak diselaraskan. Bukan sahaja bank, termasuklah *credit finance* ini. Jadi, kerana itu dua perkara ini memanglah patut kita kena sokong dan kerajaan kena dan wajib memberikan pertimbangan ini.

Jadi sebab itu, tadi bila saya dengar ucapan dinda saya daripada Pasir Mas yang mengatakan syarat yang kita kenakan moratorium dengan KWSP ini seolah-olah ini syarat hendak meminang bila Sultan Melaka hendak meminang Puteri Gunung Ledang. Saya ingat kurang tepat ideologi tu, kurang sikit. Ini sebab kita kena lihat, Hikayat Puteri Gunung Ledang ini hendak kena buat jambatan emas. Jambatan emas kena cari duit, hendak kena buat jambatan, hendak hati nyamuk, hendak kena cari nyamuk, rakyat terlibat. Ini tidak ada.

Saya anggap hari ini moratorium dan juga KWSP ini seperti pelampung. Ini pelampung rakyat punya, rakyat tengah hendak tenggelam ini. Rakyat tengah hendak tenggelam, selamatkan mereka, campak pelampung kepada mereka. Bila mereka esok sudah bernafas, ambillah balik pelampung ini. Mengapa waktu rakyat perlukan pelampung ini kerajaan takut hendak bagi?

Jadi, saya hendak minta bahawa anggapkanlah ini sebagai pelampung penyelamat. Isu yang terakhir yang saya hendak tekankan ialah keselamatan siber. Kita sedia maklum bahawa kerajaan memperuntukkan untuk meningkatkan kawalan keselamatan siber negara berjumlah RM27 juta. Peruntukan tahun 2021, membina dan menaik taraf infrastruktur digital berjumlah RM7.4 bilion, ini yang ada di dalam bajet.

Kita juga tidak nafikan bahawa negara kita ini memang begitu aktif sekali di dalam siber. Akan tetapi saya hendak tekankan ini ialah dalam kita menghadapi dunia siber ini, kesannya kepada rakyat, kesan daripada segi *criminal* ini kita lihat. Kalau saya baca laporan tahun 2018, sebanyak 23,388 kes yang melibatkan kerugian RM2.8 bilion, sebanyak 13,513 adalah kes akaun keldai.

■1210

Tahun 2019 ia naik lagi sebanyak 28,508 kes yang melibatkan RM2.4 bilion. Kemudian banyak lagi kalau kita lihat perangkaan-perangkaan yang ada pada saya ini. Kita lihat peningkatan kes jenayah siber setiap tahun iaitu kalau kita tengok pada tahun 2010 hanya ada 38 kes tetapi bila tahun 2020 dalam tempoh 10 tahun ia meningkat kepada 50,214 kes.

Jadi macam-macam kes kita dengar. Ada yang *Macau Scam* lah, *African Scam* dan sebagainya. Persoalan yang saya hendak tanya pada kerajaan ialah apakah tindakan kerajaan untuk membela mangsa-mangsa ini, yang menjadi mangsa *scam* ini? Apa pembelaan kita? Saya hendak mencadangkan kalau setakat kita ada akta, memang kita ada akta, tidak silap saya dekat 31 akta kita ada, macam-macam akta kita ada.

Akan tetapi sudah sampai masanya kita kena menggubal satu akta keselamatan siber supaya kita dapat pusatkan untuk mengatasi masalah ini dan juga dalam akta ini kita hendak kena betul-betul kita bertindak. Kalau kita tidak bersedia pada hari ini mengatasi masalah jenayah siber ini saya bimbang bahawa negara kita merupakan salah satu negara yang akan menjadi mangsa.

Jadi saya hendak cadangkan kena sudah sampai, akta *security cyber* ini kita mesti kena ada dan yang lebih penting kalau kita sudah wujudkan akta jenayah siber ini kita juga mesti beri pembelaan kepada mangsa-mangsa ini, berbilion mereka ini menjadi mangsa. Mereka ini tidak tahu apa. Jadi saya hendak cadang hari ini terpulanglah kepada Timbalan Tuan Yang di-Pertua, sudah tukar. Timbalan Tuan Yang di-Pertua, daripada Pengerang dulu waktu jadi Menteri jaga undang-undang telah pun mewujudkan Mahkamah Khas Siber. Tahniah, sudah ada mahkamah tetapi penguatkuasaannya bagaimana? Undang-undangnya bagaimana?

Saya hendak tekankan ini di luar sana kita lihat yang sampai bunuh diri pun ada kerana menjadi mangsa *scammer* ini. Maka satu undang-undang juga mesti kita kena gubal bahawa mana-mana mangsa ini mesti diberi pembelaan, duit mereka. Kalau sudah diputuskan oleh mahkamah memang dia menjadi mangsa, duit itu ke mana pergi? Mesti buat satu undang-undang.

Duit itu kalau sudah ada mangsa pulangkan sahaja kepada mereka. Tidak perlu lagilah mereka hendak melalui tuntutan sivil dan sebagainya. Inilah yang saya harap supaya nasib kepada mangsa-mangsa *scammer* ini mestilah diberikan pembelaan. Banyak lagi kita lihat mangsa-mangsa ini dan kalau kita hanya mendakwa mereka tetapi tidak ada pembelaan kepada mangsa-mangsa ini, maka mereka tidak ada pembelaan, yang kita hukum hanya penjenayah.

Saya hendak cadangkan lagi sekali carilah jalan, buatlah undang-undang, mana-mana mangsa ini duit mereka bila kita dapati betul-betul menjadi mangsa pulangkanlah kembali kepada mereka dengan cara yang mudah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Julau untuk perbincangan seterusnya. Silakan.

12.13 tgh.

Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan saya peluang menyertai perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021. Belanjawan 2021 ini adalah belanjawan yang terpenting di dalam sejarah negara. Ini kerana pandemik COVID-19 adalah krisis terburuk yang pernah melanda negara kita ini.

Kerajaan mengatakan bahawa Belanjawan 2021 adalah belanjawan COVID-19. Maka tumpuan harus diberikan bukan sahaja kepada usaha mengenai pandemik, malahan juga kesejahteraan hidup rakyat dan keutuhan dan kelangsungan ekonomi negara. Pada pandangan saya, belanjawan yang dibentangkan ini tidak adil buat Sabah dan Sarawak yang ketinggalan daripada pelbagai segi. Sabah dan Sarawak memerlukan tambahan peruntukan pembangunan dan terutama pelaksanaan projek-projek pembangunan untuk ketiga-tiga perkara di atas dalam masa terdekat ini.

Tuan Yang di-Pertua, menurut buku *Tinjauan Ekonomi 2021*, antara isu dan cabaran yang perlu ditangani pada tahun hadapan adalah jurang antara wilayah. Pada belanjawan kali ini peruntukan pembangunan khusus yang diperuntukkan untuk Sabah dan Sarawak adalah RM5.1 bilion dan RM4.5 bilion. Namun, peruntukan perbelanjaan pembangunan yang khusus untuk Sarawak daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan pembangunan negara telah menurun dari 7.8 peratus pada Belanjawan 2020 kepada 6.5 peratus dalam Belanjawan 2021. Sabah pula menurun dari 9.3 peratus kepada 7.4 peratus.

Sungguh pun begitu, adakah peruntukan ini mencukupi untuk merapatkan jurang antara wilayah di negara kita yang makin melebar? Saya bangkitkan persoalan ini kerana indeks kemiskinan mutlak 2019, Sabah di tempat pertama iaitu 19.5 peratus, Sarawak pula di tempat ketiga, sembilan peratus.

Dari sudut kesihatan pula, nisbah klinik kesihatan berbanding penduduk untuk tahun 2018 ialah 1:13,129 untuk Sabah 1:11,682 untuk Sarawak. Nisbah Sabah dan Sarawak lebih dari dua kali ganda tinggi berbanding Pahang nisbah terbaik negara, 1:5,048.

Pada tahun 2019, sebanyak 15.5 peratus isi rumah Sarawak dan 8.4 peratus isi rumah Sabah berada lebih dari sembilan kilometer dari pusat kesihatan awam dan swasta, peratusan tertinggi di Malaysia. Dari segi *infrastructure* asas Sabah dan Sarawak serba ketinggalan. Sebagai contoh, Julau yang sebesar gabungan Perlis dan Melaka tidak mempunyai sebuah stesen minyak ataupun Balai Bomba dan Penyelamat.

Sepanjang tahun 2018 hingga tahun 2020, sudah empat kebakaran berlaku, tiga buah rumah panjang dan sebuah asrama sekolah. Saya mohon pembinaan balai bomba kategori E, Julau diberikan keutamaan dan dimasukkan dalam senarai untuk tahun 2021.

Tuan Yang di-Pertua, pada 11 November lalu kerajaan telah memberikan jawapan secara bertulis kepada soalan lisan saya. Saya bertanyakan adakah pembayaran penuh SST produk petroleum bagi tahun 2019 sebanyak RM2.96 bilion oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sarawak akan mempengaruhi untuk peruntukan perbelanjaan pembangunan Belanjawan 2021 untuk Sarawak. Jawapan yang diberikan oleh kerajaan adalah, "*Dengan sumber hasil tambahan SST yang diterima Kerajaan Negeri Sarawak lebih berkemampuan untuk melaksanakan sendiri sesetengah projek*

pembangunan negeri ataupun melaksanakan projek secara perkongsian kos di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri”.

Saya tidak dapat menerima jawapan ini kerana ia bertentangan dengan keputusan Mahkamah Tinggi Kuching bertarikh 13 Mac 2020, yang memutuskan Sabah dan Sarawak mempunyai hak di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk mengenakan SST terhadap produk petroleum. Kerajaan Persekutuan juga seolah-olah menyerahkan tanggungjawab merapatkan jurang antara wilayah kepada Kerajaan Negeri Sarawak pula.

Ini amat bertentangan dengan objektif dan matlamat utama yang telah digariskan Wawasan Kemakmuran Bersama dan Rancangan Malaysia Kedua Belas. Jawapan kerajaan ini tidak mencerminkan semangat MA63. Saya tuntut kerajaan menarik balik jawapan ini dan meningkatkan peruntukan khusus perbelanjaan pembangunan Sabah dan Sarawak.

Walaupun sudah 57 tahun Malaysia ditubuhkan, namun *infrastructure* di Sabah dan Sarawak begitu teruk sekali. Usaha untuk membangunkan Sabah dan Sarawak harus dilipat gandakan untuk merapatkan jurang antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Jawapan ini juga membuktikan bahawa kerajaan mengambil pendekatan untuk mengurangkan peruntukan pembangunan untuk Sarawak.

■1220

Alasan yang diberikan adalah Sarawak menerima hasil tambahan SST produk petroleum. Saya ingin mengesahkan kepada kerajaan bahawa hasil SST produk petroleum adalah hak Sarawak. Sabah dan Sarawak adalah rakan kongsi setara dengan Semenanjung. Walaupun peruntukan pembangunan untuk Sarawak di dalam masa terdekat ini belum mencapai satu per tiga, namun hala tuju kerajaan haruslah ke arah itu bukannya mengurangkan peratusan peruntukan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil maklum kerajaan menjalankan usaha untuk merapatkan jurang digital dan menangani isu infrastruktur telekomunikasi di seluruh negara menerusi Program Jaringan Prihatin dan inisiatif Jalinan Digital Negara. Saya menyokong penuh usaha ini namun ia harus disegerakan. Di kawasan saya ada enam buah menara telekomunikasi 2G dan 3G. Tiada liputan 4G. Saya pernah melihat bahawa bagaimana seorang penduduk di rumah panjang mengikat telefonnya dan menarik ke atas siling hanya untuk mendapatkan liputan internet. Ada perkhidmatan telefon, tiada liputan internet. Ada perkhidmatan internet, tiada liputan di rumah pula. Inilah sebabnya penduduk kawasan saya terpaksa mendaki bukit, masuk dalam hutan dan duduk di tepi jalan hanya untuk mendapatkan liputan internet.

Menurut jawapan kerajaan di Sarawak, sebanyak 2,041 buah menara telekomunikasi yang sedia dinaikkan taraf kepada 4G. Saya mohon usaha ini diberikan keutamaan dan disegerakan. Liputan Internet teramatlah penting ketika kita semua menghadapi norma baharu. Saya juga mohon supaya usaha merapatkan jurang digital dan isu infrastruktur telekomunikasi diberikan perhatian khusus dan disegerakan terutama sekali di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, antara isu besar yang dihadapi oleh masyarakat peribumi di pedalaman Sarawak adalah isu Tanah Hak Adat (NCR). Saya berterima kasih kepada kerajaan yang memperuntukkan sejumlah RM41 juta untuk projek pengukuran NCR. Pertama sekali, saya ingin tahu untuk projek NCR ini daripada peruntukan sebanyak RM41 juta tersebut, berapakah yang diperuntukkan untuk Sarawak? Saya ambil maklum bahawa urusan tanah di bawah bidang kuasa negeri, namun peruntukan ini diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2021.

Menurut kajian saya, hanya sejumlah 4.83 peratus tanah adat lot-lot individu telah diukur daripada keseluruhan sejumlah 953,000 hektar tanah adat di bawah seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak. Pada 14 November 2018, Kerajaan Negeri Sarawak mengumumkan bahawa sejumlah 28,807 lot individu berjaya diukur. Pada tahun ini, 13 November 2020, Kerajaan Negeri Sarawak mengumumkan bahawa sejumlah 46,113 hektar lot individu telah diukur. Sebanyak 17,306 hektar diukur dalam dua tahun. Maknanya, hanya sejumlah 8,653 lot berjaya diukur setahun dan masih ada lagi sejumlah 906,887 hektar yang belum diukur. Sebanyak 906,887 hektar ini adalah tanah adat yang telah diukur di bawah seksyen 6 Kanun Tanah Sarawak.

Bagaimanakah pula dengan tanah-tanah adat yang belum diwartakan? Saya tertanya-tanya adakah Kerajaan Persekutuan perlu melipatgandakan peruntukan ini

untuk membantu Kerajaan Negeri Sarawak mengukur tanah-tanah adat? Kita sedang mengejar masa kerana ramai daripada generasi dahulu telah meninggalkan kita. Mereka ini berpengetahuan mengenai garis *menoa*, batas tanah *Communal*, pemakai *menoa*, hak wilayah dan Pulau Galau, Hutan Simpan *Communal*. Usaha ini harus disegerakan sebelum mereka semua meninggalkan kita.

Jika hanya sejumlah 8,653 hektar lot individu yang diukur untuk setahun, selama 104 tahun diperlukan untuk menyelesaikan isu ini. Ini bermaksud selama 161 tahun selepas penubuhan Malaysia barulah isu NCR akan selesai. Tambahan pula, selagi tidak diwartakan, tanah-tanah adat ini akan dicerobohi oleh syarikat-syarikat pembalakan dan ladang kelapa sawit. Saya mempersoalkan komitmen Kerajaan Negeri Sarawak menyelesaikan isu NCR. Isu pewartaan dan geran tanah sudah selesai di Semenanjung yang mempunyai tanah yang lebih luas dan penduduk yang lebih ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyifatkan Belanjawan 2021 sebagai Belanjawan COVID-19, maka memohon kerjasama dan sokongan semua. Namun, adakah ini Belanjawan COVID-19 jika hanya sejumlah 5.3 peratus daripada sebanyak RM322.5 bilion diperuntukkan untuk Kumpulan Wang COVID-19?

Kedua, walaupun memohon kerjasama dan sokongan semua tindakan kerajaan tidak pula mencerminkan sifat inklusif. Saya mohon peruntukan kawasan yang saksama diberikan kepada semua Ahli Parlimen tidak kira pembangkang mahupun kerajaan. Selama pandemik ini, kami Ahli Parlimen Pembangkang turut turun ke bawah membantu rakyat dan menyalurkan bantuan dengan peruntukan yang teramat terhad. Setiap Ahli Parlimen tentunya lebih memahami isu dan keperluan kawasan masing-masing. Lebih penting lagi dengan izin, *you can't beat this pandemic with only half the country behind you. [Tepuk]*

Setiap Ahli Parlimen tentunya menerima aduan dan permohonan mereka yang keciciran daripada inisiatif kerajaan. Saya memberikan sebuah contoh aduan yang baharu saya terima. Puan Paulyn anak Embu, merupakan seorang ibu tunggal yang mempunyai seramai tujuh orang anak, lima anak masih dalam tanggungan dan dua telah bekerja. Suami beliau meninggal dunia pada Januari tahun ini. Beliau merupakan seorang pekebun kecil lada hitam. Beliau memohon bantuan ibu tunggal pada bulan Februari, tetapi ditolak pada bulan Julai. Alasan penolakan permohonan Puan Paulyn adalah kerana beliau masih muda, mempunyai dua anak yang bekerja dan tidak berpenyakit kronik.

Harga lada hitam telah jatuh menjunam. Berapa ramai lagi mereka seperti Puan Paulyn yang ketika ini yang amat memerlukan bantuan, dengan izin, *fall through the social safety net*. Maka, individu sebegini akan meminta terus bantuan daripada Pusat Khidmat Ahli Parlimen. Tanpa peruntukan yang mencukupi, kami tidak dapat membantu mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ketua Pengarah Kesihatan dan barisan hadapan negara *[Tepuk]* yang bertungkus-lumus mengekang dengan izin, *unprecedented crisis*, pandemik COVID-19. Menghadapi *unprecedented crisis* memerlukan *unprecedented responses dan extraordinary measures*. Pendekatan *business as usual* Belanjawan 2021 ini tidak mencerminkan ianya Belanjawan COVID-19 dan negara sedang berhadapan dengan *unprecedented crisis*. Janganlah kita mensia-siakan pengorbanan *frontliners* negara dengan mengambil pendekatan *business as usual*. Saya hanya akan menyokong belanjawan ini jika semua cadangan diberikan perhatian dan pertimbangan yang serius. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Julau. Kini saya mempersilakan Yang Berhormat Kuala Krai. Silakan.

12.29 tgh.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera kepada semua.

■1230

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang dan peluang kepada saya bagi bersama-sama membahaskan Belanjawan 2021 ini. Terlebih dahulu ingin saya mentakzamkan ucapan tahniah atas peluncuran Belanjawan 2021 ini oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dengan jayanya pada penghulu hari yang penuh barakah iaitu pada hari Jumaat, 20 hari bulan Rabiulawal 1442 bersamaan dengan 6 November 2020 yang lalu.

Ternyata belanjawan kali ini menyentuh hampir setiap segmen nurani rakyat terbanyak. Lebih menariknya ia adalah merupakan umpama mujarab sakti buat menghadapi wabak COVID-19 dan kesakitan ekonomi yang melanda seluruh dunia. Mengambil ibarah daripada kisah Nabi Yusuf a.s., sesungguhnya sekarang kita umpama berada di fasa tujuh tahun kemarau yang panjang. Allah memberi peringatan kepada kita. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*

Kemudian akan datang selepas tempoh itu, tujuh tahun kemarau yang besar yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya kecuali sedikit daripada apa yang kamu simpan untuk dijadikan benih. Surah Yusuf, ayat 48.

Serangan COVID-19 bukanlah enteng dan harus dipandang secara mudah dan sinis. Ia adalah serangan global yang maha dahsyat. Seluruh dunia sedang terkapai-kepai mencari penyelesaiannya. Tumpuan kerajaan sekarang ialah meratakan lekuk jangkitannya. Oleh itu di sini saya menyeru kepada semua pihak untuk bersama menggembleng usaha dan tenaga dengan meminggirkan apa sahaja persoalan yang sedang membezakan kita semua. Bersama kita buktikan pada dunia, Malaysia mampu menguruskan ekonominya, walau apa jua cabarannya. Natiujahnya kerajaan telah menaikkan siling Kumpulan Wang COVID-19 sebanyak RM20 bilion menjadikannya RM65 bilion.

Ini menunjukkan betapa seriusnya kerajaan dalam menangani pandemik ini. Tuan Yang di-Pertua, hasil dapatan daripada belanjawan ini, Yang Berhormat Kuala Krai ingin menyentuh beberapa perkara di dalam isi belanjawan untuk kebaikan rakyat. Pertama ialah berkaitan dengan pembangunan Islam. Peruntukan besar yang diberikan kepada pembangunan Islam iaitu penambahan dari tahun-tahun sebelumnya.

Ini menggambarkan betapa pentingnya pengembangan syiar Islam yang dititik beratkan oleh kerajaan hari ini. Saya yakin peruntukan kepada sekolah agama, tahfiz dan pondok juga akan turut bertambah. Saya tertarik dengan beberapa hujah pembangkang yang menyatakan bahawa Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak menyebut secara jelas dalam pembentangan bantuan untuk sekolah Cina dan India.

Untuk pengetahuan ahli Dewan yang mulia, belanjawan untuk sekolah agama dan institusi pondok juga tidak disebut dalam pendetailan belanjawan kali ini. Namun begitu saya yakin semua peruntukan ini tidak dipinggirkan dan sudah termasuk dalam peruntukan sebanyak RM1.4 bilion yang telah diumumkan oleh pihak kerajaan. Justeru, saya ingin memohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Berapakah belanjawan untuk sekolah agama, tahfiz dan pondok pada tahun 2021 ini?

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua ialah infrastruktur kepada Kelantan. Sekalipun dalam keadaan gawat sebegini, Kelantan tidak dipinggirkan. Alhamdulillah. Penerusan projek Lebuh raya *Central Spine Road* (CSR) adalah sangat penting kepada rakyat Kelantan khususnya Kuala Krai. Harapan rakyat Kelantan agar penerusan ini disertakan dengan mempercepatkan pembinaannya, khususnya laluan Machang-Kuala Krai dan Kuala Krai-Gua Musang.

Saya menaruh keyakinan yang tinggi, CSR ini akan dapat menyelesaikan masalah kesesakan dan mempercepatkan aliran trafik terutama pada musim perayaan, malah semestinya ini bakal meledakkan serta memacu dan merancakkan ekonomi kepada Kelantan, *insya-Allah*. Alhamdulillah, kali ini juga Kelantan mendapat Jambatan Palekbang yang menghubungkan bandar Kota Bharu dengan daerah Tumpat.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri Kewangan atas keprihatinan. Yang ketiga Tuan Yang di-Pertua ialah berkaitan dengan pelancongan domestik. Kerajaan mengambil peluang yang sangat baik ketika wabak COVID-19 ini membelenggu kita dengan menyemarakkan pelancongan domestik. Kuala Krai sendiri merupakan fenomena baru sebagai pusat pelancongan di Kelantan.

Misalnya *Train to Dabong*. Kini adalah salah satu fenomenanya, rakyat di hilir Kelantan menaiki kereta api di Wakaf Bharu dengan tambang hanya RM5 untuk orang dewasa, manakala RM3 untuk kanak-kanak untuk ke Pekan Dabong sejauh sekitar 150 kilometer. Saya mencadangkan Pekan Dabong dibangunkan dengan lebih pesat. Antaranya beberapa penambahbaikan untuk kawasan pelancongan yang sedia ada bagi merancakkan lagi pelancongan domestik.

Selain Dabong, saya juga mencadangkan sejumlah peruntukan untuk membaik pulih jambatan Sungai Nal yang hampir berusia 80 tahun dan mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri. Sejumlah peruntukan untuk menaik taraf kemudahan pelancongan di Lata Berangin dan juga sejumlah peruntukan untuk penyelenggaraan kemudahan pelancongan di Kampung Mambong yang terkenal dengan tembikar tanah liat.

Tuan Yang di-Pertua, ternyata Kuala Krai mempunyai kelebihan untuk diangkat sebagai pusat pelancongan domestik di Malaysia. Oleh itu dengan belanjawan kali ini yang memperuntukkan sebanyak RM50 juta bagi memajukan sektor pelancongan, saya yakin kerajaan tidak akan meminggirkan sektor pelancongan di kawasan saya iaitu Kuala Krai. Saya akan sampaikan kertas cadangan dan surat permohonan usai sahaja selesai ucapan perbahasan belanjawan pada kali ini.

Kesemua cadangan dan surat permohonan itu telah pun saya sediakan. Dalam masa yang sama, saya menyokong usaha kerajaan untuk mempertahankan pekerja sektor pelancongan yang terjejas teruk sebanyak RM1.5 bilion untuk melanjutkan pelaksanaan Program Subsidi Upah yang melibatkan hampir 900 ribu pekerja. Semoga bantuan ini dapat memanjangkan hayat sektor yang terjejas.

Yang keempat, perumahan. Sejumlah RM1.2 bilion yang diperuntukkan kepada pembinaan rumah kerajaan melalui pelbagai skim. Antaranya Skim Perumahan Rakyat (PPR), Rumah Mesra Rakyat (RMR), penyelenggaraan perumahan dan Perumahan Penjawat Awam melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kuala Krai mempunyai tanah yang luas dan kami telah bersedia untuk bekerjasama membangunkannya. Saya berharap kali ini Kuala Krai akan terpilih menjadi antara destinasi untuk program-program kali ini.

Yang kelima Tuan Yang di-Pertua, kesalinghubungan digital. Masih terdapat banyak kawasan di Kuala Krai yang tidak mempunyai hubungan internet. Hanya 1/3 kawasan Kuala Krai mempunyai kemudahan internet. Dengan belanjawan sebanyak RM7.4 bilion yang kerajaan umumkan, saya berharap kawasan yang lemah capaian internet dapat diatasi dengan sebaiknya.

Saya mempunyai senarai kawasan-kawasan berkenaan yang boleh diserahkan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Harapannya, kawasan-kawasan seperti - sekadar saya sebut sebahagian di sini - antaranya Lata Rek, Kandek, Pasir Ira, Lubuk Simpul apatah lagi Kampung Pasir Berdungung, nun jauh di hujung Dabong akan mendapat perhatian daripada belanjawan kali ini.

Yang keenam Tuan Yang di-Pertua ialah insentif pengeluaran getah. Sebahagian besar penduduk Kuala Krai adalah penoreh getah. Oleh itu sekarang merupakan waktu yang sangat tepat bila kerajaan menaikkan insentif pengeluaran getah ini. Belanjawan kali ini memperuntukkan sebanyak RM300 juta berbanding RM150 juta sebelumnya. Saya yakin dengan kenaikan ini sedikit sebanyak memberi kebaikan kepada 150 ribu pekebun kecil di seluruh negara, termasuklah di kawasan saya Kuala Krai.

Satu lagi perkara serius yang perlu diberi perhatian oleh pihak kerajaan ialah berkaitan dengan kekurangan tenaga buruh dalam sektor getah. Maklumat yang saya terima ialah, dek kerana pandemik yang melanda ini, ramai buruh asing pulang ke negara masing-masing yang mengakibatkan kekurangan tenaga buruh. Jadi perlu difikirkan bagaimanakah untuk mendapat tenaga buruh ini bagi menampung keperluan semasa.

Yang ketujuh Tuan Yang di-Pertua Program *Peritoneal Dialysis*. Data terkini menunjukkan terdapat hampir 100 orang pesakit di Kuala Krai yang memerlukan rawatan dialisis. Untuk mendapat rawatan bagi pesakit buah pinggang, hanya terdapat di Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai. Saya difahamkan sudah ada pesakit yang terpaksa menunggu giliran kerana kekurangan mesin dan peralatan. Kuala Krai adalah kawasan Parlimen yang luas dan jarak yang jauh memang menyukarkan pesakit khususnya dari

Daerah Dabong untuk mendapat rawatan iaitu jarak sekitar 70 kilometer. Oleh itu saya berharap kerajaan meluluskan sebuah pusat dialisis untuk pesakit buah pinggang di Klinik Kesihatan Dabong.

Yang kelapan Tuan Yang di-Pertua, penambahbaikan infrastruktur luar bandar. Usaha murni kerajaan mengurangkan jurang antara bandar dan luar bandar adalah amat baik dan perlu disokong. Dengan peruntukan sebanyak RM2.7bilion, sebahagian besarnya untuk jalan-jalan luar bandar, bekalan air, elektrik, bantuan perumahan untuk golongan miskin dan lampu jalan. Ini menunjukkan kerajaan begitu prihatin untuk mengurangkan jurang tersebut. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Pembangunan Luar Bandar ke semua elemen yang ingin dilaksanakan tersebut amatlah bersesuaian dan bertepatan dengan kawasan yang saya wakili.

Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) kerana telah menyiapkan Loji Rawatan Air Tualang Dua yang akan dirasmikan pada 22 November 2020 ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dan akan turut dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar. Dengan siapnya LRA 2 ini akan dapat menyelesaikan sekitar 19 ribu akaun pengguna di Kuala Krai.

■1240

Saya juga ingin menegaskan bahawa Kementerian Kerja Raya perlu memberi perhatian secara serius terutama tentang pembaikan jalan-jalan persekutuan. Ini kerana saya melihat kontraktor-kontraktor khususnya konsesi yang terlibat hanya membuat sambil lewa dan tidak bermutu tinggi. Ini menyebabkan jalan-jalan tersebut cepat rosak dan semestinya ia merugikan kewangan negara yang kita cintai ini.

Kesembilan Tuan Yang di-Pertua, berkait rapat dengan kemasukan pelajar ke IPT. Memandangkan semua pelajar baharu yang mendaftar di universiti tidak dapat hadir ke universiti masing-masing dan hanya belajar secara *online* akibat pandemik COVID-19 ini, saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi supaya yuran pelajar-pelajar ini dihapuskan ataupun paling tidak pun dikurangkan yuran pengajian mereka. Ini akan dapat mengurangkan bebanan semua pihak lebih-lebih lagi golongan B40 dan juga M40.

Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar]: Mohon mencelah.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tiada masa Yang Berhormat. Minta maaf, banyak lagi poin saya minta maaf.

Kesepuluh, poin saya Tuan Yang di-Pertua ialah memperdaya lulusan tahfiz dan pondok. Langkah kerajaan memperkenalkan program TVET untuk pelajar lulusan tahfiz dan pondok adalah sangat baik dan kena pada masanya. Sebelum ini lulusan tahfiz dan pondok hanya dilihat dan dipandang sebelah mata oleh sesetengah pihak.

Dengan program TVET ini diharapkan hala tuju masa depan lulusan tahfiz dan pondok akan menjadi lebih cerah, hasilnya *insya-Allah* akan dapat melahirkan hafiz yang mahir dalam bidang teknikal ataupun lepasan pondok yang berkebolehan dalam bidang vokasional.

Kesebelas, pembelajaran *online* di sekolah. Setelah semua sekolah ditutup ekoran pengumuman Kementerian Pelajaran Malaysia pada 8 November yang lalu dan pembelajaran kini adalah secara *online*, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Pelajaran Malaysia dapat menyiapkan jadual pembelajaran secara *online* kepada pelajar seluruh negara khususnya yang akan menduduki peperiksaan SPM dan STPM yang boleh diikuti melalui siaran TV khas. Mata pelajaran akan diajar secara *online* oleh guru-guru cemerlang KPM dengan cara paling kreatif dan inovatif. Selain pelajar, guru-guru juga dapat menimba ilmu daripada guru-guru cemerlang tersebut. Ini sebagai persediaan dan persiapan untuk pembelajaran apabila sekolah ini dibuka nanti.

Kedua belas, Tuan Yang di-Pertua ialah sudah hampir setahun kita diuji dengan pandemik COVID-19. Kita harus hidup dalam norma baharu bagi memastikan rantaian virus dapat diputuskan secepat mungkin. Ini semua kuasa Allah, maka azimat yang paling mujarab selain mematuhi SOP ialah dengan kembali kepada Allah. Jauhkan dari segala maksiat sama ada secara individu atau pun berkerajaan yang tentunya melambatkan musibah ini diangkat bahkan terus mengundang kemungkaran Allah SWT.

Saya menyarankan hentikan segala acara hiburan yang menyalahi syariah apatah lagi dalam bulan Rabiul Awal di kala umat Islam masih menyambut hari kelahiran

Nabi Muhammad SAW ini. Ia tentunya sangat tidak sesuai dan keterlaluan. Di samping itu juga, program hiburan sebegini tentunya sangat tidak relevan di kala rakyat sedang menderita hilang punca pendapatan dan pekerjaan. Penganjur langsung tidak menghormati sensitiviti dan keperitan bencana yang sedang melanda rakyat dan negara sekarang.

Saya juga mengambil kesempatan ini mengutuk sekeras-kerasnya kenyataan Presiden Perancis kerana menghina Nabi Muhammad SAW. Ternyata Islamophobia masih bersarang di minda beliau di saat Islam sudah semakin diterima dengan baik di serata dunia. Dalam masa yang sama sebagai orang Islam, kita akan terus mempertahankan Rasulullah SAW, mengamalkan amalan dan sunah Nabi sebagai tanda kita sayang dan cinta kepada Baginda SAW.

Ketiga belas Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 juga menjadikan urusan haji dan umrah ke Tanah Suci Makkah terhenti. Kerajaan Arab Saudi seperti mana yang diketahui telah mula membuka kedua tanah suci untuk tujuan umrah dan haji. Sehingga kini masih belum diketahui apakah SOP yang sejelasnya tentang haji dan umrah.

Saya mohon kementerian terbabit menjelaskannya apakah perancangan pihak kementerian dalam menangani isu ini ataupun berdepan dengan suasana akan diberi kemudahan rakyat Malaysia menunaikan haji dan umrah ini bagi kebaikan rakyat dan jemaah haji Malaysia dan juga para pengusaha dan juga agensi pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya ialah saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan, mengambil peluang yang ada ini dengan penuh rendah diri untuk mengucapkan jutaan penghargaan kepada barisan *frontliners* termasuk Ketua Pengarah Kesihatan Yang Berbahagia Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah. Sesungguhnya jasa dan peranan mereka dalam menghadapi dan mengharungi COVID-19 dan berjuang di barisan hadapan tidak boleh sesiapa pun menafikannya. Saya ingin titipkan sebuah pantun, penghargaan untuk mereka semua:

*Senyum frontliners menawan hati,
Berkorban jasa tinggalkan keluarga,
Demi Malaysia negara yang dicintai,
Ayuh semua sanjungi dan hormatilah mereka.*

Saya ingin kepastian daripada pihak KKM bagaimana dengan kakitangan sambilan ataupun kontrak yang telah diambil dalam tempoh COVID-19 ini? Saya cadangkan supaya mereka diserapkan ke jawatan tetap bagi memastikan pengalaman mereka dimanfaatkan dengan sebaiknya dan menjamin pendapatan mereka tidak terjejas khususnya di saat ekonomi meleset yang melanda negara pada kali ini.

Penutup Tuan Yang di-Pertua ialah pujangga berkata, "*Biarpun jalan itu panjang dan penuh liku, kita akan merintisnya bersama perlahan-lahan.* Ketika inilah perbezaan yang paling indah adalah perbezaan yang mampu menciptakan penyatuan kita bersama". Selepas bersusah-susah kita pasti akan bersenang-senang *insya-Allah*. Sebagai mana Allah catatkan dalam kisah Nabi Yusuf AS [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai peroleh rahmat hujan dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan lain-lainnya)*" Surah Yusuf 49.

Teguh kita, menang bersama. Dengan ini, Kuala Krai menyokong Belanjawan 2021 ini dengan sepenuhnya. Kuala Krai juga ingin menegaskan bahawa akan penuh teguh menyokong Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Dato' Sri Haji Muhyiddin bin Md. Yassin sebagai Perdana Menteri Malaysia. Sekian, *wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Kulai. Silakan.

12.46 tgh.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Belanjawan 2021 ini merupakan belanjawan yang tertinggi yang terbesar tetapi nampaknya bahawa saya rasa sangat sedih kerana dalam Belanjawan 2021 ini tiada pengumuman tentang sekolah baharu yang diluluskan.

Dalam Belanjawan 2020, Pakatan Harapan meluluskan sebanyak lapan buah sekolah baharu termasuklah Putrajaya dan juga Maran. Belanjawan 2021 ini merupakan satu belanjawan untuk melawan COVID-19 tetapi akhirnya kita tidak luluskan sebuah pun sekolah baharu jadi saya hendak tanya bagaimana kita hendak pastikan bahawa budak-budak kita dapatlah amalkan penjarakan fizikal apabila mereka balik ke sekolah?

Menurut NUTP, sebanyak 50 buah sekolah melaksanakan sistem penggiliran bagi memastikan penjarakan fizikal berlaku. Murid-murid kita mengambil giliran untuk balik sekolah kerana situasi sekolah yang sangat sesak. Pada tahun 2019, Kementerian Pendidikan Malaysia mengemukakan sebanyak 17 cadangan sekolah baharu kepada EPU. Malangnya, kebanyakan permohonan KPM ini telah ditolak. Jadi saya rasa sangat sedih kerana saya percaya bahawa mestilah tahun ini KPM akan mengemukakan cadangan sekolah baharu yang sama kepada EPU tetapi kenapa tempat-tempat yang sesak seperti Bukit Jalil, Cheras, Putrajaya, Kota Warisan dan Kota Kemuning. Tempat-tempat ini tidak diberi keutamaan. Saya nampak bahawa satu dana yang sebanyak RM85.5 juta diberikan kepada JASA.

Saya hendak cadangkan di sini bahawa marilah kita gunakan peruntukan ini untuk mendirikan dan membangunkan sekolah baharu. Peruntukan sebanyak RM85.5 juta ini bolehlah membina sekurang-kurangnya dua hingga tiga buah sekolah baharu. Bukankah lebih baik kalau kita gunakan peruntukan ini untuk manfaat murid-murid dan bukanlah untuk agenda politik PH.

Kalau kita tak mahu mendirikan sekolah baharu, sebanyak RM85.5 juta ini juga boleh digunakan untuk memperbaiki sekurang-kurangnya sebanyak 10 sehingga 12 buah sekolah yang daif ataupun kita boleh melengkapkan sebanyak 855 buah sekolah dengan kemudahan mesra OKU. Kita juga boleh menggunakan peruntukan yang ini untuk memberi sebanyak RM142,500 unit tablet peranti yang berharga sebanyak RM600 seunit untuk pembelajaran dalam talian murid-murid kita.

Ini sekarang saya hendak bergerak kepada isu kedua. Beberapa Ahli Yang Berhormat telah sebut bahawa semasa pandemik COVID-19 ini, sekolah kami telah tutup. Sejak 9 November sampailah sekarang penutupan sekolah dibuat di seluruh negara tetapi sebenarnya KPM sendiri juga menyedari bahawa masih wujud jurang digital dalam kalangan murid yang terdiri daripada pelbagai latar belakang sosioekonomi sama ada di kawasan bandar, luar bandar ataupun kawasan-kawasan pedalaman.

■1250

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Sebelum saya, dua orang Ahli Parlimen juga sebut – seperti Yang Berhormat Kuala Krai telah sebut bahawa satu pertiga kawasan beliau tidak ada liputan *internet*. Juga Yang Berhormat Julau juga sebut bahawa di kawasan beliau ramai murid tidak ada liputan *internet*.

Jadi saya hendak tanya, sekarang kita tutup keseluruhan sekolah di seluruh negara. Bagaimana kita hendak pastikan bahawa pembelajaran dalam talian ini boleh dijalankan dengan lancar. Kajian yang dibuat oleh KPM sendiri telah menunjukkan bahawa masih terdapat hampir 37 peratus murid tidak mempunyai sebarang peranti bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran secara dalam talian. Dapatan ini juga menunjukkan bahawa sebahagian besar murid tidak dapat mengikuti pembelajaran secara dalam talian dengan berkesan kerana tidak memiliki peranti bersesuaian, terdapat juga kekangan dalam akses kepada *internet*.

Jadi keadaan ini telah menyebabkan bahawa pembelajaran dalam talian tidak dapat berlaku secara menyeluruh dan seragam kepada semua murid. Jadi saya hendak tanya, kajian telah dibuat oleh KPM dan mereka juga faham dan sedar tentang jurang digital yang sangat ketara ini. Akan tetapi dalam Belanjawan 2021 ini, apakah pendekatan yang dicadangkan untuk mengatasi isu-isu ini?

Selain daripada itu, penutupan sekolah juga mempunyai banyak kesan negatif terutamanya keciciran telah meningkat. Berdasarkan rekod KPM, statistik awal murid cicir di Malaysia pada peringkat rendah pada tahun 2020 menunjukkan peningkatan iaitu 0.13 peratus berbanding 0.12 peratus pada tahun 2019. Pada masa yang sama, peratus murid cicir sekolah menengah turut menunjukkan peningkatan iaitu 1.26 peratus dalam tempoh pandemik COVID-19 tahun ini berbanding dengan 1.14 peratus pada tahun 2019.

Selain daripada itu, kajian daripada UNICEF juga menunjukkan bahawa walaupun hadir ke sekolah, seorang daripada lima orang kanak-kanak hilang minat bersekolah selepas PKP. Jadi, apabila kita menggunakan satu pendekatan untuk

menutup kesemua sekolah, saya hendak tanya apakah cadangan KPM dan juga Kerajaan PN untuk mengatasi isu-isu sebegini. Ini kerana saya rasa kalau kita tidak mahu bergantung pada pembelajaran dalam talian yang ada alternatif disediakan KPM adalah TV Pendidikan. Akan tetapi saya rasa setakat ini, TV Pendidikan ini adalah amat kurang memuaskan.

Saya telah mengikuti jadual yang disediakan oleh KPM untuk program TV Pendidikan di TVOK RTM dan juga Astro Tutor TV dari 5 November 2020 sehingga 12 November 2020. Jadi lebih kurang satu minggu. Inilah dapatan saya.

Pertama untuk Tingkatan Enam, hanya tiga mata pelajaran yang diajarkan iaitu Fizik sebanyak 55 minit, Ekonomik sebanyak 27.5 minit dan Sejarah utk 27.5 minit. Itu sahaja untuk Tingkatan Enam. Lagi teruk adalah Tingkatan Dua. Dalam tempoh masa 5 November sampai 12 November ini, tiada mata pelajaran dalam *channels* yang saya sebut tadi. Berbanding juga dengan sekolah rendah – situasi yang sama. Darjah Satu hanya satu mata pelajaran yang disiarkan iaitu Matematik sepanjang 30 minit. Di sekolah rendah, untuk Darjah Satu, satu minggu sepatutnya seorang murid boleh belajar Matematik sepanjang 300 minit seminggu. Akan tetapi dalam TV Pendidikan kita, untuk Darjah Satu, hanya 30 minit yang disediakan. Sama juga untuk Darjah Tiga, Matematik 30 minit seminggu, Bahasa Melayu 150 minit seminggu, Bahasa Inggeris 30 minit seminggu. Jadi untuk seminggu, Darjah Tiga program yang disiarkan itu adalah sebanyak 210 minit seminggu berbanding dengan Darjah Satu saya rasa ini agak baik.

Akan tetapi bayangkan untuk Darjah Tiga, satu minggu kalau mereka berada di sekolah, jadual untuk mereka belajar adalah sebanyak 1,500 minit seminggu. Jadi apabila kita membandingkan 210 minit seminggu dengan 1,500 minit seminggu kita tahu bahawa program TV Pendidikan ini sangat-sangat tidak memuaskan.

Jadi saya hendak tanya, saya faham dan saya setuju bahawa untuk kawasan atau zon merah, kita tutup sekolah. Ini untuk kebaikan murid-murid kita, untuk guru-guru kita dan juga kita perlulah hargai usaha-usaha *frontliners* kita. Akan tetapi bagaimana dengan zon hijau? Semalam seluruh Pahang tidak ada kes aktif. *Zero*, sifar, seluruh Pahang. Akan tetapi di kawasan Pahang, semua sekolah juga tutup. Kita tahu bahawa di negeri Pahang terutama di kawasan-kawasan pedalaman, banyak sekolah Orang Asli. Bagaimana mereka hendak ikuti sama ada pembelajaran dalam talian ataupun kita rasa bahawa TV Pendidikan itu adalah cukup baik untuk mereka?

Jadi saya bukan cakap bahawa saya bantah keputusan MOE, KPM untuk tutup sekolah. Akan tetapi saya hendak tahu bahawa – saya sangat *curious*. Saya sangat minat hendak tahu keputusan untuk tutup semua sekolah di seluruh Malaysia adalah keputusan KPM ataupun Ketua Pengarah Kesihatan ataupun Majlis Keselamatan Negara. Adakah wajar untuk kita tutup sekolah walaupun di kawasan itu adalah zon hijau seperti Pahang? Kes baharu, *zero*. Jumlah kes aktif juga *zero*. Kenapa kita tidak boleh izinkan murid-murid di kawasan itu untuk balik sekolah kalau ibu bapa setuju? Saya tidak ada masalah kalau ibu bapa cakap bahawa mereka tidak percaya dan tidak rasa selamat untuk hantar anak mereka pergi sekolah, boleh. Akan tetapi kita perlu fikir dengan pendekatan yang dilaksanakan oleh KPM sekarang. Adakah kita akan jauhkan lagi jurang di antara murid-murid kita, terutamanya untuk mereka yang belajar di kawasan pedalaman ataupun kawasan bandar.

Saya rasa jurang pendidikan ini adalah satu isu yang sangat penting tetapi malangnya kita tak nampak keutamaan diberikan dalam Belanjawan 2021 ini. Apa cadangan Kerajaan PN untuk mengatasi jurang digital ini. Cadangan seperti yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan – cadangan mereka adalah dapat sumbangan daripada GLC dan juga GLIC sebanyak RM150 juta untuk memberi 150,000 unit peranti atau *laptop* untuk murid-murid kita. Akan tetapi kajian KPM menunjukkan bahawa 37 peratus murid tiada peranti sendiri. Sebanyak 30 peratus maksudnya secara keseluruhan, hampir 1.7 juta orang murid di bawah KPM tiada peranti sendiri. Jadi bagaimana kita hendak atasi jurang digital ini. Apakah pendekatan yang akan diambil oleh kerajaan kita.

Selain daripada itu, saya hendak bergerak kepada isu ketiga iaitu isu perpaduan. Negara kita telah merdeka selama 63 tahun. Sangat sedih kerana pada masa ini, perpaduan nampaknya masih adalah satu isu. Saya rasa sangat sedih kerana masih ada Ahli-ahli Parlimen yang menyebutkan bahawa – seperti Yang Berhormat Kinabatangan yang menyebutkan bahawa kepelbagaian sekolah ini yang mengakibatkan perpaduan ini pecah antara kalangan murid kita. Kita juga ada seorang Timbalan Menteri

yang cadangkan bahawa kita perlu tutup SJK, tidak kira lah SJK(C) ataupun SJK(T). Marilah kita wujudkan satu aliran sahaja.

Saya tidak tahu sama ada mereka ada anak atau cucu sendiri atau tidak. Di kawasan yang saya tinggal, anak saya pergi ke SJK(C) tetapi mereka juga ada kawan yang pergi ke SK, yang pergi ke sekolah swasta antarabangsa. Ada yang pergi ke sekolah antarabangsa, juga ada murid-murid ataupun budak-budak yang pergi ke sekolah agama antarabangsa.

■1300

Akan tetapi setiap petang mereka tidak ada masalah pergi ke taman permainan untuk bermain di sana. Anak saya ada kawan baik, namanya Yusof. Dia suka pergi ke rumah Yusof, kadang-kadang saya ada *difficulty*, kesusahan untuk hendak panggil dia balik untuk makan malam. Sebelum dia balik, dia akan cakap, 'Esok saya akan datang lagi ya, Yusof', apakah masalah? Untuk budak-budak kita, Elsa boleh jadi idola mereka, Mulan boleh jadi idola mereka, Moana pun boleh jadi idola mereka. Jadi, untuk budak-budak, sebenarnya mereka tidak bersikap perkauman dan tanpa prejudis. Siapakah yang bersikap perkauman? Malangnya, antara Ahli-ahli Parlimen yang bersikap begitu.

Apabila kita hendak cakap bahawa, marilah kita wujud satu aliran, marilah kita hapuskan SJK. Saya hendak tanya, sama ada Ahli Parlimen Yang Berhormat tersebut juga cadang supaya kita tutup semua sekolah antarabangsa. Semua sekolah swasta. Tahukah bahawa kita ada 66 buah sekolah rendah swasta, kita juga ada 59 buah sekolah rendah agama, kita juga mempunyai sebanyak 153 buah sekolah antarabangsa. Saya percaya bahawa, mungkin di antara kami ada orang yang hantar anak-anak mereka ataupun cucu-cucu mereka pergi ke sekolah antarabangsa. Saya tidak akan mempertikaikan hak mereka. Saya hendak tanya, adakah kerana mereka membuat keputusan sedemikian, kita akan cakap bahawa Ahli Yang Berhormat itu tidak mencintai Malaysia ataupun anak mereka tidak layak untuk menjadi orang Malaysia. Jadi, saya hendak tegaskan di sini bahawa kalau kita hendak nampak perpaduan antara kaum, antara semua warga Malaysia, janganlah kita salahkan budak-budak yang mungkin pergi ke sekolah swasta, sekolah antarabangsa, SK ataupun SJK.

Biarlah kita fikirkan kenyataan kita sama itu yang akan memecahbelahkan rakyat kita. Sekian ucapan saya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Seterusnya, saya mempersilakan Yang Berhormat Jempol, silakan.

13.02 ptg.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: *Bismillaahi Rahmaani Rahiim, assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 pada tengah hari ini. Terlebih dahulu saya, juga merakamkan ucapan penghargaan terima kasih dan tahniah kepada pihak kerajaan, khususnya Yang Berhormat Menteri Kewangan yang telah membentangkan belanjawan sulung Perikatan Nasional yang bertemakan Teguh Kita, Menang Bersama. Begitu juga tidak lupa Timbalan Menteri Kewangan, Yang Berhormat Paya Besar yang turut hadir, tahniah! Hadir sampai habis setelah ditegur tempoh hari. *[Ketawa]* Jadi, dalam dokumen yang telah dibentangkan juga, apa yang negara hari ini ialah cabaran dalam pandemik COVID-19. Sepanjang tahun ini, pelbagai pakej telah diumumkan oleh kerajaan bagi tujuan memelihara semasa dan fasa pandemik COVID-19 yang berjumlah RM305 bilion atau 20.7 peratus daripada KDNK negara.

Pelbagai pakej yang telah pun diumumkan sebelumnya seperti Pakej Rangsangan Ekonomi sebanyak RM20 bilion, Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat sebanyak RM230 bilion, PRIHATIN PKS sebanyak RM20 bilion, Pelan Penjana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) sebanyak RM35 bilion. Kerangka Insentif Tambahan Khas Kita PRIHATIN sebanyak RM10 bilion, jumlah keseluruhannya sebanyak RM305 bilion. Kini Belanjawan 2021 juga merupakan salah satu indikator penting untuk rakyat menilai sejauh manakah tahap prihatin kerajaan dalam memastikan *survival* rakyat ketika berdepan dengan cabaran dan ketidakpastian negara sepanjang krisis ini berlaku. Sejauh mana penanda aras kepekaan kerajaan dalam membantu rakyat untuk hidup sama ada cara '*kais pagi makan pagi, kais petang makan petang*' atau terus kekal panas hingga ke petang, tidak berdepan hujan di tengah hari. Umumnya, majoriti

rakyat boleh menarik nafas sedikit lega dengan pengumuman demi pengumuman yang telah dibuat Menteri Kewangan semasa sesi pembentangan belanjawan tempoh hari.

Namun, pada hemat saya dan rakyat di luar sana, masih terdapat lompong-lompong yang perlu ditampal dalam belanjawan ini agar seluruh rakyat Malaysia bukan sahaja dapat bertahan tetapi dapat meneruskan kehidupan seperti biasa. Moratorium telah digariskan dalam belanjawan kali ini sebagai salah satu inisiatif untuk meringankan beban kehidupan rakyat. Institusi perbankan akan menambah baik moratorium kepada pinjaman kategori B40 yang merupakan BSH dan juga bakal menerima BPR dan kepada pengusahaan mikro dengan pinjaman berjumlah diluluskan sehingga RM150,000 menerusi dua pilihan. *Option* pertama, menangguhkan ansuran selama tiga bulan. *Option* kedua, mengurangkan ansuran bulanan sebanyak 50 peratus selama enam bulan.

Pada hemat saya, kadar pinjaman yang diluluskan sehingga RM150,000 sahaja telah mengecilkan peluang rakyat dalam kalangan isi rumah kategori B40 untuk memanfaatkan moratorium pinjaman bank. Sedangkan ramai dalam kalangan isi rumah kategori B40 mempunyai komitmen pinjaman bank melebihi had tersebut, khususnya pinjaman perumahan. Selain daripada itu, lanjutan moratorium juga perlu dibuka kepada isi rumah kategori M40 agar mereka lebih relevan. Semasa moratorium dilaksanakan secara pukal dan automatik, hanya 20 peratus sahaja pinjaman menolak untuk memilih bayaran komitmen bulanan mereka. Sebaliknya, sebanyak 80 peratus pinjaman telah pun di dimanfaatkan menggunakan moratorium.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said) mempengerusikan Mesyuarat].

Hal ini menunjukkan bahawa terdapat keperluan dan permintaan yang besar dalam kalangan rakyat untuk menangguhkan sebentar komitmen bulanan mereka pada masa krisis ini berlaku. Saya sedar mungkin terdapat segelintir peminjam yang tidak terjejas dan tidak terdesak tetapi sengaja memanfaatkan moratorium pinjaman bank tersebut. Soalan saya, berapa ramai individu yang tidak terjejas akibat pandemik COVID-19 tetapi sengaja memanfaatkan moratorium secara pukal dan automatik di laksanakan sebelum ini? Pada hemat saya, lebih tunai daripada moratorium tersebut akan digunakan sama ada membayar baki kad kredit, membantu ahli keluarga lain yang terjejas, disimpan, dilabur ataupun dibelanjakan.

Kesemua pilihan yang ada, dengan lebih tunai tersebut tetap memberi manfaat dan pulangan besar kepada rakyat dan negara dalam tempoh krisis. Selain itu, tempoh suku kedua tahun 2020 iaitu April hingga Jun, institusi perbankan masih mencatatkan keuntungan walaupun moratorium pinjaman diberi secara pukal ataupun automatik. Maybank memperoleh keuntungan sebanyak RM942 juta, CIMB memperoleh keuntungan sebanyak RM277 juta, RHB Bank memperoleh keuntungan sebanyak RM400 juta, Public Bank memperoleh keuntungan sebanyak RM1 bilion, AmBank memperoleh keuntungan sebanyak RM365 juta, Bank Islam memperoleh keuntungan sebanyak RM153 juta, AFFIN Bank memperoleh keuntungan sebanyak RM67 juta, Alliance Bank memperoleh keuntungan sebanyak RM104 juta, Hong Leong Bank memperoleh keuntungan sebanyak RM525 juta. Ini menunjukkan bahawa apabila dilaksanakan moratorium ini, bank tidak rugi dan bank hari ini perlu juga berkorban dalam keadaan pandemik COVID-19 melanda dunia, negara kita tidak terkecuali. Jadi, saya harap ia dapat diluluskan agar rakyat lebih dapat hidup dalam keadaan suasana yang aman damai.

Seterusnya, saya juga – insentif moratorium juga dapat dipanjangkan kepada pinjaman lain seperti TEKUN, Amanah ikhtiar, Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam dan lain-lain. Soal moratorium ini, pinjaman tetap dibayar, cuma penangguhan masa. Apabila penangguhan masa ini, pihak bank tidak perlu risau kerana pinjaman ini wajib dibayar mungkin dalam tempoh tertentu perlu berkorban.

■1310

Di samping itu juga, yang terkesan iaitu penyewa premis bahawa cara apa yang moratorium ini berlaku pihak bank peminjam, begitu juga mereka yang berniaga, sudah pasti di kompleks-kompleks, di mana-mana rumah kedai dan sebagainya turut terkesan daripada pandemik ini berlaku. Jadi, apakah moratorium untuk mereka ini agar ia

berkorban bersama? Kalau pihak bank memberikan enam bulan tanpa bayaran, penyewa juga perlu memberi benda yang sama kepada penyewa tersebut kerana perniagaan dalam tempoh sekarang ini hendak mendapatkan 20 peratus jualan pun amat sukar untuk mereka.

Ada di kalangan mereka juga telah pun menutup kedai dan tidak mampu lagi meneruskan perniagaan. KWSP, menerusi belanjawan kali ini, kadar caruman KWSP akan dikurangkan daripada 11 peratus kepada 9 peratus, meningkatkan pendapatan yang boleh guna. KWSP juga memperkenalkan kemudahan untuk mengeluarkan wang sebanyak RM500 sebulan, selama 12 bulan iaitu nilai dia RM6,000. Jadi apa yang dibentangkan tempoh hari memang baik tetapi tidak kena sasarannya. Ini kerana, apalah ada pada RM500 kalau seseorang itu telah dibuang kerja ataupun tidak dapat *overtime* dan sebagainya, gaji mengecil dan lain-lain isu.

Pihak Kementerian Kewangan perlu memikirkan bagaimana untuk mereka ini dapat mengeluarkan duit dalam Akaun 1 secara *one-off*? Mengeluarkan duit ini – mungkin mereka ini nak berniaga burger, pisang goreng dan lain ataupun nak berniaga *online* dan sebagainya dengan kewangan yang ada pada KWSP ini, di kala tuanya mungkin tak susah tetapi dalam keadaan sekarang susah. Jadi duit ini digunakan ketika susah, kalau ketika susah pun susah nak keluarkan amat susahlah rakyat untuk mendapati apa yang mereka pinjam ataupun carum selama ini.

Saya harap dalam keadaan ini, KWSP dan juga Kementerian Kewangan dapat meluluskan *one-off* kepada semua pencarum yang terkesan, tidak perlu lagi mereka ini memohon, dia bagi *one-off blanket approval* ataupun automatik kepada mereka. Begitu juga dengan TNB, dalam keadaan sekarang perniagaan kurang, semua kurang, jadi apa peranan TNB juga memberikan diskaun iaitu sebanyak 10 peratus hingga 15 peratus kepada semua rakyat yang terkesan? Contohnya, peniaga-peniaga yang dulunya boleh mengeluarkan hasil 100 peratus, oleh sebab keadaan sekarang ini hanya 50 peratus tetapi bekalan elektrik perlu dibayar dan sebagai perlu dibuat.

Jadi dalam keadaan ini, TNB juga sebuah syarikat milikan kerajaan perlu berkorban memberikan diskaun kepada rakyat Malaysia yang terkesan daripada pandemik tersebut. Pekebun kecil getah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan yang prihatin nasib pekebun kecil, meningkatkan sekali ganda peruntukan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) daripada RM150 juta kepada RM300 juta pada masa hadapan.

Semoga dengan kenaikan IPG ini dapat menstabilkan pendapatan membela nasib para pekebun getah di seluruh negara. Berhubung IPG bagi tahun ini, saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan. Soalan saya, berapakah baki semasa peruntukan IPG tahun 2020 dan mengapakah berlaku kelewatan pembayaran IPG kepada pekebun kecil? Ia berlaku, sekarang khususnya di Jempol, banyak kawasan yang bertanam getah. Mereka ini tidak dapat bayaran kembali tuntutan IPG selama enam bulan ke tujuh bulan, tambahan COVID-19, bayaran tidak dibayar.

Jadi, saya harap IPG ambil maklum perkara ini. Kalau tidak ada duit, minta dengan Kementerian Kewangan kerana duit ini adalah duit daripada pekebun kecil sendiri. Jadi, saya harap keadaan ini dapat diselesaikan. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih dalam soal kerajaan menyediakan peruntukan Insentif Pengeluaran Getah jenis lateks iaitu sebanyak RM16 juta pada tahun hadapan. Sememangnya tanaman getah lateks ini juga meningkatkan pendapatan para pekebun kecil dengan menjana keuntungan lebih 50 peratus berbanding getah jenis sekerap.

Soalan saya, mengapakah insentif pengeluaran getah lateks ini dibuat secara padanan terhadap kepada Koridor Lateks Pantai Timur sahaja? Berapakah anggaran bilangan pekebun kecil di Pahang, di Terengganu, di Kelantan yang bakal mendapat manfaat daripada insentif ini? Bagaimanakah dengan negeri-negeri lain khususnya kawasan rintis yang telah mula dilaksanakan pada tahun 2019 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang juga telah menunjukkan potensi positif? Kawasan yang dimaksudkan ialah di Perak, Tapah, Gerik, Perak Tengah, Kedah, Sik, Negeri Sembilan Barat. Bagaimanakah dengan nasib para pekebun getah yang sedang mengusahakan tanaman getah jenis lateks dan tidak tergolong dalam Koridor Lateks di Pantai Timur?

Jadi, mohon supaya ia dapat dikaji. Selain daripada itu, dalam keadaan negara hari ini dan tidak ketentuan ekonomi, aktiviti ekonomi tambahan yang diusahakan ataupun RISDA sebagai penggalak kepada pekebun kecil. Jadi, saya harap peruntukan

AAT ini dapat ditingkatkan untuk membantu lebih ramai pekebun kecil di seluruh negara menambahkan pendapatan.

Setakat ini, hampir 7,000 permohonan telah diterima dan seramai 5,500 pemohon telah memenuhi kelayakan dan bakal menerima manfaat di bawah Program Keusahawanan RISDA sepanjang RMKe-12. Jadi, saya mohon supaya peruntukan ini ditambah oleh sebab keadaan di mana banyak mereka ini dibuang kerja, anak-anak pekebun kecil mereka balik ke kampung dan juga mengusahakan aktiviti ekonomi tambahan untuk mereka.

Jaringan digital, dalam norma baharu kemudahan Internet merupakan perkara yang sangat penting. Perkara ini sering kali berlaku. Perkara ini telah pun dibangkitkan, soal jaringan digital atau lebih dikenali dengan era baharu iaitu 5G. Dalam keadaan 5G, dalam keadaan hari ini, sekolah semua ditutup, anak-anak belajar di rumah. Kawasan Jempol terutamanya banyak isu ini berlaku kerana bukan sahaja 5G, tidak ada 'G' pun ada, siput memanjang sahaja.

Jadi, anak-anak di luar sana jurang mereka ini jauh berbanding mereka yang di bandar. Jadi, saya harap perkara ini dapat diberikan peruntukan khusus seperti mana dalam bajet tempoh hari.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Yang Berhormat Jempol, sikit sahaja Yang Berhormat Jempol kerana sebut fasal 3G, 5G. Saya hendak beritahu Yang Berhormat Jempol, masalah *dropped calls*, masalah 3G, 2G ini adalah masalah yang sangat besar kepada capaian Internet di seluruh kawasan di dalam negara termasuk kawasan luar bandar.

Jadi, ini perkara asas yang mesti kita lihat dulu. Yang Berhormat Jempol jangan sebut 5G, jangan sebut 4G, 2G sekarang di kawasan Parlimen saya pun susah nak capai. Jadi, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Jempol, apakah tindakan drastik yang mesti dilakukan oleh pihak kerajaan terutamanya di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia supaya masalah capaian Internet asas ini mesti kita selesaikan secepat mungkin.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Okey, cukup.

Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]: Okey, terima kasih. Masukkan dalam saya punya – sikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya ada gangguan sikit tadi.

Cuma, yang terakhir saya sebut, Internet memang masalah besar di mana pun. Jadi saya mahu sebut yang terakhir ini adalah soal FELDA. Saya tahu bahawa dalam peruntukan tersebut tidak nampak begitu jelas bahawa perumahan generasi kedua dan ketiga FELDA. Saya sering kali membangkitkan dalam isu perumahan di FELDA kerana masih lagi tidak ada tanda-tanda untuk menyelesaikan perkara itu.

Walau bagaimana pun, saya berterima kasih kepada Pengerusi FELDA yang baharu yang cukup komited untuk menyelesaikan isu-isu yang berkaitan perumahan, berkaitan dengan penyata hutang FELDA, begitu juga dengan menerbitkan sukuk RM9.9 bilion. Jadi, banyak perkara yang telah dibuat, namun keberhasilan saya masih menanti, bilakah penyata kewangan ini akan diberikan? Mungkin nak diumumkan, bilakah sukuk ni akan dijalankan? Apa yang lebih penting bagi saya, apa pun kita buat, apakah kesan kepada peneroka, anak peneroka, generasi kedua peneroka dalam soal memakmurkan mereka?

Saya harap dalam keadaan ini isu-isu yang berkaitan dengan projek rumah terbengkalai, siapkan. Tidak kiralah berapa peratus. Kalau kita tidak selesaikan sekarang, bilakah lagi? Nak biar dia runtuh, nak biar dia musnah? Jadi, perkara ini kalau terbit sukuk RM9.9 bilion nanti saya yakin dan percaya ia akan dapat diselesaikan. Begitu juga yang lain-lain projek berkaitan dengan bajet, RM400 juta tempoh hari penghapusan faedah. Jadi, orang peneroka mengatakan faedah ke hutang? Jadi, mereka ini pun mengharapkan suatu berita gembira untuk mereka terutama Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan yang lahir daripada anak peneroka dan juga mengharapkan – telah berjuang, duduk dalam Menteri Kewangan tidak boleh perjuangkan peneroka. Ha! Faham-faham sahajalah.

Jadi, harapan kita yang terakhir, sebelum saya menutup perbahasan ini. Saya amat berharap agar segala cadangan penambahbaikan diutarakan sebentar tadi dapat

diberikan perhatian oleh kerajaan untuk tindakan selanjutnya. Sebagai penutup, izinkan saya menutup perbincangan ini dengan serangkap pantun.

*“Belanjawan PN menjadi ukuran,
Rakyat dan negara menjadi taruhan,
Pandemik COVID-19 kita hapuskan,
Semoga semua dipermudahkan”.*

Saya menyokong, terima kasih.

■1320

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pulaui.

1.20 ptg.

Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih ke atas peluang yang diberikan untuk membahaskan belanjawan ini di peringkat dasar.

Saya bermula dengan tarikh 23 Oktober 2020. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pergi ke Istana untuk memohon darurat dilakukan dalam negara kita. Saya rasa sebagai bekas Menteri Kabinet, saya faham *the spirit of Cabinet*. Dalam Mesyuarat Kabinet itu mungkin Yang Berhormat Menteri-menteri memberikan nasihat, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memerlukan nasihat untuk dipersembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk darurat dilaksanakan dalam negara kita. Pada 25 Oktober 2020, Yang di-Pertuan Agong telah memberikan keputusan menolak permohonan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebagai seorang *lawyer* Tuan Yang di-Pertua yang kita sedikit sebanyak faham tentang budaya *Westminster* yang berlaku dalam Parlimen negara-negara Komanwel. Apakah maknanya seorang yang bernama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, berjumpa *Queen* ataupun Yang di-Pertuan Agong dalam negara kita dan nasihatnya ditolak? Ini suatu makna yang besar dan pertama kali berlaku dalam sejarah negara Malaysia sejak merdeka, nasihat seorang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu ditolak oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. *By right*, sebenarnya kerajaan ini telah jatuh. Itu amalan dalam Parlimen Komanwel.

Saya membuat sedikit rujukan Tuan Yang di-Pertua, juga yang berlaku di Australia tahun 1975. Apabila wakil *Queen*, Governor General Sir John Kerr telah memecat Perdana Menteri, Gough Whitlam apabila berlakunya krisis di Senat dan di Dewan Rendah. Ia bukan satu perkara yang baharu yang berlaku dalam negara kita dan juga negara-negara Komanwel. Maka dengan sebab itulah saya sangat mempertikaikan saiz Kabinet yang besar itu yang menelan belanja dalam bajet tambahan sebanyak RM7.18 bilion untuk menambah kementerian-kementerian yang tidak sepatutnya wujud. Akan tetapi besarnya saiz Kabinet itu, tidak dapat memberikan nasihat yang betul pada saya sebagai bekas Menteri dalam Kabinet kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Apabila Yang di-Pertuan Agong menerima Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan gerombolannya, saya difahamkan IGP, Ketua Turus Tentera, Menteri-menteri Kanan, DG Kesihatan untuk melaporkan dan untuk *convince* Yang di-Pertuan Agong— mungkin juga kerana itu Baginda yang biasanya Yang di-Pertuan Agong menggunakan *discretion*-nya sendiri. Akan tetapi pada peristiwa pada 23 Oktober itu, Yang di-Pertuan Agong telah memanggil semua Raja-raja Melayu dan ini mungkin Baginda mengamalkan dengan izin, *two heads better than one*. Ini kerana, untuk memutuskan satu pusingan yang besar, tidak ada bencana besar, tidak ada berlakunya letupan gunung berapi, tidak ada berlakunya pencerobohan tentera-tentera asing ke dalam negara kita tetapi negara hendak didaruratkan. Ini satu pukulan moral bagi saya yang paling hebat yang mungkin berlaku dalam sejarah Komanwel, dalam negara kita dalam sejarah moden yang sepatutnya mereka faham apa yang mesti mereka lakukan. Saya memilih Bahasa Melayu yang terkenal dengan keindahan kesopanannya, sepatutnya kerajaan ini berundur secara terhormat. *[Tepuk]*

Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, lahirlah manifestasinya bajet ataupun belanjawan yang saya anggap dengan izin, *half-cooked* ataupun *half-past-six* yang langsung tidak mengambil kira apa yang berlaku di bawah iaitu rakyat yang susah.

Sepatutnya, setelah mendengar perbincangan Ahli-ahli Parlimen yang pada kali ini saya rasa bukan hanya suara pembangkang, suara Yang Berhormat Pekan, suara Yang Berhormat Langkawi dan suara daripada UMNO sendiri Tuan Yang di-Pertua yang memberikan pandangan-pandangan yang saya anggap konstruktif dan yang memberikan laluan luas untuk mereka perbetulkan kesilapan yang ada dalam belanjawan.

Akan tetapi semalam, 15 November Yang Berhormat Menteri Kewangan keluar dengan satu kenyataan bahawa, sekiranya belanjawan ini tidak diluluskan, maka pegawai-pegawai kerajaan tidak mungkin dapat dibayar gaji. Kenyataan apakah ini? *[Dewan riuh] Come on. Let's be professional.* Bukan semua sini bodoh Tuan Yang di-Pertua. *We are not stupid.* Pembangkang membuktikan dalam bajet tambahan, kita *very objective*. Akan tetapi, untuk meluluskan Kabinet yang besar itu, yang bernilai sejumlah RM7.1 bilion itu kita lawan. Ini kerana apa? Tidak perlu. Rakan saya seorang wanita dari Bakri, jaga tiga buah kementerian seorang diri *[Tepuk]*. Dia pecahkan jadi tiga. Kita lawan kerana *we are very objective*.

Akan tetapi, untuk COVID-19, untuk belanjawan untuk rakyat, untuk kita perang COVID-19 yang berjumlah RM1.77, bersama dengan pengajian tinggi, bersama dengan kesihatan RM1.18 bilion, kita sokong. Saya rasa Yang di-Pertuan Agong juga mendengar perbincangan Ahli-ahli Parlimen kerana ada satu surat yang keluar dari Istana selepas daripada itu. Saya rasa dalam sejarah Komanwel berlaku *the so-called intellectual discourse*. *Queen*, mana-mana *King* dalam negara Komanwel ini bila berlaku perbincangan, ia tidak dianggap derhaka. Saya harap tidak ada *bloggers* murahan yang mengatakan ini cuba menderhaka kepada Yang di-Pertuan Agong, tidak.

Akan tetapi saya mahu menyatakan di sini, jangan ada politikus yang bergayut di pagar Istana, meraih simpati untuk kepentingan diri sendiri. *[Tepuk]* Ini tidak boleh kita izinkan. Yang di-Pertuan Agong menyaksikan kita berbahas secara objektif. Kita hanya mahu moratorium itu dilaksanakan. Kita mahu subsidi upah itu dilanjutkan. Kita mahu supaya apa yang rakyat perlukan pada hari ini, diberikan. Sepatutnya setelah mendengar ucapan Ahli-ahli Parlimen, Yang Berhormat Menteri Kewangan semalam memberikan satu kenyataan yang prorakyat, memberikan ucapan yang *concern* tentang perkara-perkara ini.

Saya tidak hendak pertikai dia bukan orang politik, dia orang baharu, itu bukan isunya. Hendak jadi Yang Berhormat Menteri ini bukan hanya perlu cerdik tetapi perlu *how empathy* itu kepada rakyat yang sedang bertarung dengan nyawa mereka di bawah. Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh menyatakan kenyataan polisi, membuat *policy statement* untuk akur dengan moratorium. Ini tidak payah rujuk kepala sana, kepala sini di peringkat Jawatankuasa, tidak perlu. Tidak perlu kelulusan dalam Parlimen. Dia perlu kenyataan polisi. Seorang Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh menyatakan "*Demi rakyat, saya peka dengan perbincangan Ahli-ahli Parlimen di sebelah kerajaan, di sebelah pembangkang, maka saya mengambil perhitungan*". Kalau tidak pun mendengar dengan teliti tentang moratorium, subsidi upah dan seumpamanya.

■1330

Bukan ugut macam kenyataan semalam. Takkanlah hendak balik bilik kuliah balik, bukan itu. *Now we are here*. Sekarang anda sebagai Menteri Kewangan dalam Parlimen. Ini penting supaya kita melihat pada masa akan datang tidak berlaku lagi perkara-perkara yang seperti ini. Apakah yang berlaku pada 25 November ini? Akan diundi.

Rakyat menunggu kita hendak mengundi atau tidak. Kita ingin mendengar sama ada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh membuat *policy statement* bila-bila masa, menteri-menteri kanan boleh membuat polisi pada bila-bila masa, Menteri Kewangan pada *at anytime* boleh membuat kenyataan yang paling tidak pun menunjukkan bagaimana kita bersama dalam pertarungan COVID-19 ini.

Seorang rakyat Singapura meninggal dunia membunuh diri, terjun bangunan. Rakyat saya di Pulau, kalau ikut motosikal – Kita orang Johor Tuan Yang di-Pertua, setiap pagi hampir 300,000 buah motosikal ke Singapura. Ada di kalangan mereka yang ditahan, masih di sana lagi. Kita kenakan pula satu *fund* ataupun satu yuran untuk mereka mengambil COVID-19 *test* apabila balik ke Tambak Johor. JASA diberikan hampir RM80 juta, apa ini?

Ini bukan masanya hendak bermain dengan api perkauman. Ini bukan masanya kita hendak bermain dengan sentimen agama, cukuplah. Semasa kami di sana dahulu, kes Adib dipolitikkan, mana dia keadilan untuk Adib? *[Tepuk]* Orang Melayu dibunuh, sekolah Cina vernakular hendak ditutup, RUU355, semua dipolitikkan. Sudah duduk di sana...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Ya, lembu kenyang.

Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Di mana? Di mana isu-isu ini semua? Melainkan kita faham pada hari ini hanyalah politik membakar semangat agama dan perkauman. Paling tidak pun Tuan Yang di-Pertua, Pakatan Rakyat menerima kepanasan ini sehingga kami jatuh. Kami tidak malu mengaku kerana serangan politik ini.

Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Jatuh kerana khianat.

Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]: Oleh sebab itu bagi saya, apa yang berlaku pada 25 November ini adalah penting. Yang Berhormat Pekan sudah membuat suatu isyarat, yang lain sudah buat bersyarat. Kita boleh terima dengan syarat rakyat didahulukan, tetapi kalau jatuh? Belanjawan ini kalah, apakah sekali lagi darurat akan dipohon? Kembali kepada semangat Komanwel. Hendak darurat jumpa Agong, Agong tolak. Belanjawan jatuh, jumpa Agong hendak darurat lagi ataupun Parlimen hendak dibubarkan. Apakah ceritanya nanti?

Saya ingin membuat unjuran pemikiran ini supaya kita bersedia. Kita bersedia kalau benar kalah, *surrender* lah dengan baik. *[Tepuk]* Berilah kepada mereka yang berhak. Yang di sana pernah jadi Menteri, kita pun pernah menjadi Menteri walaupun dua tiga bulan. Dato pun pernah menjadi menteri-menteri di sini, kita biasa. Pandai sama pandai, semua ada ijazah, semua ada PhD, yang penting kejujuran. AMANAH ingin menekan di sini sekiranya berlaku pertukaran kerajaan, yang penting AMANAH menjunjung tinggi integriti. AMANAH bersama dengan mereka yang mahu membuat reformasi. Semangat reformasi yang ditiupkan bersama dengan kita tetapi AMANAH tidak bersetuju sekiranya dalam perjalanan ini kita mengambil perompak dan penyamun bersama dengan kita. Itu tidak boleh.

Nabi Muhammad SAW sangat objektif. Dalam perjalanan Hijrah, Nabi menerima apa yang dikatakan pertolongan daripada orang bukan Islam tetapi Nabi tidak menerima golongan-golongan perompak, penyamun walaupun mereka beragama Islam. Itu tidak boleh. Itu *asabiyyah* namanya. Mengumpulkan satu bangsa, ketuanan itu ketuanan ini untuk menegakkan keadilan, ini tidak boleh.

Akan tetapi Nabi menerima apa yang dikatakan *hizbul fudhul* satu perjanjian antara Nabi dengan orang-orang Mekah walaupun orang bukan Islam, menjaga kepentingan harta orang bukan Islam. Nabi bersama kerana menghimpunkan manusia-manusia yang amanah, yang ada integriti walaupun mereka Islam dan mereka bukan Islam.

Konsep itu mesti harum dalam Parlimen ini, *insya-Allah*. Konsep ini mesti segar dalam negara Malaysia, *insya-Allah* dan sumpah kami sebagai Ahli Parlimen adalah untuk mempertahankan Perlembagaan, mempertahankan Demokrasi Berparlimen, mempertahankan Raja-raja Melayu dan mempertahankan negara daripada mereka yang dianggap khianat, mereka yang dianggap menyeleweng harta negara yang menyebabkan negara terkesan pada hari ini. Sekadar itu Tuan Yang di-Pertua, peluang yang diberikan terima kasih, *Insya-Allah* kita bersama-sama negara Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat Pulau. Bangsa Johor ya? Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Dungun.

1.36 tgh.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. [Berselawat] [Membaca sepotong ayat al-Quran]* yang bermaksud Allah akan menjadikan selepas kesulitan dan kepayahan itu kemudahan, akhir ayat tujuh, surah Talaq.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan bagi tahun 2021 di peringkat dasar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam merangka belanjawan kali ini, saya difahamkan bahawa jelajah dan sesi konsultasi ke seluruh negara telah dilaksanakan, merentasi 14 buah negeri dan 38 sesi dialog melibatkan lebih 40 bidang perniagaan dan perusahaan telah diadakan. Kementerian Kewangan telah mengadakan sesi libat urus bersama kepimpinan kementerian Kerajaan Persekutuan, kepimpinan kerajaan negeri, *captains of industry*, ahli-ahli akademik, badan-badan bukan kerajaan, pemimpin parti politik juga melibatkan pelbagai lapisan rakyat Malaysia daripada belia, wanita, ibu bapa dan warga emas.

Justeru itu, saya mengharapkan dengan pengalaman, kepakaran dan rekod Menteri Kewangan dalam perkhidmatan swasta sebelum ini terutamanya sebagai CEO dan Pengarah Eksekutif CIMB Group Holdings Berhad dan CIMB Bank Berhad, ahli APEC Business Advisory Council (ABAC) iaitu mewakili Malaysia dalam mempromosikan perdagangan dan kerjasama dengan negara-negara di rantau Asia Pasifik dibantu pula dengan Timbalan-timbalan Menteri Kewangan dan penjawat-penjawat awam yang komited menjadikan belanjawan kali ini sebagai satu belanjawan yang inklusif, sampai kepada kesejahteraan rakyat dan juga matlamat daya ketahanan ekonomi. Dengan makna, selamatkan nyawa dan selamatkan penghidupan rakyat.

■1340

Saya ingin untuk bertanya berapa peratus kah perbelanjaan dari perbelanjaan negara berbanding GDP negara untuk memulihkan ekonomi di musim pandemik COVID-19 ini?

Tuan Yang di-Pertua, setelah berjaya mencatatkan kes positif COVID-19 dengan hanya satu angka selama tiga bulan berturut-turut bermula Jun lepas. Kini Malaysia kembali mencatat tiga angka sehingga menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak lebih daripada 30 ribu kes. Walaupun sekatan hanya dilaksanakan di sesetengah tempat, gelombang ketiga pada kali ini memberikan cabaran yang luar biasa kepada kebanyakan rakyat yang terjejas pendapatan dan dibuang kerja kerana tempoh pemulihan ekonomi daripada gelombang pertama dan kedua masih belum dicapai sepenuhnya.

Kadar pengangguran pada 4.7 peratus pada September 2020 adalah satu berita dalam kesedihan. Ini kerana jumlah rakyat yang menganggur masih tinggi iaitu 745,100 orang. Terbaharu kita dikejutkan dengan pemberhentian seramai 2,200 orang pekerja di syarikat penerbangan Malindo ekoran syarikat tersebut yang terjejas akibat pandemik.

Selain itu, cadangan supaya dibenarkan pengeluaran simpanan dari Akaun 1 KWSP sebanyak RM10 ribu mendapat perhatian ramai warga net Malaysia kerana rata-rata dari mereka memerlukan duit di tangan bagi meneruskan kehidupan. Ini kerana kehidupan sekarang pada zaman kita ini segala-galanya memerlukan wang. Wang mesti ada di tangan.

Justeru itu, Belanjawan 2021 memang wajar menjadi bajet pengembangan (*expansionary budget*) yang kebiasaannya diaplikasikan ketika sesebuah negara mengalami kejatuhan ekonomi. Bajet pengembangan adalah kaedah kerajaan membesarkan penawaran wang di dalam kitaran ekonomi, sama ada dengan meningkatkan perbelanjaan atau pemotongan cukai yang bertujuan untuk memberikan lebih banyak wang untuk dibelanjakan oleh rakyat dan perniagaan.

Bagaimanakah kaedah tersebut ingin dipraktikkan? Terserah kepada kebijaksanaan Kementerian Kewangan dan seluruh Kabinet Kerajaan Malaysia sama ada meningkatkan pemberian wang secara tunai melalui Bantuan Prihatin Nasional (BPN), e-dompet dan sebagainya atau inisiatif cukai-cukai tertentu serta lanjutan moratorium, sewa dan pinjaman. Keutamaan kerajaan adalah memastikan rakyat mampu untuk meneruskan kehidupan mereka iaitu selamatkan nyawa dan selamatkan penghidupan rakyat, *saving lives and livelihoods*.

Seterusnya, dalam mengagihkan pelbagai bantuan dan inisiatif yang dirancang, proses penyampaian dan pemantauan sangat diperlukan supaya setiap bantuan dapat disampaikan kepada mereka yang selayaknya. Oleh itu, kaedah

pemantauan seperti laporan laksana dan pengagihan bantuan perlu ditingkatkan dari semasa ke semasa dalam memastikan kuasa beli rakyat kembali stabil dan meningkat seterusnya memberi kesan positif kepada kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2021 kali ini juga telah memperuntukkan RM1.4 bilion bagi pengurusan dan pembangunan hal ehwal Islam. Ini merupakan satu petunjuk jelas bahawa dalam cabaran ekonomi semasa ditambah pula dengan ujian pandemik COVID-19, agenda memartabatkan syiar Islam tidak boleh dikesampingkan oleh pihak kerajaan. Saya juga amat menyokong perancangan kerajaan dalam belanjawan kali ini yang mahu memperkasa pengurusan wakaf melalui kerjasama antara Yayasan Wakaf Malaysia dengan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, GLC dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan GLIC.

Saya kira memang sudah tiba masa untuk satu pelan induk dibangunkan untuk membina sistem wakaf yang lebih holistik. Melalui gagasan yang dibawa oleh kerajaan ini, pemikiran bahawa wakaf hanya berkaitan dengan tanah kubur dan masjid sahaja boleh dipecahkan kerana melalui pelan menyeluruh, penggunaannya tidak lagi terhad kepada institusi agama sahaja. Rakyat boleh mendapat manfaat secara terus apabila pembangunan sistem wakaf diluaskan kepada lebih banyak agensi kerajaan terutamanya dalam sektor kesihatan dan pendidikan. Menyentuh sedikit mengenai wakaf dalam pendidikan. Dalam situasi kemelesetan ekonomi global yang melanda seluruh dunia pada hari ini. Sedikit sebanyak pasti institusi pendidikan kita terjejas teruk.

Dalam tempoh perintah kawalan pergerakan contohnya, apabila universiti ditutup, pihak universiti juga terpaksa memotong yuran pengajian yang diperlukan bagi menampung perbelanjaan pentadbiran universiti. Tambahan pula mahasiswa masih perlu belajar walaupun tinggal di rumah melalui medium aplikasi dalam talian. Hal ini pastinya memerlukan penggunaan teknologi yang maksimum bagi memastikan proses pembelajaran berjalan dengan efektif. Kesemua ini memerlukan dana yang cukup dan konsisten bagi memastikan sesebuah institusi pendidikan dapat beroperasi dengan baik.

Sebelum ini Program Transformasi Universiti (UniTP) telah mengangkat wakaf sebagai satu agenda penting untuk penjana ekonomi universiti awam dengan mewujudkan garis panduan seperti mana yang telah dinyatakan dalam buku ungu yakni *purple book*. Walaupun penubuhan tabung wakaf yang oleh universiti tempatan mampu menjana pendapatan, namun wujud banyak kekangan yang berkaitan dengan perundangan seperti yang melibatkan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, perlembagaan universiti, Akta Syarikat 1965 dan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965. Oleh itu diharapkan Pelan Induk Wakaf Nasional ini boleh menyediakan polisi yang seragam untuk semua pihak kerana pihak universiti khususnya sangat memerlukan panduan yang jelas sebagai rujukan.

Di kesempatan ini juga Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar kerajaan boleh menaik taraf Darul Quran kepada sebuah universiti Al-Quran dengan menggunakan sepenuhnya model wakaf seperti yang telah dilakukan oleh negara-negara lain. Oleh sebab wakaf telah menjadi antara agenda kerajaan hari ini, konsep ini boleh diteroka memandangkan Malaysia masih belum ada universiti yang beroperasi sepenuhnya di bawah sistem wakaf. Lagi pula negara kita mempunyai banyak pusat-pusat tahfiz yang tumbuh seperti cendawan selepas hujan.

Sebuah universiti khusus mengenai kepakaran ilmu Al-Quran pastinya amat diperlukan bagi melengkapkan ekosistem pengajian tahfiz yang ada di Malaysia. Apabila universiti Al-Quran ini ditubuhkan, pengajian peringkat sarjana dan pasca sarjana boleh melahirkan lebih ramai kepakaran dalam bidang Al-Quran melalui kajian-kajian yang bersifat terkini dan setempat seperti yang berkait dengan isu TVET, IR 4.0 dan sebagainya. Walaupun idea penubuhan ini akan ada banyak cabarannya seperti isu struktur sama ada di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) atau JAKIM saya cenderung ingin mencadangkan agar kerajaan meneroka model kerjasama antara kementerian agar idea ini dapat direalisasikan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping menubuhkan Pelan Induk Wakaf Nasional, perancangan bagi memastikan semua pihak memahami konsep wakaf perlu diadakan serentak. Oleh itu, Yayasan Wakaf Malaysia perlu memainkan peranan aktif dalam melatih kepakaran dan membentuk kesedaran di kalangan agensi-agensi dalam kementerian untuk terlibat secara aktif dalam industri wakaf di Malaysia.

■1350

Saya juga mengharapkan agar jawatankuasa yang ingin dibentuk bagi menjayakan Pelan Induk Wakaf Nasional ini perlu dianggotai oleh kepakaran pelbagai bidang seperti hukum syarak, undang-undang percukaian, kewangan Islam dan pemain industri. Hal ini sangat penting bagi memastikan perancangan wakaf diuruskan dengan profesional kerana pengurusan dan pentadbiran wakaf yang bermasalah boleh mengundang fitnah dan persepsi negatif.

Tuan Yang di-Pertua, alam sekitar merupakan persekitaran semula jadi sekeliling kita yang perlu dipelihara daripada sebarang pencemaran dan kerosakan. Dunia hari ini bukan sahaja berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19 tetapi juga fenomena krisis iklim (*climate crisis*) selain pencemaran alam sekitar akibat tangan-tangan manusia. Tidak dapat dinafikan bahawa perkembangan sektor ekonomi negara juga bergantung kepada aset semula jadi dalam alam sekitar. Namun begitu, keseimbangan dan kelestarian alam perlu menjadi keutamaan kerajaan dalam memastikan kemaslahatan rakyat sentiasa terjamin.

Alhamdulillah, saya menyambut baik pembentangan Belanjawan 2021 pada minggu lepas yang tidak terkecuali memperuntukkan bajet dalam memelihara khazanah alam sekitar dan sumber asli negara. Saya menyokong penuh dana yang diperuntukkan oleh kerajaan bagi memantapkan agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang merangkumi pembangunan mampan. Pembangunan sesebuah negara perlu diimbangi dengan kelestarian alam sekitar selain penggunaan aset alam sekitar secara hemat dan bijaksana.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar kerajaan dapat benar-benar membantu rakyat Malaysia secara lebih efisien dan berkesan dalam menghadapi ujian pandemik COVID-19 yang datang dari pelbagai aspek kehidupan. Saya doakan juga semoga wabak ini diangkat dan dihilangkan oleh Allah SWT. Saya ingin untuk merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada seluruh petugas barisan hadapan yang termasuk juga ialah Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan Malaysia dan seluruh petugas yang telah mengorbankan masa, tenaga bahkan mungkin sampai kepada peringkat nyawa mereka untuk memastikan kesejahteraan rakyat, kesihatan rakyat, keselamatan rakyat dan seterusnya rakyat dapat meneruskan kehidupan dan penghidupan mereka.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan kerajaan supaya keluar daripada zon selesa. Sekarang kita berada dalam zon yang sangat sulit, maka di antaranya ialah kita pernah banyak sebagai sebuah kerajaan menerima cukai-cukai daripada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Maka sebagai akhirnya, saya pohon supaya kerajaan juga memberikan bantuan (*a helping hand*) pada masa rakyat dalam kesulitan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput yang terakhir, Yang Berhormat Simpang Renggam. Saya akan menggunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 12(3) untuk dihabiskan pada hari ini, tambahan. Bererti *insya-Allah* lagi dalam masa 15 minit. Silakan.

1.54 ptg.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mulakan ucapan perbahasan saya dengan memetik kata-kata hikmah dari Mahatma Gandhi mengenai pendidikan. Menurut beliau, "*By education I mean an all-around drawing out of the best in the child and man; body, mind and spirit*", dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya meneruskan perbahasan saya, saya ingin memohon Yang Berhormat Menteri Kanan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam ucapan penggulungan kementerian nanti untuk menjawab dahulu tujuh soalan penting yang telah saya bawakan sebelum ini. Tidak perlu saya ulangi ketujuh-tujuh soalan tersebut kerana ia telah pun diketahui umum di media-media semasa. Rakyat terbanyak

dan terutamanya para pendidik menantikan jawapan dari Yang Berhormat Menteri Kanan buat sekian lamanya.

Hakikatnya di waktu ini rakyat terbanyak melihat bagaikan ada kekaburan hala tuju Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan di bawah pentadbiran kerajaan sekarang. Bahkan lebih teruk daripada itu, tiada perancangan yang rapi dan tersusun untuk menyelamatkan pendidikan anak-anak yang jelas terjejas akibat COVID-19. Beberapa persoalan mustahak perlu dijawab, umpamanya apakah perancangan alternatif kepada *worst-case scenario*, dengan izin yang kita tidak jangka seperti jika COVID-19 berlanjutan sehingga Mac 2021. Apakah sekolah akan berterusan ditutup?

Mengapa Yang Berhormat Menteri Pendidikan walaupun telah lapan bulan menduduki pejabat Menteri, tidak ada satu pun konsultasi dilaksanakan dengan pihak berkepentingan seperti kesatuan guru NUTP ataupun Kesatuan Guru Malaysia Barat (KGMMB). NUTP saja mewakili lebih daripada 200,000 orang guru. Mengapa perjumpaan dengan mereka tidak dilakukan? Apakah Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan juga telah mendengar pendapat *stakeholders* dengan izin lain seperti NGO-NGO pendidikan dan bertanya pendapat mereka? Adakah Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan juga telah mengambil pendapat dari Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan (MPPK) sebelum mereka melakukan apa-apa keputusan yang besar?

Dalam masa yang sama, mengapakah isu buka dan tutup sekolah tidak diserahkan dan diperkasakan oleh Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang melibatkan pihak sekolah dan juga PIBG. Mereka lebih maklum keadaan setempat mereka berbanding mereka yang berada di Putrajaya. Biarlah keputusan dibuat di peringkat mikro dan lokal dan bukan secara *blanket* di pihak pusat. Ini semua menimbulkan keresahan di kalangan semua pemegang taruh.

Apakah *master plan* Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan untuk mengatasi isu COVID-19 ini? Adakah pelan beliau cukup sekadar bersikap reaktif seperti menutup semua sekolah di saat-saat akhir dan sehingga menimbulkan keresahan dan juga kegelisahan di kalangan ibu bapa dan juga para guru? Keputusan menutup sekolah secara *blanket* tanpa adanya alternatif untuk pendidikan anak-anak terutamanya kepada yang tiada capaian internet akan memusnahkan masa depan pendidikan anak-anak kita.

Yang Berhormat Menteri Kanan Pendidikan juga seolah-olah tidak sedar dengan data yang telah dikeluarkan oleh *World Bank*, *World Economic Forum*, UNICEF, UNESCO serta puluhan kajian lagi mengenai *lost generation*, dengan izin akibat COVID-19 ini. Jangan kita lupa kajian 'R-I-S-E' mengenai gempa bumi di Pakistan pada tahun 2005 yang menyatakan kehilangan pembelajaran selama enam ke lapan minggu boleh memberi kesan kepada anak-anak sekolah ketinggalan satu sehingga dua tahun pelajaran ke belakang. Apakah KPM benar-benar tidak meneroka pilihan lain selain dari menutup semua sekolah selama dua bulan?

Tidakkah KPM melihat pendekatan negara-negara yang tidak menutup sepenuhnya sekolah-sekolah mereka atau mengambil langkah-langkah yang disarankan oleh laporan WHO berkaitan pengoperasian sekolah sewaktu pandemik terutamanya perihal memberikan kuasa kepada sekolah dan pihak berkuasa tempatan untuk menentukan keputusan buka ataupun tutup sekolah? Bagaimana agaknya anak-anak kita dapat menggantikan semula enam bulan yang telah hilang dari kalendar pendidikan mereka? Bagaimana pula dengan generasi cicir yang akan terus hilang dari radar pendidikan negara setelah sekolah dibuka nanti?

Isu penutupan sekolah juga bukan semata-mata menjejaskan proses pembelajaran dan pengajaran tetapi juga pembekalan makanan sihat dan berkhasiat untuk anak-anak dari keluarga miskin serta menjejaskan pendapatan pengusaha-pengusaha kantin yang selama ini bergantung kepada kehadiran murid ke sekolah. Bayangkan sebelum Purata Garis Kemiskinan (PGK) Nasional disemak dari RM980 kepada RM2,208 pada Julai baru-baru ini lagi sudah terdapat lebih 600,000 orang anak-anak miskin yang menerima bantuan Rancangan Makanan Termiskin.

Saya menjangkakan, akibat penambahan warga M40 yang terjatuh dalam kelompok B40 akibat COVID-19, hari ini dianggarkan terdapat lebih sejuta orang anak-anak miskin yang sepatutnya menerima Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Akan tetapi dinafikan bantuan makanan sihat ini kerana sekolah ditutup. Saya dengan ini menggesa Kementerian Pendidikan Malaysia meneruskan pemberian makanan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) ini kepada anak-anak tersebut di mana pengusaha kantin boleh menghantar makanan tersebut terus ke rumah anak-anak miskin

berkenaan. Di samping ia akan meneruskan perniagaan para kantin dan memastikan pekerja kantin terus mendapat upah, ia juga dapat meneruskan pemakanan berkhasiat untuk anak-anak miskin itu.

■1400

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama saya melihat dengan serius penambahan program susu yang dikatakan melibatkan peruntukan sebanyak RM420 juta. Saya menyambut baik pengumuman ini demi kepentingan anak-anak kita tetapi saya berpendapat terlalu banyak kelemahan program susu sebelum ini yang akan membuka ruang korupsi dan ketirisan jika peruntukan RM420 juta ini tidak diuruskan dengan betul.

Jangan kita sekali-kali lupa 13 teguran Audit mengenai program susu ini pada tahun 2015. Jangan juga kita lupa kes susu hilang seperti yang dibangkitkan oleh NUTP pada awal tahun 2018. Apakah keutamaan peruntukan ini nanti diberikan hanya kepada beberapa buah syarikat sahaja seperti amalan yang biasa dilakukan sebelum ini?

Saya berpendapat, peruntukan RM420 juta ini lebih baik digunakan untuk menambah penerima RMT sedia ada seperti saya nyatakan di atas unjuran PGK yang telah disemak semula akan menyebabkan lebih ramai anak-anak menjadi calon penerima RMT dan ini penting untuk memberikan nutrisi dalam kehidupan mereka.

Atau jika kerajaan benar-benar ingin membantu rakyat, saya sarankan Program Sarapan Percuma (PSP) di seluruh 7,772 buah sekolah rendah seperti mana yang pernah kita cadangkan sebelum ini. Ia boleh dilaksanakan sepenuhnya apabila sekolah dibuka semula nanti. Program PSP ini akan memberi manfaat kepada semua 2 juta anak-anak sekolah rendah di seluruh negara, bahkan menjimatkan hampir RM2.3 bilion wang saku ibu bapa seperti yang dijangkakan oleh pakar-pakar ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan untuk pembaikpulihan dan penyelenggaraan sekolah dan daif bagi tahun 2021 untuk 50 buah sekolah adalah bernilai RM725 juta. Ini bermaksud, kos purata untuk sebuah sekolah ialah RM14.5 juta, besar. Hal ini amat berbeza dengan Belanjawan 2019 yang mana jikalau kita lihat dengan peruntukan RM652 juta diperuntukkan dan bilangan sekolah yang telah mendapat manfaat adalah 534 buah sekolah, terutamanya di Sabah dan Sarawak, 10 kali ganda walaupun dengan nilai yang lebih kecil.

Oleh yang demikian, saya mohon dijelaskan mengapakah peruntukannya sebegitu besar diberikan hanya untuk 50 buah sekolah sahaja? Apakah peruntukan tersebut termasuk dengan baki jumlah pembayaran hutang Kerajaan Negeri Sarawak yang akan dikontrakan dengan pembaikpulihan sekolah daif di negeri berkenaan? Jika tidak, saya ingin bertanya ke mana kah baki pembayaran tersebut? Apakah langkah luar biasa Menteri Pendidikan untuk memantau projek berskala besar tetapi hanya memberi manfaat kepada sebilangan kecil sekolah ini nanti?

Sebelum ini pada zaman kami dahulu, proses penyenggaraan sekolah daif dilakukan dengan pemantauan yang begitu ketat oleh pimpinan tertinggi KPM yang mana kita wujudkan *dashboard* yang juga boleh diakses oleh orang awam, bahkan Bahagian Pembangunan KPM akan mengemukakan laporan berkaitan perkembangan pembinaan sekolah daif dan projek sakit di setiap Mesyuarat Susulan Jemaah Menteri pada setiap minggu. Apakah langkah sedemikian masih akan terus diamalkan atau mungkin ada kaedah yang lebih berkesan yang sedang dipraktikkan demi mengelakkan ketirisan dan demi memastikan setiap sen wang rakyat itu sampai ke sasarannya?

Tuan Yang di-Pertua, hari ini semua sekolah di seluruh negara ditutup. Apabila sekolah ditutup, pembelajaran yang dicadangkan adalah dalam talian. Masalah berlaku apabila tidak semua murid mempunyai peranti ataupun capaian internet yang diperlukan. Menurut KPM sendiri, 36.9 peratus murid tiada peranti di rumah. Dalam masa yang sama, medium yang boleh diakses oleh kebanyakan rakyat secara percuma adalah saluran TV arus perdana dan juga saluran radio.

Maka, kedua-dua wahana ini perlulah digunakan semaksimum mungkin di waktu kecemasan dan di kala pandemik. Setakat ini, TV Pendidikan percuma di Malaysia hanya boleh diakses di TV Okey selama dua jam sehari sahaja. Ini amat memalukan. Di Indonesia sebagai contoh, mereka memperuntukkan sebanyak enam jam sehari di saluran TV Perdana mereka. Di Thailand pula, mereka menyediakan 15 saluran TV untuk

pendidikan secara khusus. Manakala di Turki, TV Pendidikan disediakan di setiap saluran untuk kelas berbeza sedari pra-sekolah sehingga ke peringkat universiti.

Di Malaysia hanya dua jam sehari sahaja. Saya yakin usaha mendirikan TV Pendidikan bukan kerja KPM semata-mata. Kita perlu kepada usaha sama pelbagai kementerian yang lain. Mengatakan KPM tidak melakukan apa-apa juga adalah tidak adil. Rakyat tahu bahawa KPM ada memberikan projek kepada syarikat Radius One Sdn. Bhd. melalui tender terus yang berharga hampir RM2 juta semenjak beberapa bulan yang lalu untuk menghasilkan 800 kandungan yang sepatutnya diselesaikan pada bulan Oktober yang lalu.

Dewan ingin penjelasan, apakah status pembekalan kandungan TV Pendidikan yang telah KPM berikan kepada Radius One Sdn. Bhd. tersebut? Di manakah 800 kandungan yang disebutkan? Para pendidik dan anak-anak sekolah sedang menantikannya. Tuan Yang di-Pertua, pendidikan adalah proses yang memerlukan keterlibatan semua dan penggabungan usaha semua pihak. Apakah usaha KPT dengan pihak KPM demi menangani pandemik ini?

Tujuh bulan sudah berlalu dan yang berlaku hanyalah pengumuman tutup sekolah, buka sekolah, tutup universiti dan buka universiti di saat-saat akhir sahaja. Apakah pendidikan tinggi hanya berkisar kepada kelas dalam talian semata-mata? Ke manakah arah tuju dan juga hala tuju universiti untuk masyarakat? Ke arah mana kah Program SULAM? Di manakah *university for the society*? Bukankah di kala pandemik ini para siswa KPT sepatutnya didedahkan dengan semangat untuk membantu dan membina masyarakat? Sebarang usaha membantu masyarakat sepatutnya dikira sebagai pembinaan intelektualisme siswa yang bersepadu dan dimasukkan dalam markah mereka.

Usaha mengadakan kelas tuisyen untuk kejuruan, untuk komuniti, usaha sukarelawan menghantar bekalan dan membantu para *frontliners*, usaha membangunkan bahan-bahan pengajaran untuk anak-anak sekolah, usaha menghasilkan literasi di kala pandemik, usaha membanyakkan hasil karya kreatif. Ini semua boleh dimasukkan sebahagian daripada kerja mahasiswa dan juga pembelajaran mereka yang kemudian ditukarkan dalam bentuk markah.

Ini juga akan mencipta solusi kepada masyarakat yang boleh menukarkan cabaran kepada peluang untuk mahasiswa sekalian. Di manakah KPT dalam hal ini? Adakah cukup sekadar ber*TikTok*? Pendidikan perlu dilihat dalam bentuk yang holistik dan pendekatan yang unik serta berbeza diperlukan di kala berlakunya kecemasan seperti waktu pandemik sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, IPTS bumiputera adalah pelengkap sistem pengajian tinggi di mana hampir 80 peratus pelajar mereka adalah daripada golongan bumiputera dari golongan B40 dan M40. Kerajaan tidak harus lupa yang IPTS bumiputera juga merupakan IKS sektor pendidikan tinggi. Dijangkakan 100 daripada 200 lebih IPTS milik bumiputera akan ditutup dampak pandemik COVID-19 pada hujung tahun hadapan.

Ini kerana KPT sehingga kini dilihat tidak mempunyai inisiatif proaktif untuk memastikan kemasukan pelajar ke IPTS berkenaan sewaktu pengambilan tahun ini. Rakyat juga tidak nampak adanya insentif khas untuk menyelamatkan IPTS bumiputera di dalam Belanjawan 2021. Apakah KPT dan pihak kerajaan hanya akan membiarkan IPTS bumiputera menjadi sejarah tanpa melakukan apa-apa tindakan sepatutnya?

Tuan Yang di-Pertua, demi menangani masalah capaian internet, kerajaan telah memperuntukkan RM500 juta pada tahun 2021 nanti bagi melaksanakan Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA). Ini bertujuan memastikan kesalinghubungan sejumlah 430 buah sekolah di seluruh negara. Peruntukan ini dan program ini seolah-olah *de javu*, dengan izin, kepada ramai pendidik. *De javu* yang menjanjikan mimpi ngeri kegagalan 1BestariNet yang telah menelan berbilion ringgit untuk dimonopoli oleh satu syarikat semata-mata.

Hasilnya gagal dan ini telah diakui oleh majoriti para pendidik dan ibu bapa kepada murid-murid sekolah. Apakah jaminan dan usaha pemantauan bersepadu agar JENDELA ini tidak mengulangi kegagalan, ketirisan dan pembaziran wang rakyat seperti 1BestariNet? Bagi rakyat, terutamanya para pendidik, *once bitten, twice shy*, dengan izin.

Dalam masa yang sama, saya juga ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini ya, yang terakhir ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Berkenaan pengurangan hampir RM129 juta peruntukan kepada UiTM. Pada Belanjawan 2020, UiTM menerima RM1.861 bilion tetapi jika dilihat pada Belanjawan 2021, UiTM hanya menerima sekitar RM1.732 bilion sahaja. Pengurangan sebanyak RM129 juta ini akan memberi kesan kepada kesemua 20 buah kampus dan juga 160,957 orang pelajar UiTM yang rata-rata mereka adalah anak bumiputera, anak warga B40, anak peneroka, anak petani, anak nelayan, anak penoreh dan anak-anak buruh sekalian.

Saya dengan ini menggesa agar diberikan semula RM129 juta ini kepada UiTM seperti mana yang telah diberikan pada tahun 2020. Adalah tidak masuk akal peruntukan penting untuk institusi yang selama ini membina pendidikan warga bumiputera, untuk anak-anak keluarga miskin yang tidak berkemampuan dipotong dengan jumlah yang begitu besar sekali.

Begitu juga kita memuji usaha kementerian yang memberikan perhatian kepada OKU di peringkat sekolah. Ya yang terakhir. Ya tetapi juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, ini pun sudah terlebih daripada masa. Sebenarnya tidak boleh. Saya sudah kompromi, Yang Berhormat pun kena tamatkan perbahasan. Silakan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey, dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Tidak boleh lagi Yang Berhormat. Silakan. Nanti terlebih, susah saya. Yang Berhormat.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Terakhir, penutup, penutup, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Penutup dalam masa 30 saat. Silakan.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: Okey. Kita maklum Belanjawan 2021 ini dipamerkan sebagai belanjawan untuk memerangi COVID-19 yang perlu disokong oleh semua pihak. Akan tetapi dalam konteks pendidikan, tiada langkah luar biasa yang dibentangkan untuk membantu murid, guru, siswa dan para pensyarah. Tiada peruntukan khas kepada murid dan guru, terutamanya untuk membantu PdP iaitu proses pengajaran dan pembelajaran dalam talian, tiada pelan jangka masa panjang untuk memastikan semua anak-anak tidak keciciran dalam masa-masa yang mencabar ini. Oleh yang demikian, belanjawan ini hanya boleh disokong jika kesemua keresahan ini diambil kira. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]: Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah kepada semua Ahli Yang Berhormat, terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Selasa 17 November 2020.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.12 petang]